

**Bil. 3**

**Selasa  
19 April 2016**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGAL KEEMPAT  
MESYUARAT PERTAMA**



## K A N D U N G A N

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>USUL:</b> Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong - <i>YB Senator Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman</i>	(Halaman 19)



**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. " Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Sri Doris Sophia Brodie.
3. " Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad
4. " Datuk Abdullah bin Mat Yassim
5. " Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman
6. " Dato' Abdul Rahman bin Mat Yasin (Terengganu)
7. " Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan (Perlis)
8. " Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar - Senator  
- *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
9. " Dato' Adam bin Abdul Hamid (Johor)
10. " Dr. Ariffin bin S.M. Omar (Pulau Pinang)
11. " Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki - Senator  
- *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
12. " Puan Hajah Azizah binti Haji Harun
13. " Puan Bathmavathi A/P K.Krishnan
14. " Dato' Boon Som A/L Inong
15. " Dato' Chai Kim Sen
16. " Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah (Selangor)
17. " Datin Paduka Chew Mei Fun - Senator  
- *Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*
18. " Tuan Chia Song Cheng (Johor)
19. " Datuk Chin Su Phin
20. " Tuan Chong Sin Woon - Senator (Negeri Sembilan)  
- *Timbalan Menteri Pendidikan*
21. " Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
22. " Y.M. Engku Naimah binti Engku Taib (Terengganu)
23. " Dato' Goonasakaren A/L Raman
24. " Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim (Perak)
25. " Dato' Hoh Khai Mun (Pahang)
26. " Dato' Dr. Hou Kok Chung
27. " Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah
28. " Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman
29. " Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh
30. " Dato' Dr. Johari bin Mat (Kelantan)
31. " Datuk Kadzim bin Haji M. Yahya (Sabah)
32. " Puan Hajah Khairiah binti Mohamed (Kelantan)
33. " Dato' Khairudin bin Samad

34. Yang Berhormat Datuk Koh Chin Han (Melaka)
35. “ Dato’ Lee Chee Leong - Senator (Perak)  
- *Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri*
36. “ Datuk Lihan Jok (Sarawak)
37. “ Dato’ Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan - Senator  
- *Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan*
38. “ Datuk Dr. Lucas bin Umbul (Sabah)
39. “ Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit
40. “ Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin
41. “ Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam (Melaka)
42. “ Laksamana Tan Sri Dato’ Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B)
43. “ Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty (Selangor)
44. “ Dato’ Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif (Negeri Sembilan)
45. “ Datuk Seri Panglima Dr. Mohd. Salleh bin Tun Said Keruak - Senator  
- *Menteri Komunikasi dan Multimedia*
46. “ Dato’ Mohd. Suhaimi bin Abdullah (Kedah)
47. “ Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai
48. “ Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin
49. “ Puan Hajjah Norahan binti Abu Bakar (Pahang)
50. “ Datuk Hajah Noriah binti Mahat
51. “ Datuk Norliza binti Abdul Rahim
52. “ Datuk Paul Low Seng Kuan - Senator  
- *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
53. “ Datin Rahimah binti Haji Mahamad
54. “ Tuan Ramli bin Shariff (Perlis)
55. “ Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal
56. “ Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee
57. “ Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff (Kedah)
58. “ Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian
59. “ Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail (Pulau Pinang)
60. “ Datuk Subramaniam A/L Veruthasalam
61. ” Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader
62. “ Tuan Wilfred Yong Chen Leong
63. “ Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas
64. ” Datuk Yoo Wei How
65. “ Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus (Wilayah Persekutuan Labuan)
66. “ Datuk Zali bin Mat Yasin

**DEWAN NEGARA**

**Ketua Pentadbir Parlimen**  
Datuk Awang Alik bin Jeman

**Setiausaha Dewan Negara**  
Encik Riduan bin Rahmat

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)****PETUGAS-PETUGAS****CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Monarita binti Mohd Hassan  
Azhari bin Hamzah  
Rosna binti Bujairomi  
Noraidah binti Manaf  
Nor Hamizah binti Haji Hassan  
Siti Norlina binti Ahmad

Suriyani binti Mohd. Noh  
Yoogeswari A/P Muniandy  
Nor Liyana binti Ahmad  
Zatul Hijanah binti Yahya  
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir  
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan  
Hafilah binti Hamid  
Siti Norhazarina binti Ali  
Mulyati binti Kamarudin  
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli  
Sherliza Maya binti Talkah  
Mohd Salleh bin Ak Atoh

Azmir bin Mohd Salleh  
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa  
Nor Kamsiah binti Asmad  
Siti Zubaidah binti Karim  
Aifarina binti Azaman  
Noorfazilah binti Talib  
Farah Asyraf binti Khairul Anuar  
Julia binti Mohd. Johari  
Syahila binti Ab Mohd Khalid  
Ismalinda binti Ismail  
Hazliana binti Yahaya  
Amir Arshad bin Ab Samad  
Sharifah Raabiatul Adawiyah binti Syed Mohamed  
Nik Nor Nazrin binti Nik Ab Rahman  
Nurul Fadhilah binti Ibharim  
Hizamihatim Maggiha bin Juara



**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL KEEMPAT**  
**MESYUARAT PERTAMA**  
**Selasa, 19 April 2016**  
**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**  
**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam 1Malaysia, salam sehati sejiwa.*

Hari ini hari kedua saya mempengerusikan sidang dan yang kita bertuah, hari ini juga orang nombor dua negara pun hadir *[Tepuk]* Dewan, beri sekali lagi tepuk tangan *[Tepuk]*

Saya ingatkan diri saya sendiri, dulu saya bersama-sama dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, dan saya ingat hari ini, dulu kita boleh bergurau-gurau senda. Sekarang ini dalam Dewan ini, TPM hadir sendiri. Jadi saya rasa amat bahagia dan saya ingin juga mengatakan di sini kepada Dewan, khususnya kepada Yang Amat Berhormat TPM. Saya ingat satu pantun orang Melayu berbunyi

*Di atas bukit tanamnya ubi,  
Burung tempua buat sarang,  
Bukan budi sebarang budi,  
Budi baik dikenang orang... [Tepuk]*

Terima kasih ya. Jadi sekali lagi Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi hadir dan kami ucapkan terima kasih banyak-banyak ya, bahawa prihatinnya TPM ini kepada kita bersidang.

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Koh Chin Han** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, statistik penagih dadah mengikut umur, jantina, jenis-jenis dadah dan bahan berbahaya seperti syabu, ketamine, ganja, erimin 5 dan heroin bagi tempoh 2010 sehingga kini dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi penyalahgunaan bahan berbahaya yang semakin ketara di kalangan masyarakat.

**Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam 1Malaysia.*

Tuan Yang di-Pertua, secara peribadi dan rasmi saya ingin mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua. Dengan izin, *you deserve it [Tepuk]* Iizinkan saya Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab soalan pertama ini bersekali dengan dua lagi soalan berkaitan perkara yang dibangkitkan memandangkan soalan berkenaan bertanyakan perkara yang sama iaitu pertanyaan Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif pada 20 April 2016; dan pertanyaan Yang Berhormat Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah pada 25 April 2016.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang kita sedia maklum, semasa Hari Antidadah Kebangsaan yang dirayakan pada 28 Februari, saya telah mengisytiharkan tahun ini iaitu tahun 2016 ialah tahun memerangi dadah secara habis-habisan. Selaras dengan pengisytiharan ini, kerajaan terus komited untuk menangani masalah pengedaran dan juga penyalahgunaan dadah dengan memberi fokus kepada strategi untuk melumpuhkan bekalan dadah melalui penguatkuasaan undang-undang dan mengatasi masalah penyalahgunaan dadah.

Dari tahun 1983 hingga kini, dadah masih lagi menjadi musuh nombor satu negara. Bagi membuktikan bahawa kerajaan sangat komited dalam membasmi jenayah dadah dan menjadikan negara bebas dadah, terdapat lima akta atau lima perundangan yang telah digubal dalam usaha menghapuskan penularan najis dadah di kalangan masyarakat. Akta-akta ini telah berkuat kuasa sekian lama dengan mengenakan hukuman yang keras sehingga boleh dikenakan hukuman mati mandatori dan hukuman-hukuman yang lain, namun kes dadah dan penyalahgunaan dadah masih terus wujud.

Dalam konteks ini, tentu Dewan yang mulia ini harus mengambil peranan penting kerana mengikut statistik AADK, jumlah terkumpul bilangan penagih dadah yang dikesan dari bulan Januari 2010 hingga Februari tahun ini terdapat 131,841 orang yang menagih dadah.

#### ■1010

Daripada jumlah tersebut, seramai 127,797 ialah lelaki dan seramai 4,044 orang perempuan. Golongan muda berumur 19 tahun ke bawah merekodkan jumlah penyalahgunaan seramai 8,732 orang. Kategori umur 20 tahun hingga 39 tahun merekodkan jumlah penyalahgunaan dadah ini seramai iaitu 97,044 orang dan kategori 40 tahun ke atas adalah seramai 29,355 orang. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh AADK ini, yang dikumpulkan melalui sistem pengurusan *profile client* secara menyeluruh melalui MyAADK, jumlah penagih dadah yang menjalani rawatan dan pemulihan di Pusat Serenti yang kini dikenali sebagai CCRC atau, dengan izin, *Cure & Care Rehabilitation Centre* dari tahun 2011 hingga tahun 2015, seramai 20,731 telah diberikan rawatan. Daripada jumlah tersebut, penagih baru seramai 9,593 iaitu 46 peratus daripada jumlah keseluruhan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebutkan satu angka yang agak membimbangkan kita. Statistik MyAADK yang dikeluarkan tahun lalu menunjukkan bahawa seramai 1,973 orang atau 41 peratus- penagih-penagih dadah ini mengulangi semula menjadi penagih. Wanita contohnya, terdapat seramai 3,889 orang. Bilangan yang menagih semula setelah dipulihkan dalam tempoh tersebut agak baik iaitu kira-kira 14 peratus. Akan tetapi malangnya terdapat kira-kira 86 peratus daripada wanita ini yang dipulihkan merupakan penagih-penagih baru. Ertinya, mereka terpengaruh.

Kita lihat juga umpamanya, beberapa pendekatan yang telah dilakukan dengan melakukan transformasi dan kita telah mengadakan beberapa perubahan dengan kerjasama PEMADAM. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Datuk Suhaimi Abdullah yang menjadi Timbalan Yang di-Pertua PEMADAM yang bukan sahaja mewakili Dewan Negara ini tetapi masyarakat di seluruh negara.

Saya ingin menyebutkan juga salah satu langkah bagi mengatasi masalah penyalahgunaan bahan dadah ini adalah dengan kita sama-sama mempergiatkan kesedaran awam serta pendidikan pencegahan dadah kepada masyarakat melalui media konvensional dan media baru memandangkan majoriti kumpulan sasaran terdiri daripada Generasi 'Y', Generasi 'Z' dan Generasi Alfa yang cenderung menggunakan medium telekomunikasi dalam hidupan seharian. AADK turut melaksanakan penyampaian mesej kesan dan bahaya penyalahgunaan dadah melalui medium-medium komunikasi berkenaan.

Saya juga ingin menyentuh mengenai beberapa perkara yang dibangkitkan dalam soal pelaksanaan, pembanterasan dan pencegahan yang dilakukan oleh pihak PDRM. PDRM mempunyai sebuah jabatan yang dipanggil Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) yang memberikan fokus untuk mempertingkatkan tindakan-tindakan penguatkuasaan melalui beberapa strategi dan kita telah menubuhkan *Special Tactical Intelligence Narcotic Group* (STING). Ini merupakan kumpulan yang didedikasikan, dengan izin, di *dedicated* untuk mengatasi pembanterasan dadah ini.

Secara rasmi, saya sendiri yang, dengan izin, *brainchild idea* ini kerana ada tuduhan mengatakan bahawa permasalahan pengedaran dadah ini tidak dapat dibanteras. Kononnya maklumat-maklumat ini bocor dari Bukit Aman, kononnya ke IPK, Ibu Pejabat Kontinjen ke IPD, kononnya atau Ibu Pejabat Daerah ke balai dan pondok-pondok polis. Oleh sebab itu kumpulan STING ini saya wujudkan untuk terus pergi ke kumpulan sasaran dan maklumat-maklumat tidak dibuat melalui hierarki yang telah saya sebutkan ini. Saya fikir jawapan yang disediakan ini terlalu panjang dan saya, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, ingin membuka peluang kepada Ahli Dewan untuk bertanya soalan daripada saya berkomunikasi sehalu dengan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Diberinya jelas nampaknya. Kalau kita dengar pun kita pun berdebar-debar tetapi kita yakin dengan kata YAB TPM tadi. *Inshaa Allah* benda ini akan dapat dipulihkan sedikit demi sedikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sila, soalan.

**Datuk Koh Chin Han:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih lah kepada Timbalan Perdana Menteri yang menjawab soalan saya. Saya juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada KDN dalam usaha memerangi gejala atau masalah penyalahgunaan dadah ini. Seperti yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Menteri, masalah penyalahgunaan dadah masih merupakan masalah atau pun musuh utama negara kita.

Di sini saya ingin mengatakan bahawa selagi adanya permintaan dadah, maka adanya pembekalan dadah. Saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah usaha yang difikirkan lebih berkesan yang boleh diambil oleh kementerian dalam membanteras, terutamanya untuk menumpaskan sindiket dadah? Khasnya untuk menangkap *kingpin* atau pun raja dadah yang boleh katakan merupakan satu cabaran yang besar kepada KDN. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, ini soalan yang cukup intelektual dan praktikal. Ahli Dewan Negara yang sebeginilah yang patut ada di Dewan ini [*Tepuk*] Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebutkan bahawa terdapat sebuah negara Eropah yang agak liberal dalam soal penggunaan dadah ini. Ada di antara bahan-bahan dadah itu yang dihalangkan dan tidak disekat penggunaannya.

Malah, perundangannya telah dilonggarkan dengan tujuan supaya semoga dengan tidak adanya undang-undang yang ketat, maka rakyat akan melihat bahawa penyalahgunaan itu akan merosakkan diri sendiri tetapi tidak begitu hasilnya. Keberhasilan daripada kelonggaran undang-undang itu telah menyebabkan pengedaran yang terlalu meluas. Oleh yang demikian, sekarang ini, ketika ini di Bangsa-Bangsa Bersatu sedang diperbincangkan melalui *United Nations General Assembly on The World Drug Problem* (UNGASS) dan saya telah menghantar Timbalan Menteri saya untuk mewakili negara kita memberikan lontaran, pandangan di UNGASS ini.

Ertinya, bukan masalah kita sahaja. Bukan negara kita sahaja yang menghadapi permasalahan. Malah, sejak STING ditubuhkan yang telah saya sebutkan tadi, tahun lalu kita telah merampas bukan sahaja satu jumlah yang besar iaitu hampir setengah bilion bahan-bahan dadah yang telah kita rampas. Kita juga telah mencekup beberapa *kingpin* yang disebutkan tadi dan juga beberapa orang ahli kimia yang mengaku dirinya sebagai ahli kimia yang membuat makmal-makmal dadah di kondo dan bangunan-bangunan mewah. Terdapat 17 buah makmal ini yang telah diserang hendap. Saya panggil serang hendap kerana kita melakukan pengintipan begitu lama.

#### ■1020

Ertinya usaha ini berjaya tetapi kerajaan belum cukup berpuas hati dengan kejayaan ini. Ini kerana mereka kerap memintas usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak penguat kuasa kerana mereka mempunyai rangkaian sindiket antarabangsa. Sindiket ini bukan hanya berada di rantau kita tetapi berada di rantau Eropah, Amerika Utara dan beberapa buah benua yang lain yang rangkaianannya cukup licik.

Maka saya berazam, pegawai-pegawai saya di KDN termasuk PDRM dan AADK berazam untuk membanteras, memerangi sebesar-besarnya, sehebat-hebatnya penyalahgunaan dadah dan pengedaran dadah ini. Saya mohon kerjasama Ahli-ahli Dewan yang mulia ini untuk bersama-sama dengan saya dan kerajaan.

Ketepikan perbezaan di kalangan kita walaupun kita mewakili mungkin dilantik oleh parti-parti yang berbeza, tetapi ini soal negara. Soal negara harus kita sama-sama bersatu hati untuk mengatasinya. *Inshaa Allah* kita akan berjaya.

**Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, pertamanya saya ucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri dengan usaha yang dijalankan selama ini iaitu membanteras ataupun mengenali dadah di peringkat sekolah. Namun begitu, gerak kerja yang dibuat oleh PDRM tidak lagi dapat membuahkan hasil kerana terdapat penambahan daripada segi bilangan penagih dadah.

Jadi, saya melihat bahawa apa yang disebut tadi, "raja dadah" ini masih lagi tidak ditangkap. Kalau kita tahu bahawa apabila pelancong dari Iran, dari India datang ke Malaysia ini sudah pastilah ada di kalangan mereka ini membawa bahan-bahan dadah ini atau bahan mentah untuk diproses. Jadi mereka ini seolah-olah tidak takut dengan hukuman mati. Mereka yang ditangkap kadangkalanya sebagai keldai dadah dan menggunakan orang-orang tertentu membawa barang dan sebagainya untuk diperangkap dan akhirnya mereka yang tidak bersalah pun terjebak secara langsung ke dalam arena dadah ini.

Jadi, apa langkah kerajaan melalui program yang dibuat ini bagi menangkap ataupun memusnahkan "raja dadah", dan jumlah pusat pemulihan dadah ini yang selama ini nampaknya ada peningkatan. Takutnya akan datang terasak-asak dan mungkin kita tidak cukup lagi pusat pemulihan dadah. Adakah gerakan yang dibuat oleh pihak tertentu untuk melumpuhkan Generasi 'Y' di Malaysia terutamanya orang Melayu? Ini kerana di kawasan kampung, kawasan peneroka, kawasan FELDA ini paling banyak anak muda yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah. Apakah langkah dan tindakan Yang Amat Berhormat selaku Menteri Dalam Negeri dalam usaha menangani gejala dadah ini? Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Ini soalan akar umbi yang tentunya beliau tidak terlibat dalam kerja-kerja kempen. Saya telah menyebutkan bahawa *kingpin* ini dan pengedar-pengedar dadah ini licik. Mereka mempunyai rangkaian atau dengan izin, *networking* antarabangsa dan tidak adil kalau mengatakan bahawa pihak polis gagal di dalam melakukan tindakan pembanteras kerana negara-negara lain juga menghadapi masalah yang sama.

Saya telah sebutkan jumlah yang telah kita rampas dan saya telah juga sebutkan bagaimana usaha-usaha pemulihan dilakukan. Kita jangan hanya melihat *negativity* kerana jumlah yang disebutkan secara telus tetapi kita harus melihat bahawa pegawai-pegawai polis, kastam, malah UPP iaitu Unit Pencegahan Penyeludupan, ataupun sekarang ini dikenali sebagai AKS iaitu Agensi Keselamatan Sempadan telah melakukan pelbagai kaedah dan cara.

Kita bekerjasama dengan ASEANAPOL iaitu Polis ASEAN, kita bekerjasama dengan INTERPOL, malah kita bekerjasama dengan agensi-agensis perisikan di seluruh dunia dalam usaha pembanteras pengedaran dadah. Kingpin dadah telah ditahan dan mereka dikenakan Perintah LLPK dan kita tahu di bawah POCA, akta yang saya bentangkan di Dewan Rakyat, menyebutkan bahawa ia bukan harus dalam bentuk *punitive* sahaja, hukuman tetapi harus ada usaha dalam bentuk kesedaran, *awareness* atau *preventive*, pencegahan.

Usaha-usaha yang beginilah merupakan rangkaian dan rangkuman dan kesalingan di dalam melakukan usaha-usaha ini. Lantas walaupun terdapat banyak pusat pemulihan yang telah diwujudkan umpamanya di Kedah ada dua, di Pulau Pinang ada satu, di Perak ada dua, di Pahang paling banyak iaitu ada tujuh, Kelantan ada dua, Johor ada dua, Melaka ada satu, Negeri Sembilan, di Jelebu bukan di Jempol, Selangor ada dua, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Sabah dan Sarawak, saya boleh berikan maklumat ini kepada Yang Berhormat. Ertinya, kerajaan berusaha bersungguh-sungguh.

Keterlibatan NGO seperti PEMADAM yang telah saya sebutkan dan banyak lagi NGO yang lain seperti PENGASIH bekerjasama. Kerajaan komited dengan memberikan peruntukan atau geran kepada NGO-NGO ini. Ia timbul dan masih timbul. Saya ingin maklumkan di Dewan yang mulia ini, penagih dadah yang paling muda berumur tujuh tahun iaitu dengan kaedah pengedar-pengedar ini memberikan dadah di dalam gula-gula yang diberikan secara percuma pada peringkat awalnya kepada anak-anak sekolah rendah.

Apabila ketagihan ini mula membara dan merosakkan saraf minda, maka ia memerlukan wang untuk membeli selanjutnya. Ini dipengaruhi oleh rakan-rakan yang lain. Malah saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa kira-kira 42 peratus orang banduan yang ada di dalam semua penjara di Malaysia dengan izin, *drug-related crimes*, penjenayah-penjenayah yang mempunyai kaitan dengan persoalan dadah.

Jadi, begitu serius. *Rehabilitation* atau pemulihan kita lakukan dan kejayaannya saya sebut tadi, yang mengulangi perbuatan itu 41 peratus. Akan tetapi wanita bagus, cuma 14 peratus sahaja yang mengulangi semula. Ertinya itu satu kejayaan yang baik. saya fikir kalau kita pulang ke kawasan masing-masing, kalau ada kawasan atau ke parti masing-masing, gunakan platform jawapan yang saya berikan tadi untuk kita memberitahu rakan-rakan yang lain. Berusaha, bukan hanya untuk bertanya dalam Dewan tetapi berusaha untuk ke bawah membantu AADK. Terima kasih.

**Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Amat Berhormat Menteri, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah di atas pelancaran di Lawas tempoh hari dan saya secara peribadi ingin mengucapkan terima kasih juga kepada Yang Amat Berhormat Menteri kerana telah pun membiayai pemergian saya ke Vienna baru-baru ini untuk menghadiri *United Nations Special Session on Drug Abuse* selama seminggu di sana... [Dewan riuh]

*Alhamdulillah* Yang Berhormat Menteri, saya melihat sendiri dan terima kasih kerana pengalaman baru bagi saya dan saya melihat bagaimana golongan-golongan *human rights* ataupun hak asasi manusia ini berada di dalam Dewan dan memberi sokongan begitu hebat kepada negara-negara yang ingin menghalalkan kanabis, marijuana ataupun ganja ini.

#### ■1030

Mereka juga bersama-sama dengan negara-negara ini untuk kita *abolish*, dengan izin, *capital punishment*, dan mereka menyatakan bahawa kanak-kanak juga mempunyai *right* untuk *decide what they want to smoke*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Jadi soalan saya kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri, apa *stand* ataupun pendirian Malaysia berhubung dengan *legalization* ataupun menghalalkan *kanabis, marijuana*, dadah ganja ini di negara kita dan juga bagaimana kita hendak mengatasi *pressure* daripada *human rights* ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Dengar soalan yang cukup bersemangat itu, saya juga cukup bersemangat untuk berusaha terus... [Disampuk] Malang sekali beliau tidak sempat membawa kawan-kawan kerana peruntukannya kecil [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan bahawa Kerajaan Malaysia tidak akan pernah tunduk, tidak akan pernah berkompromi untuk menghalalkan apa-apa juga bentuk dadah untuk dihalalkan di negara kita termasuk pil kuda yang berleluasa di Kelantan dan sekarang ini telah menjalar ke Terengganu. Kita juga tidak akan berkompromi dengan penyalahgunaan daun ketum yang banyak di Perlis dan Kedah dan sedikit-sedikit di utara Perak. Ini kerana daun ketum ini walaupun cara tradisionalnya mungkin digunakan untuk penyegaran apatah lagi membawa kewibawaan kelelakian tetapi ia tetap dadah dan kita tidak boleh berkompromi dan tunduk untuk mengizinkan apatah lagi untuk menghalalkan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik. Benda ini sangat diminati. Jadi daripada kita tadi, satu lagi sebab apa benda ini penting kerana bosnya datang sendiri, pengerusinya datang. Saya bagi *chance* lagi satu.

**Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh.* Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kerana dapat hadir ke sidang pada pagi ini. Saya juga bersyukur kerana rakan sesekolah saya menjadi Timbalan Perdana Menteri. Saya mengucapkan tahniah [Tepuk]

Saya hendak mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Walaupun saya di dalam sebuah NGO Islam tetapi saya akur bahawa hal-hal yang berkaitan dengan dadah ini walaupun kita memberi keprihatinan tetapi tidaklah sedalam pimpinan-pimpinan NGO seperti PEMADAM.

Cuma yang saya hendak kemukakan soalan dan juga pandangan. Selain daripada tindakan undang-undang yang kita lihat, ada keberkesannya dan ada juga masalah dengan kita mendengar daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi bahawa jumlah yang sentiasa berubah-ubah. Ada yang berhenti terus, ada yang kembali semula. Isunya sekarang ialah apakah Kementerian Dalam Negeri dan agensi-agensi seperti PDRM dan sebagainya mengambil satu sahaja pendekatan ataupun ada memikirkan pendekatan yang merupakan satu pakej, dengan izin. Umpamanya pendekatan kerohanian.

Kita lihat dalam surat khabar, kadang-kadang kita terbaca ada beberapa orang individu ataupun kelompok di kalangan orang Islam yang membuat *treatment*, dengan izin, kepada penagih-penagih dadah ini dengan pendekatan kerohanian yang serius. Ada diberitakan ada keberkesannya.

Jadi, adakah Kementerian Dalam Negeri juga memikirkan tentang pendekatan kerohanian yang disebut sebagai satu tarbiah kerohanian yang mendalam. Ini supaya kita dapat melihat bagi orang Islam umpamanya walaupun ini isu negara bukan isu orang Islam tetapi isu rakyat Malaysia. Allah SWT telah memberitahu dalam Al-Quran... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Jangan kamu mencampakkan tangan kamu, diri kamu ke dalam kebinasaan.

Cukup jelas ayat itu tetapi kenapa kita terutama orang Melayu, saya difahamkan jumlah orang Melayu yang menghisap dadah, yang terlibat dalam dadah nombor *wahid*, dengan izin. Yang pertama di Malaysia ini, kemudian orang India dan yang ketiga orang Cina. Kalau boleh diberitahu juga apakah punca-puncunya orang Melayu yang paling ramai terdedah di dalam dadah ini. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana empat soalan ini. Luar biasa. Saya lihat 35 minit sesi untuk saya ertinya bukan kerana Tuan Yang di-Pertua ini pernah menjadi rakan sepejabat dengan saya. Ketika saya menjadi setiausaha politik, beliau menjadi Setiausaha Sulit Kanan. Setiausaha Sulit yang cukup efektif bukan Setiausaha Sulit yang tidak sulit dan menyulitkan [*Ketawa*]

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty. Kami memang satu sekolah tetapi beliau lebih pintar daripada saya kerana beliau berjaya mengadakan PhD lebih awal daripada saya. Lebih pintar tetapi bukan ertinya saya kurang pintar. Daripada segi politik, saya lebih pintar sedikit daripada beliau [*Ketawa*]

Di dalam melakukan beberapa pendekatan baru, kita menggunakan kaedah kerohanian iaitu dengan menggunakan pendekatan *inabah* iaitu menggunakan kalamullah, ayat Al-Quran di dalam Al-Furqan, di dalam Al-Quran dan juga *ayatulsyifa'* yang ada dalam Al-Quran untuk penguatkuasaan. Soal penagihan ini bukan hanya soal lahiriah tetapi soal kerohanian. Ia melibatkan pertukaran sahsiah ataupun personaliti kerana pengaruh ketagihan ini. Maka melalui CCRC dan beberapa buah pusat yang lain, pendekatan-pendekatan kerohanian ini telah kita lakukan. *Alhamdulillah* saya berlatar belakang pendidikan yang sama dengan Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty. Jadi pendekatan keagamaan ini saya gunakan.

Untuk agama lain selain daripada Islam, kebetulan mereka kurang jumlahnya berbanding dengan orang-orang Melayu seperti yang disebutkan tadi, pendekatan-pendekatan keagamaan juga dilakukan. Agak malang kerana pendekatan yang menggunakan kaedah *inabah* ini kadang-kadang tidak berapa di dokong kerana waktu pemulihan itu agak panjang dan kosnya tinggi. Akan tetapi *inshaa Allah* sebuah yayasan saya ingin menyebutkan di sini, di Dewan yang mulia ini iaitu Yayasan Albukhary telah memberikan dana sebanyak RM5 juta kepada AADK untuk membantu pemulihan melalui kaedah *inabah* ini.

Apakah kaedah-kaedah lain? Kenapa orang Melayu lebih banyak, saya harus kembali kepada ajaran kita... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Ertinya kita harus mendekati diri kepada ahli kita, kepada keluarga kita supaya menjauhi api neraka dan bukan hanya perbuatan untuk tidak melakukan solat... [*Bercakap dalam bahasa Arab*] Bukan itu sahaja tetapi dalam soal-soal ibadah dan amalan-amalan yang lain.

Jadi pendekatan dakwah ini, pendekatan kita semua sebagai da'e harus dilakukan dengan *bilhikmah wabil hasanah*. Saya harap Yang Berhormat Datuk Seri Nallakaruppan memahami apa yang saya sebutkan tadi [*Ketawa*]

Akan tetapi apa yang ingin saya maksudkan di sini ialah pendekatan-pendekatan kerohanian tetap dijalankan selain daripada pendekatan konvensional melalui *medical treatment*, dengan izin, atau lain-lain kaedah psikologi dan *inshaa Allah* kita sama-sama. *Wehdatul fiq*. Kita satukan pemikiran kita untuk diterjemahkan sebagai *wehdatul amal* di dalam memerangi dadah ini.

Cukuplah Tuan Yang di-Pertua empat soalan ini, janganlah tambah soalan lagi. Terima kasih banyak-banyak.

#### ■1040

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri hadir, saya beri masa sebab ramai sangat kita punya Yang Berhormat di Dewan Negara tahu masalah ini, menyampaikan kepada TPM kita ini. Hari ini mungkin nampak jelas apa yang diterangkan oleh TPM kita ini masalah kita ada banyak. Itulah saya rasa sangat bersyukur, berterima kasih kepada TPM kerana hadir ini sebab banyak benda yang kita hendak ceritakan. Kalau hendak ikut masa tadi, saya hendak tambah lagi tetapi pasal apa jadi banyak sangat ini [Ketawa]

Saya hendak maklumkan cerita lama. Masa tahun 1988, Dato' Sri Najib menjadi Menteri Belia dan Sukan, saya Setiausaha Sulit Kanan dan sahabat saya itu dia jadi Setiausaha Politik. Dato' Sri Najib pindah jadi Menteri Pertahanan, saya Setiausaha Sulit Kanan, Dato' Seri Zahid Hamidi jadi Setiausaha Politik. Akan tetapi baru-baru ini- cerita lama ya, *last year* saya ingat, Dato' Sri Najib datang tanya saya di majlis *open house*, cerita borak-boraklah. Dia kata, "*Halim, Wah! You untunglah dapat Senator*". So, "*Terima kasih Dato', Dato' bagi. Saya, Dato' beri Senator tetapi Dato' Seri Zahid Hamidi Dato' bagi TPM*".

Saya saja *jokelah* [Ketawa] Dia dapat TPMlah, saya gelak. Jadi Dato', ini saya hendak ucapkan terima kasih kepada Dato' Seri yang begitu cantik dan mengurangkan masalah kita selepas ini. Kita hendak berterima kasih kerana kita dapat. Terima kasih Dato' dan saya rasa kita puas hati.

**2. Dr. Ariffin bin S.M. Omar** minta Perdana Menteri menyatakan, langkah-langkah yang diambil untuk membendung gejala kebocoran maklumat/dokumen sulit kerajaan kepada orang awam, adakah maklumat yang membongkarkan rasuah dan salah guna kuasa dikecualikan supaya kepentingan rakyat dan negara dijamin dan masalah rasuah dapat dibendung.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:** Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan melalui Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) telah mengambil langkah-langkah bagi membendung gejala kebocoran maklumat kerajaan melalui tindakan berikut.

Pertama, mengadakan program pendidikan dan kesedaran keselamatan perlindungan serta khidmat nasihat kepada semua pegawai awam termasuk pegawai-pegawai yang bertugas di pejabat anggota pentadbiran peringkat persekutuan dan negeri. Untuk tujuan ini, sebanyak 158 kursus telah diadakan dan 94 taklimat ceramah telah disampaikan kepada penjawat awam sepanjang tahun 2015.

Kedua, menggubal Dasar Perlindungan Ketirisan Maklumat Elektronik Sektor Awam (DLP) dengan rakan strategik Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dan melaksanakan *pilot project system* DLP, CGSO dan MAMPU. Polisi dan sistem DLP yang telah diuji dalam projek perintis ini ialah salah satu kaedah penyelesaian menggunakan teknologi untuk mengekang dan mengesan kebocoran maklumat dalam tiga situasi keadaan data iaitu data dalam penggunaan (*in use*), data dalam storan (*at rest*) dan data yang sedang dipindahkan (*in motion*).

Perlindungan kepada pemberi maklumat secara jelas telah diperuntukkan di bawah seksyen 65 Akta SPRM 2009. Menurut seksyen 65, subseksyen 1, Akta 694, aduan yang telah dibuat oleh seorang pegawai suruhanjaya yang berbangkit dari apa-apa maklumat yang diterima pada pegawai suruhanjaya ialah menjadi rahsia termasuk segala-galanya yang terkandung dalam maklumat dan identiti orang yang memberi maklumat dan segala keadaan lain yang berkaitan maklumat termasuk tempat maklumat diberikan.

la juga tidak boleh didedahkan dalam mana-mana prosiding sivil, jenayah ataupun yang lain dalam mana Mahkamah Tribunal dan pihak berkuasa lain. Namun di bawah seksyen 65(3) [Akta 694], sekiranya seseorang memberi maklumat itu sedang dia tahu bahawa maklumat itu palsu maka menjadi satu kesalahan dan jika disabitkan boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 10 tahun dan juga boleh dikenakan denda tidak melebihi RM100,000. Terima kasih.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sila soalan tambahan.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Terima kasih atas jawapan. Soalan yang berikut ialah apakah kriteria untuk buat klasifikasi dokumen di bawah OSA dan adakah laporan *Auditor General* dimasukkan ke bawah OSA iaitu laporan biasa dan juga laporan istimewa contohnya laporan *Auditor General* tentang 1MDB?

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini ialah kepada satu perkara baru iaitu Laporan Audit. Saya boleh menjawab soalan yang kedua itu berkenaan, adakah laporan *Auditor General* itu dilihat di bawah *Official Secrets Act*? Memang itu ialah jawabannya. Akan tetapi, berkenaan dengan kriteria yang mana dalam kategori boleh diletakkan dalam definisi "Rahsia Kerajaan" itu, saya hanya boleh memberi jawapan secara bertulis. Terima kasih.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sila.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu saya hendak ucap tahniah atas pelantikan sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara ini.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Soalan saya berhubung dengan akta ini. Setakat ini, berapa banyakkah atau berapa ramai mereka yang telah membocorkan rahsia kerajaan yang telah diambil tindakan setelah akta ini diluluskan di Parlimen? Kemudian, kategori-kategori kebocoran yang telah dikenal pasti dalam tindakan yang telah diambil dan keputusan-keputusan yang telah dijatuhkan oleh pihak mahkamah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Terima kasih soalan daripada Senator. Bagi tempoh tahun 2011 sehingga tahun 2015, terdapat seramai 15 orang individu yang telah disiasat di bawah seksyen 8, Akta Rahsia Rasmi 1972. Daripada jumlah ini, empat orang individu yang dituduh di mahkamah untuk kesalahan tersebut. Dua daripada individu tersebut telah dituduh di Mahkamah Sesyen Kuala Kangsar, Perak dan kes sedang dalam peringkat perbicaraan. Dua lagi individu telah dituduh di Mahkamah Sesyen Seremban, Negeri Sembilan dan telah dilepaskan dan dibebaskan pada 16 April 2015. Rayuan telah difailkan oleh pihak pendakwa atas keputusan tersebut dan perbicaraan rayuan telah ditetapkan di Mahkamah Tinggi Seremban pada 25 Mac 2016 dan 7 April 2016.

Sebenarnya Senator, kalau kita hendak lihat daripada insiden kebocoran maklumat rasmi dan rahsia rasmi kerajaan yang telah direkodkan oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan (CGSO) adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Rekod
2010	0
2011	0
2012	2
2013	2
2014	15
2015	12

Sebenarnya, walaupun Pejabat CGSO yang membuat kategori maklumat rahsia rasmi kerajaan, siasatan dan juga tuduhan dilaksanakan oleh Polis Diraja Malaysia. Itu sebabnya dalam jangka masa yang kita berhadapan ini, disebabkan cabaran teknologi maklumat, akta yang di bawah Pejabat CGSO seperti Akta Rahsia Rasmi ini boleh dilihat agak kebelakangan, Tuan Yang di-Pertua.

Ini ialah akta pada tahun 1972 dan kalau kita tengok, akta ini tidak merangkumi apa yang berlaku hari ini iaitu kebocoran melalui teknologi maklumat. Contohnya dokumen kerajaan, ambil gambar melalui *WhatsApp* dan dihantar. Ini perlu mendapat dengan izin, *evidence gathering* yang agak berat yang mana pada hari ini kita mempunyai SKMM sebagai sebuah agensi, Polis Diraja Malaysia juga mempunyai agensi.

Akan tetapi dalam perkara ini, kemungkinan pihak peguam bela kepada yang dituduh mempunyai satu kebolehan untuk lari daripada tuduhan kerana beban bukti kes jenayah ialah *beyond any reasonable doubt*. Jadi bila *WhatsApp* ini, kadang-kadang dia boleh kata orang yang pegang telefon dia. Kadang-kadang bila sistem teknologi maklumat *Facebook* dan sebagainya, kadang-kadang *Facebook* pun orang boleh masuk dan menggunakannya. Kedua, bahkan bukti ini boleh dihilangkan sebab contohnya dalam episod *Facebook*, bila dia *delete* semua dalam *content* itu, kita hendak keluaran balik mempunyai satu sistem teknologi yang dipegang oleh mungkin agensi seperti SKMM.

Itu sebabnya Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan melihat perlunya satu pindaan yang menyeluruh kepada Akta Rahsia Rasmi, mengambil kira perkara ini, pertama. Keduanya juga dilihat daripada segi beban bukti. Kemudian, daripada segi tuduhan. Setakat ini, mungkin dalam perbincangan tetapi belum lagi ditentukan oleh Eksekutif. Adakah yang membuat tuduhan *charge* itu dibuat oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan dan bukan Polis Diraja Malaysia? Ini sebab setakat ini bila disebut dalam OSA, pertuduhan itu oleh PDRM. Ini sebenarnya antara cabaran-cabaran ke hadapan yang perlu dibuat. Ini sebab daripada senarai kes-kes yang saya sebut tadi, tidak banyak kes yang ditangkap.

Akan tetapi kalau kita tengok daripada segi kebocoran maklumat, kadang-kadang banyak orang macam kononnya tahu apa yang sedang berlaku. Ini yang jadi masalah kita, yang perlu kita lihat dalam keadaan yang lebih luas, perlunya suatu pindaan supaya kita dapat membantu dan menentukan bagi kerajaan untuk meletakkan rahsia kerajaan kepada prioriti yang lebih tinggi. Terima kasih.

#### ■1050

**3. Datuk Hajah Noriah binti Mahat** minta Perdana Menteri menyatakan, status kewangan Tabung Haji daripada segi pelaburan dan pendapatan serta sejauh manakah kebajikan pendeposit diutamakan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kedudukan kewangan Lembaga Tabung Haji adalah kukuh dan baik. Pelaburan-pelaburan yang diceburi Tabung Haji pula pelaburan yang patuh syariah. Pelaburan Tabung Haji ini merangkumi pelaburan dalam saham, sekuriti hutang, hartanah dan pasaran wang mengikut peratusan alokasi aset atau dengan izin, *asset allocation* yang tertentu agar dapat memberi pulangan yang baik pada Tabung Haji.

Prestasi kewangan Tabung Haji pada 31 Disember 2015 merekodkan pendapatan sebanyak RM4.47 bilion dan keuntungan bersih selepas zakat mencecah RM3.53 bilion. Ini adalah yang tertinggi sejak ia ditubuhkan.

Sumber utama pendapatan Tabung Haji merangkumi pelaburan ekuiti iaitu 55 peratus, pelaburan sekuriti hutang iaitu 16 peratus, pasaran wang dan instrumen kewangan iaitu 10 peratus dan sewaan, pembiayaan serta lain-lain iaitu 19 peratus.

Daripada segi kebajikan para pendeposit pula, Tabung Haji sentiasa memastikan prestasinya sebagai pengurus ibadat haji yang terbaik demi menjamin kebajikan para pendeposit dan kemaslahatan ummah. Sebagai institusi yang diwujudkan dengan matlamat untuk menguruskan simpanan pendeposit untuk menunaikan Rukun Islam yang kelima, Tabung Haji sentiasa memastikan bahawa kebajikan pendeposit sentiasa menjadi keutamaan seperti mana yang digariskan dalam visi dan misi Tabung Haji.

Kebajikan yang paling utama memberikan perkhidmatan cemerlang kepada setiap jemaah haji negara pada setiap musim haji sehingga diiktiraf sebagai pengurus haji yang terbaik, bahkan dicontohi seantero dunia.

Kebajikan yang diberikan kepada para pendeposit dilihat dalam beberapa aspek termasuklah yang pertama, jaminan simpanan Tabung Haji adalah selamat dan dijamin oleh kerajaan serta berlandaskan konsep *wadiah yad dhamanah* iaitu simpanan yang dijamin. *Wadiah* maksudnya simpanan. *Yad Dhamanah* maksudnya bersama dengannya satu jaminan iaitu daripada kerajaan.

Kedua, pemberian hibah iaitu dividen dan juga bonus kepada pendeposit pada setiap tahun demi meningkatkan jumlah simpanan mereka di Tabung Haji. Ini juga satu bentuk kebajikan yang dijamin oleh Tabung Haji. Kadar pemberian hibah berdasarkan prestasi kewangan tahun semasa dan mengikut budi bicara Tabung Haji. Harus diingat, dalam prinsip *wadiah yad dhamanah*, kita tidak boleh mensyaratkan adanya hibah. Ia budi bicara Tabung Haji kerana para pendeposit hanya memberikan deposit mereka untuk diuruskan.

Ketiga, pemberian bonus haji bermula tahun 2013 memberi manfaat tambahan kepada pendeposit Tabung Haji yang belum pernah menunaikan haji agar dapat mencukupkan simpanan mereka bagi membayar bayaran haji.

Keempat, Tabung Haji juga mengekalkan bayaran haji untuk seorang jemaah sebanyak RM9,980 selama lapan tahun berturut-turut walaupun kos haji sebenar bagi setiap jemaah telah pun meningkat setiap tahun. Untuk pengetahuan dan untuk rekod, pada tahun 2016, kos haji sebenar adalah berjumlah RM18,890. Ini bermakna Tabung Haji memberikan subsidi berjumlah RM8,910 bagi setiap orang.

Kelima, Tabung Haji menanggung subsidi haji untuk jemaah haji negara. Jumlah keseluruhan subsidi yang ditanggung Tabung Haji dalam tempoh sepuluh tahun adalah berjumlah RM821 juta iaitu dari tahun 2006 sehingga 2015. Bagi musim haji tahun 2016 ini, subsidi atau tanggungan haji bagi seorang jemaah haji negara adalah berjumlah RM8,910 dan anggaran jumlah keseluruhan subsidi mencecah RM160 juta.

Keenam, kos haji sebenar iaitu RM18,890 adalah bertujuan menampung kos perkhidmatan melibatkan penerbangan, perkhidmatan daripada segi penginapan, pengangkutan, makan dan minum dan barangan haji selama tempoh 40 hari di Tanah Suci.

Ketujuh, pelaksanaan secara percuma kursus-kursus haji yang meliputi kursus asas, kursus intensif dan Kursus Perdana Haji bagi memantapkan pengetahuan ibadah haji kepada bakal-bakal jemaah haji negara. Perkhidmatan kesihatan percuma juga diberikan kepada para jemaah haji negara seperti klinik, pusat rawatan dan ubat-ubatan. Semuanya diberikan percuma termasuklah para petugas kesihatan di Tabung Haji yang sentiasa bersiap siaga 24 jam.

Akhir sekali, penyediaan secara percuma khidmat bimbingan ibadat haji dan kaunseling kepada para jemaah haji sepanjang mereka berada selama 40 hari di sana. Justeru, ditegaskan bahawa tanpa kedudukan kewangan yang kukuh dan baik serta pulangan daripada aktiviti pelaburan, tidak mungkin Tabung Haji dapat memberikan perkhidmatan haji yang terbaik serta menjaga kebajikan para pendepositnya. Sekian, terima kasih.

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri yang menjawab dengan begitu berhemah sekali dengan lemah lembut. Saya suka cara Yang Berhormat Menteri menjawab. Orangnyapun manis, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita sama-sama maklum bahawa Tabung Haji telah menjadi sasaran pelbagai spekulasi di laman-laman sosial dan blog dengan pelbagai isu semata-mata kononnya mempersoalkan integriti kerajaan yang mana fitnah semata-mata, kerana terbukti Tabung Haji mampu memberikan dividen kepada pendeposit pada tahun 2015 sebanyak lima peratus dan tambah bonus sebanyak tiga peratus kepada pendeposit yang belum pernah menunaikan haji serta kedudukan kewangan yang juga kukuh seperti mana yang dinyatakan sebentar tadi.

Saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah kesan fitnah yang dibangkitkan oleh pembangkang terhadap operasi dan pengurusan Tabung Haji? Saya juga ingin tanya, bagaimanakah Tabung Haji menangani tohmahan pihak yang tidak tanggungjawab ini dan meyakinkan pendeposit serta mereka yang berkepentingan mengenai kedudukan Tabung Haji? Juga, apakah penambahbaikan yang dilaksanakan bagi mengembangkan lagi pelaburan Tabung Haji?

Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu lagi soalan. Oleh sebab saya suka dengan Yang Berhormat Menteri ini, saya tambah sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua. Kebetulan Tuan Yang di-Pertua pun baru.

Saya hendak tanya, apakah langkah yang dilaksanakan oleh Tabung Haji bagi mengelakkan kos menunaikan haji naik dan tidak membebankan pendeposit terutamanya orang-orang kampung seperti saya? Saya juga mencadangkan agar Tabung Haji memberi prioriti kepada pendeposit yang berumur 60 tahun ke atas yang belum pernah menunaikan haji diberi peluang menunaikan haji dahulu kerana kebanyakan mereka yang dari luar bandar hanya mampu cukupkan deposit mereka pada umur yang sebegitu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Tuan Yang di-Pertua, saya pun ingin puji Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah pun apa kurangnya. Orang Kelantan kata '*jangkoknya*', dengan izin.

Berkenaan dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk Noriah tadi, sebenarnya amat ralat dan mengecewakan kita apabila Tabung Haji ini sebagai institusi yang merupakan mercu tanda umat Islam kita ditohmah dan difitnah hanya kerana kepentingan-kepentingan tertentu untuk merebut kuasa dan menjatuhkan kerajaan dengan cara yang tidak berhemah.

#### ■1100

Saya ingin tegaskan di sini bahawa apa yang berlaku dalam jangka masa dua minggu Tabung Haji difitnah. Kenapakah saya kata dua minggu? Ini kerana ia bermula apabila Tabung Haji lambat mengumumkan dividen yang sepatutnya mengumumkan berbanding tahun lepas dia membandingkan dengan tahun lepas 28 Januari. Akan tetapi hakikatnya tidak lambat daripada segi peraturan kerana Tabung Haji perlu mengumumkan dividen dia selepas melalui proses tadbir urus iaitu perlu diaudit oleh Jabatan Audit Negara dan perlu melaporkan kepada atau mengisytiharkan dividen sebelum akhir penghujung bulan Mac.

Kelambatan berbanding tahun lepas hanya dalam tempoh dua minggu sahaja. Dalam tempoh dua minggu ini diambil kesempatan oleh pihak pembangkang dengan mengatakan bahawa Tabung Haji tidak ada duit untuk membayar pendeposit. Sebab itulah lambat hantar dividen. Benda ini *diviralkan*. Hari ini Tuan Yang di-Pertua, masalah kita yang paling utama kita berkecenderungan untuk mempercayai maklumat-maklumat yang tidak betul dan *diviralkan*. Apabila lambat sedikit kita jawab tak sampai 24 jam dia akan mencipta satu persepsi dan ini yang berlaku.

Kita lupa amaran Allah SWT dalam Al-Quran, dengan izin, Surah Al-Hujurat yang Allah SWT menyebutkan dalam ayat ke-6... [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Wahai orang yang beriman, sekiranya datang kepada kamu seorang manusia yang fasik membawa satu berita maka kamu kena selidiki terlebih dahulu. Selidik kerana apa kerana menyelidik. Ini kerana takut-takut berita yang kamu percaya itu akan menyebabkan kamu memudaratkan orang lain dan kamu menyesal atas perbuatan kamu.

Ini yang berlaku kepada realitinya pada Tabung Haji. Kepada pendeposit Tabung Haji lantaran kerana mempercayai *viral* Tabung Haji tidak ada duit rugi, duit tak ada hendak bayar pendeposit akhirnya yang berlaku Tuan Yang di-Pertua kesan seperti mana yang ditanya tadi saya boleh maklumkan di sini. Ini kerana di Dewan Rakyat waktu itu maklumat yang kita bagi tidak menyeluruh kerana waktu itu kita masih mendapatkan maklumat daripada mengumpulkan semua maklumat daripada cawangan-cawangan Tabung Haji.

Dalam tempoh 1 Februari hingga 31 Mac 2016 kesan daripada *viral* fitnah ini, sejumlah 3,954 orang pendeposit telah menutup akaun dan yang lebih menyedihkan 3,105 orang pendeposit telah membatalkan pendaftaran haji mereka. Kerana apa saya kata membatalkan, kerana bagi mereka yang hendak membatalkan haji mereka perlu mengeluarkan RM1,300 yang mereka wajib menyimpan secara minima dalam akaun masing-masing. Mereka tak boleh keluar sewenang-wenangnya melalui ATM. Kalau mereka hendak mengeluarkan RM1,300 ini mereka perlu pergi ke kaunter Tabung Haji dan mengisi borang dan waktu itu Tabung Haji dengan penuh berhemah menasihati mereka. Bahawa kesan kalau mereka mengeluarkan duit mereka dari Tabung Haji ini akan menyebabkan terjejasnya giliran haji mereka.

Mereka tetap mahu keluaran atas faktor mereka percaya *viral* yang dimainkan oleh pembangkang yang mengatakan bahawa Tabung Haji tak ada duit untuk membayar balik pendeposit duit deposit. Akhirnya mereka keluaran, dan daripada jumlah itu seramai 45 orang yang cuba mendaftar semula haji tidak ada masalah tetapi kesannya apabila mereka mendaftar balik tempoh menunggu mereka telah meningkat kalau mengikut daftar semula sekarang ini kalau mengikut minggu lepas mereka perlu menunggu 83 tahun.

Dalam Dewan Rakyat, Menteri ada sebut 33 orang daripadanya yang sepatutnya pergi Haji tahun depan, dua tahun lagi, empat tahun ke bawah yang sepatutnya mereka sudah dapat peluang tetapi kerana termakan dengan dakwah fitnah yang dimainkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Ini yang saya sebutkan tadi. Ini amaran Allah dalam Al-Quran. Ini bukan soal kita hendak menyatakan ataupun hendak menutup kebatilan tetapi kebenarannya terserlah kerana selepas daripada dua minggu daripada *viral* itu Tabung Haji ternyata mengumumkan keuntungan tertinggi sepanjang operasinya dan pengurusannya.

Ternyata boleh membawa dividen dan bonus sebanyak 8 peratus. Inilah hasil daripada dakwah fitnah yang saya mengharapkan agar Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga rakyat di luar sana supaya kita sentiasa berpegang kepada prinsip tabayyun. Jangan kita percaya bulat-bulat maklumat yang tersebar di dalam media sosial dan akhirnya kita membuat tindakan yang bukan sahaja boleh menyusahkan kita, memudaratkan orang ramai tetapi cuba bayangkan kalau ia boleh meruntuhkan institusi Tabung Haji yang begitu banyak berjasa kepada umat Islam.

Soalan kedua tadi berkenaan dengan langkah-langkah yang dibuat oleh Tabung Haji untuk mengurangkan kos. Seperti mana yang saya sebutkan tadi, Tabung Haji terus mengekalkan kosnya sebanyak subsidi tadi sepatutnya kos sebenar haji bagi setiap pendeposit atau yang hendak menunaikan haji RM9,980.

Namun, selama lapan tahun berturut-turut kita pastikan bahawa kita dapat memberikan subsidi kepada para jemaah haji kita. Bagaimanakah kita mampu untuk menyediakan subsidi sebegitu rupa yang saya sebutkan tadi mencecah RM160 juta? Ini kerana model Tabung Haji untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, model Tabung Haji bukan sahaja menguruskan haji.

Antara *core business*, dengan izin, ataupun operasi utama mereka menguruskan pelaburan. Ini kerana pengurusan pelaburan seperti mana yang saya jelaskan daripada awal dalam sektor hartanah, dalam saham, dalam pemilikan Bank Islam umpamanya yang membolehkan Tabung Haji mendapatkan keuntungan. Keuntungan inilah akhirnya yang mampu untuk membantu memberikan subsidi kepada jemaah-jemaah haji yang pergi ke haji dengan kos yang jauh lebih rendah bahkan saya sebutkan dalam Dewan Rakyat, yang terendah di rantau Asia Tenggara ini bahkan di dunia kalau boleh saya sebutkan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Abdul Rahim, sila.

**Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya turut mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang begitu tepat dan juga tahniah pada Tabung Haji kerana mengurus pelaburan yang begitu mantap. Soalan tambahan saya Yang Berhormat Menteri ialah, apa keputusan Tabung Haji berhubung dengan tanah yang telah dibeli di kawasan TRX. Terima kasih.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan pelaburan tanah di TRX ini kerana urusan isu-isu yang melibatkan kepentingan komersial di mana Tabung Haji melihat bahawa penjualan itu akan menjelaskan keuntungan yang sepatutnya dijangkakan mendapat keuntungan yang lebih besar. Justeru pada peringkat ini apa yang diputuskan oleh pihak pengurusan Tabung Haji ialah kita mengekalkan dulu tanah TRX ini. Apa juga maklumat secara lebih terperinci, saya akan berikan jawapan secara bertulis daripada pihak Tabung Haji sendiri. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Jadi saya hendak masa sedikit. Terima kasih Yang Berhormat dan sekarang saya minta soalan nombor empat sekarang ini.

4. **Datuk Kadzim bin Haji M. Yahya** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, adakah Kerajaan Malaysia menyedari taktik terbaru negara China yang mendesak sesebuah negara yang menerima pelaburan darinya perlu juga menerima tenaga kerja dari negara tersebut dalam jumlah yang besar mengikut skala pelaburan yang dilaburkan seperti dilaporkan oleh sesebuah negara jiran dan adakah ia sudah mula terjadi di Malaysia. Kalau benar, apa tindakan kerajaan untuk mengatasi syarat sedemikian.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Lee Chee Leong]:** Tuan Yang di-Pertua, MIDA telah menetapkan beberapa kriteria penting dalam memilih pelaburan dalam sektor perkilangan yang bakal masuk ke dalam negara. Melalui pendekatan berfokus atau *targeted approach*, MIDA sentiasa memberi penekanan terhadap pelaburan-pelaburan berkualiti tinggi termasuklah pelaburan dari negara China. Bermula pada tahun 2016, MIDA telah menetapkan beberapa kriteria tambahan bagi memastikan projek-projek yang diluluskan adalah berkualiti serta tidak berasaskan buruh dengan mengkaji semula nisbah pelaburan modal bagi setiap pekerja ataupun *capital investment per employee*, dengan izin, daripada RM55,000 kepada RM140,000.

Di samping itu, syarikat juga turut dihadkan jumlah pekerja asing tidak mahir tidak melebihi 20 peratus daripada jumlah guna tenaga syarikat bagi sesebuah projek baru yang diluluskan dengan tujuan supaya peluang pekerjaan yang lebih besar dapat diberikan kepada rakyat tempatan di semua peringkat jawatan.

#### ■1110

Dasar kerajaan sentiasa mengutamakan peluang-peluang pekerjaan yang diwujudkan dapat diisi oleh rakyat tempatan. Namun begitu sekiranya rakyat tempatan tidak dapat memenuhi kemahiran yang diperlukan oleh syarikat bagi mengisi peluang pekerjaan yang diwujudkan, penggajian tenaga kerja asing boleh dipertimbangkan kepada syarikat berdasarkan kriteria-kriteria yang ditetapkan. Kerajaan melalui MIDA mengenakan syarat-syarat tertentu kepada syarikat yang ingin membawa masuk pegawai dagang ke negara ini bagi sektor perkilangan dan sektor perkhidmatan terpilih. MIDA melalui Jawatankuasa Teknikal Mengenai Pegawai Dagang boleh mempertimbangkan kelulusan jawatan pegawai dagang iaitu jawatan penting dan jawatan bertempoh.

Jawatan penting jawatan-jawatan di peringkat pengurusan tertinggi dalam syarikat-syarikat di mana ianya diperlukan untuk menjaga kepentingan dan pelaburan mereka di negara ini. Manakala jawatan bertempoh adalah jawatan yang diisi oleh rakyat asing untuk tempoh masa tertentu sahaja dan dikenakan syarat-syarat tertentu. Bagi memastikan bakat tempatan berpeluang menjawat jawatan profesional di syarikat-syarikat pelabur asing ini, syarikat dipertimbangkan jawatan bertempoh sehingga tempoh maksimum lima tahun sahaja bergantung kepada keperluan syarikat dan keupayaan bakat tempatan untuk mengambil alih jawatan tersebut.

Kelulusan jawatan bertempoh ini akan dikenakan syarat iaitu syarikat hendaklah melatih rakyat Malaysia bagi mengambil alih jawatan ini selepas tamat tempoh tersebut. Di samping itu, kelulusan jawatan bertempoh juga disyaratkan dengan kelayakan akademik, tempoh pengalaman tertentu dan gaji pokok minima RM5 ribu bagi memastikan berlakunya pemindahan teknologi dan pengetahuan teknikal kepada rakyat Malaysia. Selain itu, MIDA juga mengambil kira pandangan Jabatan Tenaga Kerja sebelum meluluskan jawatan bertempoh terutama jawatan teknikal untuk memastikan keutamaan diberikan kepada rakyat Malaysia bagi mengisi kekosongan jawatan terutama peluang pekerjaan baru yang diwujudkan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sila.

**Datuk Kadzim bin Haji M. Yahya:** Terima kasih pada Yang Berhormat Menteri atas jawapan tadi. Daripada jawapan tadi saya andaikan syarat yang saya tanyakan dalam soalan saya tidak berlaku di Malaysia dan oleh itu saya tidak ada soalan tambahan.

5. **Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) apakah tindakan yang diambil ke atas pelajar dan guru-guru bagi kes buli di Mentakab, Pahang; dan
- (b) apakah keberkesanan peranan yang dimainkan oleh Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Semenanjung (NUTP) dalam situasi begini memandangkan tiada sebarang tindakan diambil.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya menjawab soalan, izinkan saya berkongsi serangkap pantun untuk Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan:**

*Bawah batang ada keli,  
Batang rebah jatuh ke tanah,  
Lantikan Datuk Seri tepat sekali,  
Saya ucapkan syabas dan tahniah.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih.

**Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan:** Jawapan kepada Yang Berhormat Senator Datuk S. Vigneswaran, Kementerian Pendidikan Malaysia maklum berkenaan kes melibatkan seorang murid SK Batu Unjur, Klang, Selangor. Siasatan yang dijalankan oleh pihak sekolah dan Jabatan Pendidikan Negeri Selangor mendapati murid berkenaan tergantung lidahnya sendiri ketika bermain dengan gunting milik rakannya pada 24 Mac 2016. Maka tiada bukti unsur-unsur buli berlaku. Hasil siasatan Jabatan Pendidikan Negeri Selangor diperkukuhkan lagi dengan hasil siasatan oleh pihak Polis Diraja Malaysia melalui surat bertarikh 31 Mac 2016.

Hasil siasatan IPK Selangor mendapati bahawa yang pertama, kejadian berlaku di dalam kelas dan bukannya berlaku di tandas sekolah. Kedua, mangsa telah tergantung lidahnya sendiri sehingga menyebabkan luka dan berdarah dan yang ketiga tiada keterangan yang menunjukkan kejadian buli berlaku seperti yang dilaporkan. Siasatan kes juga telah dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya pada 30 Mac 2016 dan arahan dan keputusan yang diberikan untuk kes ini ialah *no further action*, dengan izin. Oleh itu kes dianggap selesai kerana murid berkenaan bukan dibuli dan kecederaan yang dialaminya itu kecuaiannya diri sendiri ketika bermain gunting milik rakan sekelasnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada segi etika penggunaan media sosial pegawai awam, semua pegawai awam adalah terikat dengan terma dan syarat yang terkandung dalam Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dan arahan-arahan yang menjadi teras kepada keperibadian atau tata kelakuan anggota perkhidmatan awam. Selain itu, ketepatan dan sensitiviti maklumat yang disampaikan juga hendaklah disemak terlebih dahulu sebelum dihantar kepada pihak lain.

Sehubungan dengan itu, bagi kes *viral* rakaman video murid yang sedang disiasat di bilik disiplin SMK Sri Semantan, Mentakab, Pahang, pihak jawatankuasa sedang meneliti hasil laporan siasatan untuk memastikan mana-mana penjawat awam yang bertanggungjawab akan dikenakan tindakan tatatertib sekiranya sabit kesalahan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Datuk S. Vigneswaran.

**Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih pada Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya, apa langkah-langkah yang diambil oleh pihak kementerian untuk membendung aktiviti buli di kalangan pelajar. Tadi Yang Berhormat Menteri telah menjawab secara terperinci berkenaan dengan kes potong lidah. Ini berkenaan dengan kes buli dekat Pahang, terima kasih.

**Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk S. Vigneswaran atas soalan tambahan. Yang Berhormat, tentang isu kes di Temerloh, Mentakab, Pahang secara terperinci ya, saya akan dapat maklumat itu kepada Yang Berhormat sebentar lagi dalam saya mencari dokumen dan pada masa yang sama seperti mana yang Yang Berhormat Senator telah maklumkan kepada saya sebentar tadi tentang isu langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Yang Berhormat Senator, Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa berusaha untuk memastikan murid sekolah berada dalam situasi disiplin yang baik dan harmonis.

Prestasi disiplin murid yang baik akan memberi kesan kepada kecemerlangan akademik dan keterampilan sahsiah diri. Walaupun kes buli di sekolah mencetuskan kebimbangan kepada ibu bapa dan penjaga murid namun kes buli masih berada di tahap terkawal dan dapat dibendung oleh pihak pentadbir sekolah. Statistik salah laku buli yang di rekodkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dalam tempoh enam tahun, 2010 hingga 2015 menunjukkan berada pada kadar purata 0.05 peratus.

Walaupun bagaimanapun Yang Berhormat Datuk, kita di Kementerian Pendidikan Malaysia masih tidak berpuas hati walaupun dia mempunyai hanya 0.05 peratus, kita hendak cuba sedaya upaya untuk memastikan sifar buli di sekolah, 0 peratus. Itu harapan kita dan ini boleh terlaksana sekiranya kita mendapat kerjasama yang sepenuhnya oleh semua ibu bapa, pihak pengurusan sekolah, rakyat tempatan dan juga Kementerian Pendidikan Malaysia.

#### ■1120

Kita di Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengambil pelbagai intervensi mengenai bagaimana untuk menangani isu buli ini. Yang Berhormat, kita juga telah mengedarkan buku panduan pengurusan menangani buli di sekolah yang boleh didapati di semua sekolah. Pengetua dan guru besar ada dibekalkan buku ini. Dalam buku ini kita telah pun dengan secara terperinci memaklumkan tindakan, cara-cara bagaimana untuk membuat laporan buli dan sebagainya.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kita juga akan memuat naik buku ini dalam laman web Kementerian Pendidikan Malaysia dalam masa yang terdekat supaya orang ramai juga dapat mengambil tahu apakah cara-cara, bagaimana kita dapat membuat laporan sekiranya berlaku kes-kes buli yang dilihat oleh seorang awam di kawasan sekolah supaya kita di Kementerian Pendidikan Malaysia dapat mengambil tindakan. Antara intervensi yang kita telah lakukan ialah untuk memperkukuhkan amalan guru penyayang.

Selain daripada memperkukuhkan amalan guru penyayang, kita juga memperkukuhkan Program Mentor-Mentee dan melaksanakan Program Pembangunan Sahsiah Diri Murid, fokus kepada gejala buli. Ini antara program-program yang kita laksanakan. Yang Berhormat sebentar tadi meminta saya maklumat tentang isu yang berlaku di Temerloh, Yang Berhormat. Saya boleh berikan maklumat ini kepada Yang Berhormat mungkin secara bertulis supaya Yang Berhormat dapat ambil faham apakah status setakat ini dan apakah tindakan-tindakan akan diambil oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Terima kasih Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik, soalan tambahan.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Setelah kita mendengar jawapan daripada kementerian berhubung dengan buli ini, walaupun ia kecil tetapi pihak kementerian belum berpuas hati kerana masih ada sedikit lagi kes-kes buli ini. Di sini saya ingin mendapat maklumat daripada pihak kementerian, apakah dia atau apakah faktor-faktor yang mendorong pelajar-pelajar yang di peringkat sekolah ini melakukan buli terhadap kawannya sendiri?

Sepatutnya dia juga memberi pertolongan dan sebagainya tetapi dia membuli. Adakah faktor ini dibawa dari luar, seperti dia ada kaitan dengan pihak-pihak yang tidak baik di luar dan dia merupakan rangkaian. Kita juga melihat perkara ini walaupun kecil tetapi ia akan menjadi perkembangan yang tidak sihat kepada masa depan pelajar itu secara khusus dan juga kepada masyarakat oleh sebab pelajar ini akan keluar kepada masyarakat.

Adakah mengikut statistik yang ada, orang-orang yang pernah dibuli ini menjadi trauma dengan apa yang telah mereka menerima? Pembuli-pembuli peringkat pelajar ini, adakah mereka juga dapat dipulihkan atau terjebak ke dalam anasir yang tidak sihat setelah mereka tamat pembelajaran di sekolah? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sila, Yang Berhormat.

**Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat.

Yang Berhormat, di Kementerian Pendidikan Malaysia, apabila kita mendapat laporan di peringkat sekolah dan sebagainya, kita akan serta-merta melakukan sesi kaunseling terhadap pelajar-pelajar yang membuli dan yang kena buli. Sesi kaunseling ini akan diadakan. Seperti mana yang saya maklumkan tadi, ia ada banyak sebab mengapa tabiat buli ini berlaku di sekolah. Yang Berhormat sendiri menyatakan antara sebabnya daripada situasi di luar kawasan sekolah.

Oleh sebab di dalam kawasan perkarangan sekolah, perkara-perkara ini tidak ada ruang sama sekali. Akan tetapi apabila ada golongan-golongan, mungkin dia terpesong dengan pendapat-pendapat lain, mungkin terbawa cara-cara yang lain tetapi kita cuba mengawal. Seperti mana yang saya katakan sebentar tadi Yang Berhormat ya, kerjasama semua pihak sangat penting. Oleh sebab kadang-kadang perkara buli ini dia terikut dari luar sekolah, dibawa masuk ke sekolah. Orang ramai mungkin nampak keadaan ini berlaku di luar sekolah tetapi mereka tidak mengambil perhatian, mungkin mereka rasa ini bukan masalah saya.

Salah, Yang Berhormat. Kalau ada nampak anak-anak di kawasan sekolah bergaduh atau tidak, tolong buat laporan kepada pihak pengurusan sekolah supaya pihak pengurusan sekolah dapat mengambil tindakan yang sewajarnya. Kita mengambil pandangan serius dan kita bukan nampak hanya kes-kes buli yang serius sahaja kita ambil tindakan, tidak sama sekali. Contoh, kita kalau tertendang anak murid pun tak boleh. Kita memandang berat, tak kisah sama ada di antara anak-anak ataupun *vice versa*. Dengan guru-guru sekalipun kita memandang serius perkara ini Yang Berhormat. Kita harap mendapat kerjasama dengan semua pihak.

Saya hendak ucap terima kasih kepada pihak pengurusan sekolah, guru-guru membantu banyak menangani masalah ini, memberi bimbingan, membantu anak-anak. Selain daripada mengajar, mereka juga membantu anak-anak kita, membimbing mereka, memberi kaunseling kepada mereka supaya pengalaman ngeri murid-murid yang dibuli ini dapat dipulihkan serta-merta supaya mereka dapat meneruskan akademik mereka untuk menjadi lebih baik, seorang rakyat Malaysia yang bijak, cendekiawan dan supaya mereka menjadi pemimpin negara kita ini satu hari nanti. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Saya pergi kepada soalan nombor 6 daripada Dato' Sri Khairudin Samad. Ada wakilnya? Sila.

**Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dato' Khairudin mewakilkan saya. Soalan saya, soalan nombor 6.

**6. Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff [Di bawah P.M. 23(2)]** minta Menteri Pendidikan Tinggi menyatakan, apa inisiatif-inisiatif yang dirangka oleh pihak kementerian bagi menggalakkan peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) melangsaikan hutang mereka.

**Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:** Terima kasih Dato' Sri Khairudin bin Samad walaupun tak hadir atas soalan yang berkaitan dengan PTPTN. Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Sri Khairudin Samad yang bersekali dengan Yang Berhormat Dato' Sri Boon Som A/L Inong pada 20 April 2016 memandangkan isu yang dibangkitkan adalah berkaitan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan trend semasa, PTPTN perlu menyediakan peruntukan yang besar bagi peminjam pendidikan tinggi.

Sebanyak RM5.5 bilion setiap tahun diperuntukkan untuk tujuan menjamin pendidikan pelajar yang merangkumi kos yuran dan sara hidup di universiti awam atau UA, politeknik, kolej komuniti dan institusi pendidikan tinggi swasta atau IPTS. Dalam usaha untuk memastikan kelestarian kewangan PTPTN, kempen-kempen kesedaran, insentif bayaran balik dan tindakan penguatkuasaan dilaksanakan secara berterusan bagi meningkatkan prestasi bayaran balik. Pelbagai strategi dan inisiatif dilaksanakan bagi meningkatkan kutipan balik dan antaranya adalah seperti berikut:

- (i) penggunaan media massa dan media baharu untuk hebahan mengenai kewajipan bayaran balik. Maklum balas kepada pertanyaan, aduan dan info terkini;
- (ii) taklimat di institusi kerajaan dan swasta secara berkala;
- (iii) taklimat kepada pelajar tahun akhir IPTA bersama Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit dan agihan buku pengurusan kewangan peribadi secara percuma;
- (iv) pemberian diskaun 20 peratus bagi penyelesaian hutang secara sekali gus;
- (v) pemberian diskaun 10 peratus bagi pembayaran mengikut jadual, khususnya potongan gaji;
- (vi) membenarkan penstrukturan semula hutang sehingga umur 60 tahun;
- (vii) penyediaan kemudahan bayaran melalui Maybank, CIMB, Bank Islam, Public Bank, RHB Bank, Ambank, Bank Rakyat, Bank Simpanan Nasional, Agro Bank, Affin Bank dan Pos Malaysia;
- (viii) pembukaan 74 buah cawangan PTPN di seluruh negara, termasuk di UTC Tesco dan Giant dengan waktu kerja fleksibel serta kemudahan bayaran tambah tunai melalui kad ATM, kad debit dan kad kredit;
- (ix) senaraikan peminjam dengan Jabatan Imigresen Malaysia; dan
- (x) senaraikan peminjam ke dalam *Central Credit Reference Information System* atau CCRIS.

■1130

- (xi) kerjasama antara PTPTN dan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit dalam Program Pengurusan Kredit mulai 15 Februari 2016. Ia merupakan salah satu program sedia ada AKPK yang diberikan kepada pinjaman PTPTN yang mempunyai masalah untuk menjelaskan hutang dan tanpa mendapatkan khidmat nasihat pengurusan kredit sebelum dikenakan tindakan;
- (xii) pelaksanaan tindakan undang-undang; dan
- (xiii) arahan memotong gaji kakitangan awam yang dikeluarkan oleh JPA pada 9 Julai 2015.

Berhubung dengan pertanyaan Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som A/L Inong, pengurangan pinjaman PTPTN sebanyak 5 peratus bagi pelajar IPT dan 15 peratus bagi pelajar IPTS terpaksa dilaksanakan disebabkan kekurangan dana. PTPTN sentiasa berusaha memastikan segala langkah yang diambil dapat menjamin kelestarian kewangan semasa PTPTN supaya pinjaman berterusan dapat diberi kepada generasi yang akan datang. Pihak kementerian pada masa yang sama sentiasa membantu meringankan beban mahasiswa dan menjamin kebajikan mahasiswa akan terus diambil perhatian.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat.*]

Antara langkah proaktif dalam membantu meringankan beban kewangan mahasiswa yang dilaksanakan oleh Kementerian dan IPT adalah antara Baucar Buku 1Malaysia, kad siswa, zakat, tabung kebajikan pinjaman, makanan percuma, program Bantuan Sara Hidup, penubuhan tabung wang ehsan dan penyediaan insurans berkelompok pelajar tempatan dan peluang bekerja di premis-premis yang beroperasi di IPT. Selain itu, bantuan bersifat perlindungan turut diberikan kepada mahasiswa yang memerlukan sepanjang tahun 2015 seperti program-program amal makanan percuma, *suspended meals* yang dianjurkan oleh Majlis Perwakilan Pelajar, kolej kediaman dan persatuan pelajar. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ada soalan tambahankah Yang Berhormat?

**Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini Yang Berhormat, nanti sekejap. Soalan tambahankah?

**Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Berhenti sekejap. Saya ingin menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat di Dewan ini. Sebelum saya masuk ke sini tadi, saya dapati di luar sana satu kumpulan bagi *press statement* ataupun keratan akhbar yang bukan terdiri daripada Ahli Dewan Negara. Saya telah halau mereka keluar. Saya berpendapat bahawa semasa persidangan Dewan Negara ialah tanggungjawab saya sebagaimana yang telah Yang Berhormat semua tahu yang kita sudah luluskan Dewan ini, yang Ketua Polis Negara telah menyatakan keadaan Dewan ini. Saya hendak menarik perhatian dan merekodkan di sini, semasa persidangan Dewan Negara, tidak dibenarkan selain daripada Ahli Dewan Negara sahaja boleh memberi *statement*. Saya dapat *detected*, saya sebut nama tadi. Didapati pembangkang telah menggunakan platform itu. Saya tanpa segan dan saya halau keluar.

Saya hendak nyatakan tegas di sini [*Tepuk*] Jangan salah gunakan Dewan ini. Saya, dalam keadaan serupa ini saya tegas dalam perkara ini. Saya harap juga Dewan Negara, kalau hendak bagi *statement*, tempat kamulah. Saya rasa tidak adapun. Kalau adapun hendak buat *statement* tidak ada masalah; tetapi apa hak mereka? Ini bukan persidangan Dewan Rakyat. Persidangan Dewan Negara, Dewan Negara pula semasa persidangan. Jangan kacau. Itu pendirian saya. Sekian, saya teruskan Yang Berhormat Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff.

**Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah PTPTN mempunyai *Collection Department* sendiri seperti *finance* yang akan pergi mencari peminjam-peminjam di rumah dan di tempat kerja? Adakah pihak PTPTN mengenal pasti majikan-majikan peminjam PTPTN dan mengarahkan kepada majikan untuk membuat *standing instruction* (SI) kepada bank? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Yang Berhormat, tadi saya sudah memberitahu bahawa 13 langkah sudah diambil dan sudah dapat bahawa keberkesanan inisiatif PTPTN adalah sangat positif. Jadi, inisiatif di atas yang diambil telah meningkatkan prestasi kutipan balik secara drastik di mana jumlah keseluruhan kutipan balik bagi tahun 2015 telah meningkat kepada RM1.4 bilion, berbanding sasaran RM250 juta iaitu peningkatan sebanyak 193 peratus. Jadi, saya rasa 13 strategi sudah mendatangkan faedah. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekianlah sahaja tamatnya soalan lisan kita pada pagi ini.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat.]**

USUL**MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN  
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Ketiga Belas.” [18 April 2016]

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sekarang saya persilakan- Yang Berhormat Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam sudah semalam, kan? Sambung? Silakan.

**11.37 pg.**

**Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk menyambung Usul Menjunjung Kasih Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya hendak sokong juga keputusan Tuan Yang di-Pertua menghalang mana-mana pihak terutama pembangkang yang menyalahgunakan Dewan ini dengan mengadakan *press statement* yang sepatutnya mereka tidak berhak menggunakan kemudahan yang disediakan kepada Ahli-ahli Dewan Negara [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung semula Usul Menjunjung Kasih Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Pertama, berkaitan dengan Titah Tuanku bahawa kita bukan hanya bersandarkan kepada pencapaian ekonomi semata-mata, tetapi turut mengutamakan kesejahteraan rakyat. Saya hendak minta izin, semalam saya baca *Utusan Malaysia* yang mendedahkan sindiket judi masih berleluasa. Sebelum itu, saya hendak ucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi selaku Menteri Dalam Negeri yang telah pun mengisytiharkan tahun ini sebagai tahun memerangi dadah dan banyak tindakan positif sedang dilakukan. *Inshaa Allah* dengan tindakan tegas kerajaan, saya percaya ia akan mencapai kejayaan dengan sokongan kita semua rakyat Malaysia, termasuk juga ahli-ahli politik tanpa mengira parti.

Dalam isu sindiket judi ini, saya lihat ada pendedahan yang dibuat oleh wartawan-wartawan yang menyatakan dalam bahagian pertama laporan khas mengenai judi haram. Wartawan *Utusan Malaysia* semalam iaitu Lilian Suriani Omar, Mohamad Hafiz Yusoff Bakri dan Siti Norhawa Mohd Ali mendedahkan taktik sindiket dan penglibatan golongan VVIP dalam kegiatan haram ini. Turut dipaparkan pengakuan kaki judi yang bersekongkol dan mempunyai maklumat berhubung penglibatan golongan VIP serta golongan profesional yang mengunjungi pusat judi eksklusif di ibu negara.

■1140

Laporan ini panjang ada yang diberikan baucar kepada pengunjung-pengunjung makan hanya RM10 lebih murah daripada warung. Saya lihat kalau sudah ada laporan begini oleh wartawan, bolehkah rujukkan sahaja kepada pihak SPRM supaya tindakan boleh diambil kepada mereka yang terlibat. Baru-baru ini saya ada menubuhkan Sekretariat Dunia Melayu Dunia Islam di Perth. Saya sempat juga berkunjung dengan Datuk Bandar di Perth. Saya baca banyak *pamphlet* berkaitan dengan bandar raya berkenaan.

Di sana orang ramai boleh mengadu kalau katakan jalan tidak dibersihkan, sampah tidak dikutip kalau sudah diadu kepada ahli majlis atau pegawai tidak buat dia adu kepada *ombudsman*. Kalau *ombudsman* tidak buat mengadu pula kepada SPRM. Jadi saya fikir isu-isu begini apabila dipaparkan kepada media dan orang ramai tentu menjejaskan kredibiliti kerajaan. Kita ditanya, apa tindakan yang diambil. Oleh sebab itu, saya mencadangkan supaya dalam isu-isu begini eloklah libatkan juga SPRM supaya tindakan-tindakan yang lebih berkesan dapat diambil.

Di samping itu saya berharap SPRM juga perlulah juga tidak pilih 'A' atau 'B' kerana *Utusan Malaysia* juga ada lagi sekali memaparkan, katanya "*SPRM komited, ekoran desakan pelbagai pihak*", "*SPRM beri jaminan akan panggil Lim Guan Eng*", "*Naib Presiden PCM Datuk Huan Cheng Guan pertikai*". "*Arahan SPRM supaya semua pihak berhenti keluarkan kenyataan berhubung isu banglo*". "*Pengendali blog, Lim Sen Sim persoal kenapa SPRM tidak pernah keluarkan arahan sama dalam isu 1MDB dan derma RM2.6 bilion*."

Jadi nampak juga ada perbezaan-perbezaan tindakan oleh SPRM dan ini sudah tentulah menjejaskan kredibiliti SPRM sendiri dan jika isu-isu begini berterusan, saya percaya kita akan mendapat banyak lagi fitnah dan sebagainya. Oleh sebab itulah saya berharap sekali lagi supaya isu yang dibangkitkan oleh *Utusan Malaysia* ini, "*Sindiket judi haram itu masih berleluasa perlulah diambil tindakan secara serius*" dan perlulah ada penghujungnya kerana telah pun dilaporkan mereka yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk bangkit sebelum perkara lain mengenai isu yang berkaitan dengan hal-hal Melaka lah. Pertama, ini musim panas banyak negeri masalah air. Dengar khabar di utara pun menghadapi masalah, cuma saya tengok di *Penang*, dalam kita kurang air ini mereka pula pesta air. Ini pun contoh yang tidak baiklah patut kita mendidik rakyat supaya jimat-cermat ketika musim panas.

Di Melaka, kita telah meminta kerajaan melalui Suruhanjaya Air Negara membina empangan di Sungai Siput di Masjid Tanah. Sungai Siput kah Sungai Jernih saya minta maaf, saya keliru sedikit namanya walaupun selalu saya sebut. Di Masjid Tanah, perkara bekalan air di Melaka kalau tidak dibuat satu lagi tambahan, 2018 Melaka akan mula menghadapi kekurangan air. Hendak bina empangan ini Tuan Yang di-Pertua, makan masa dua tahun atau tiga tahun. Hendak isi air satu tahun lagi, jadi kalau dua tahun campur satu tahun, tiga tahun. Ini tahun 2016 tender belum keluar. Tahun 2017, 2018 baru habis empangan. Melaka ikut ramalan kajian profesional, air akan mula kurang. Hendak masuk air sudah masuk 2019. Saya sudah bangkitkan ini daripada saya Ketua Menteri dahulu sampai saya *start* Ahli Dewan Negara...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, boleh ringkaskan, Yang Berhormat.

**Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Ya. Oleh itu saya berharap tindakan ini dapat dicepatkan. Kedua, jalan pesisir pantai Selat Melaka. Dahulu sudah pernah lulus, RM600 juta dari Linggi pergi ke Semabok, Padang Temu melalui Sungai Udang, Klebang dan juga Melaka Raya tetapi kerana dibatalkan dan sekarang dijanji Yang Amat Berhormat PM sudah janji sudah setuju datang di Melaka beberapa bulan yang lepas saya ucapkan terima kasih. Saya hendak tanya bilakah hendak dimulakan? Harga sekarang pun sudah *double* sudah, RM1.2 bilion.

Juga Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka, saya ucap terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib kerana sudah setuju hendak sambungkan lagi kerana kapal terbang dari Negara China, Guangdong seterusnya akan turun. Saya hendak tanya bilakah tindakan untuk bayar pampasan tanah dan juga tender akan dikeluarkan?

Ketiga Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan isu sempadan yang telah dibangkitkan. Jadi kita sudah tubuhkan *ASEAN Community*. Saya berharap *ASEAN Community* akan berjaya menangani isu-isu keganasan sempadan seperti yang berlaku di Sabah dan juga di sempadan Thailand dan hendak tahu apakah perkembangan perbincangan-perbincangan yang telah diadakan.

Kedua, isu jerebu. Ini jerebu akan datang lagi kita harap menerusi ASEAN, jawatankuasa bersama menangani jerebu ini dapat mesyuarat selalu. Apakah mesyuarat telah diadakan? Dan apakah tahun ini atau tahun hadapan isu jerebu ini akan dapat berkurangan?

Saya juga hendak bangkit yang Tuanku membangkitkan berkaitan dengan hal kebajikan rakyat. Saya baca dalam akhbar banyak lagi pengemis-pengemis, peminta sedekah sama ada warga asing sebahagian ada juga yang warga Malaysia masih lagi meminta-minta di masjid ataupun di tempat-tempat awam. Saya hendak tanya apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian Kebajikan dalam menangani isu ini. Patut benda ini mudah sahaja dilakukan, tidak boleh mengemis kita ambil mereka ini bawa ke pusat pemulihan bagi mereka duduk dalam rumah kebajikan. Kalau mereka ini orang luar mereka ini patut dihantar balik ke negara mereka. Ini telah menjejaskan nama baik negara kita.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Tuanku juga telah bangkitkan penubuhan jawatankuasa khas menangani kos sara hidup yang mana banyak tindakan telah dilakukan oleh kerajaan kita. Saya melihat salah satu cara yang baik di samping bantuan-bantuan yang telah pun dicadangkan oleh kerajaan termasuk *MyBeras* menggunakan gerakan koperasi supaya barang-barang pengguna yang banyak digunakan diuruskan oleh koperasi.

Misalnya kita himpun banyak barang makanan, daging dan semalam disebut susu pun kita import sampai RM3 bilion. Jadi saya di PUNB sebagai Chairman Perbadanan Usahawan Nasional Berhad ada bagi pinjaman. Saya dengar SME Bank pun ada bagi pinjaman kepada sebuah syarikat, dua buah syarikat import daging. Akan tetapi harga daging tidak turun, bila saya tanya dia mengapa, katanya kerana...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, boleh potong ringkas Yang Berhormat.

**Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Ya, pertukaran wang. Jadi saya hendak cadangkan supaya gerakan koperasi boleh *combine* tiga, empat buah koperasi besar selepas itu yang ini patut mengadakan ternakan ladang besar di luar negara, kemudian import. Ini supaya perkara-perkara yang utama ini dilakukan oleh gerakan koperasi seperti mana yang dibuat di Jepun, Korea, Taiwan dan sebagainya.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, berkaitan juga dengan belia juga disentuh oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Dahulu kita telah mengehadkan umur belia ini sampai 40 tahun. Sekarang kita lihat gerakan belia agak tidak berapa dinamik. Sekarang ini kita ada cadangan hendak turunkan kepada 30 tahun. Mengikut Bangsa-Bangsa Bersatu memang umur belia antarabangsa ini 30 tahun. Masa saya jadi Presiden WAY dahulu tetapi untuk Presiden dan jawatankuasa dibenarkan tetapi untuk berucap, maaf saya untuk dibayar pembiayaan hendaklah 30 tahun.

#### ■1150

Akan tetapi kalau umur 40 ini pun belia di Malaysia tidak berapa rancak seperti dahulu, kalau kita turunkan kepada 30 tahun, saya bimbang, pertubuhan belia akan mati. Sebab itu saya cadangkan umur belia ini biarlah kekal kepada 40 tahun kerana Pemuda parti politik pun juga 40 tahun supaya belia ataupun persatuan belia di negara kita akan terus hidup dengan suburnya di negara kita ini dan boleh membantu pembangunan negara di masa akan datang.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dengan ini menjunjung kasih kepada Baginda Tuanku atas ucapan di Dewan Rakyat tempoh hari berkaitan dengan penggal keempat pada tahun 2016 ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih.

Sebelum saya teruskan, saya ingin menarik perhatian semua di Dewan yang mulia ini bahawa semasa persidangan Dewan Negara, saya percaya- Ahli-ahli Dewan Rakyat jangan kacau semasa persidangan Dewan Negara bersidang. Tadi saya dapati ada kumpulan pihak pembangkang- kebetulan. Saya tidak kira sama ada pembangkang ataupun bukan pembangkang, jangan kacau semasa persidangan Dewan Negara bersidang. Begitu juga Ahli Dewan Negara, jangan kacau semasa Dewan Rakyat bersidang. Hormati Dewan.

Saya terpaksa tegas dalam perkara ini, dan saya harap pihak-pihak bertanggungjawab seperti sekuriti, jangan benarkan mereka masuk. Dalam perkara ini saya tidak boleh *compromise*. Semasa persidangan Dewan Negara, apakah hak Ahli Parlimen masuk ke Dewan Negara semasa persidangan? Saya hendak tegaskan, saya akan halau mereka keluar. Ini saya hendak tegaskan. Kita mesti menghormati. Persidangan Dewan Rakyat, kita hormati. Persidangan Dewan Negara, jangan kacau.

Itu saya hendak tegaskan sekali lagi. So saya harap pihak sekuriti Parlimen mesti ada ketegasan dalam perkara ini, tahu apa tanggungjawab mereka.

Tanpa membuang masa, saya teruskan persidangan kita hari ini dengan menjemput Yang Berhormat Senator Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin.

**11.52 pg.**

**Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan ucapan junjung kasih Titah Yang di-Pertuan Agong. Baginda sebagai ketua negara yang berpaksikan kepada prinsip demokrasi dalam Perlembagaan Persekutuan, sememangnya merupakan lambang keutuhan dan kesatuan rakyat Malaysia. Semoga kebesaran dan kemuliaan Baginda akan terus menjadi simbol perpaduan, kemajuan dan kesejahteraan masyarakat kita yang pelbagai kaum.

Saya mengalu-alukan titah ucapan Tuanku yang menyarankan kerajaan supaya mengekang dan menangani penyalahgunaan media sosial oleh sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab untuk menghasut sentimen perkauman dan mencetuskan perpecahan sosial. Mereka menyebarkan kebencian, fitnah, hasutan dan faham ekstremis yang amat berbahaya kepada masyarakat Malaysia yang majmuk dan sensitif. Saya amat setuju dengan Titah Tuanku bahawa langkah-langkah kawalan itu untuk membendung penyalahgunaan media sosial perlu diambil serta-merta. Kegagalan atau kelewatan untuk bertindak dengan segera boleh menyebabkan konflik sosial bertambah serius sehingga menyebabkan masyarakat kita berpecah dan perpaduan negara terjejas.

Saya turut setuju dan ingin menegaskan titah Tuanku yang mengharap semua Ahli Parlimen berhenti berpolitik untuk kepentingan sempit kerana ia telah berlarutan sejak sekian lama sehingga melemahkan rakyat dan kerajaan. Saya percaya bahawa rasionaliti, keterbukaan dan berhemah perlu diteladani oleh semua pemimpin politik. Kita perlu mencapai *conscience* untuk mengutamakan kepentingan negara dan masyarakat ke atas kepentingan politik dan persendirian. Kegiatan berpolitik yang melampau dan bertujuan untuk mencapai kepentingan politik masing-masing boleh memudaratkan masyarakat dan negara. Kita tidak seharusnya berbalah sesama kita sedangkan wujudnya banyak isu dan cabaran yang perlu kita hadapi sebagai sebuah negara yang bersatu dan kuat. Saya amat berharap bahawa titah Tuanku yang tepat dan ikhlas ini akan diterima baik oleh semua pihak termasuk pembangkang dan aktivis-aktivis organisasi bukan kerajaan.

Saya difahamkan bawah pada awal bulan Februari, Ketua Polis Negara telah mencadangkan supaya kadar saman trafik dinaikkan dan pihak polis akan mencadangkan secara rasmi kepada kerajaan supaya undang-undang berkenaan dipinda. Saya percaya bahawa peningkatan kadar saman trafik bukan cara yang berkesan untuk mengurangkan kemalangan jalan raya. Pemahaman secara keseluruhan meyakinkan saya bahawa punca utama yang menyebabkan kemalangan jalan raya ialah kekurangan penguatkuasaan undang-undang yang berkesan dan konsisten.

Menurut Jabatan Keselamatan Jalan Raya Malaysia pada awal tahun 2015, 80 peratus kemalangan jalan raya ialah disebabkan kesilapan manusia. Penguatkuasaan undang-undang di jalan raya adalah sangat penting untuk mengurangkan kemalangan jalan raya. Sebaliknya, peningkatan kadar saman trafik tidak membantu dalam pencegahan kemalangan jalan raya. Banyak kajian telah menunjukkan peningkatan dalam tahap dan mutu penguatkuasaan mampu mengurangkan kemalangan dan kematian di jalan raya. Oleh itu, pihak berkuasa perlu mempamerkan komitmen dan kesungguhan untuk melaksanakan tugas penting tersebut. Di samping itu, penguatkuasaan yang ketat perlu dijalankan secara berterusan, bukan hanya menjelang musim perayaan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, peningkatan kadar saman trafik boleh menambahkan kemungkinan berlakunya rasuah secara tidak langsung. Orang ramai mungkin memilih cara yang lebih mudah dan murah iaitu memberi rasuah kepada pihak yang berkenaan secara serta-merta kerana ketidaksanggupan mereka untuk membayar kadar saman yang lebih tinggi. Mereka mungkin berpendapat bahawa memberi rasuah adalah lebih mudah dan murah jika dibandingkan dengan kadar saman trafik yang tinggi dan proses untuk membayar saman yang dianggap menyusahkan.

Kementerian Pengangkutan pernah mencadangkan supaya kerajaan meminda Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 dengan meningkatkan kadar saman trafik pada tahun 2010. Pada masa itu, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia telah menyuarakan ketidaksetujuan kerana berpendapat bahawa peningkatan kadar saman trafik bukan cara terbaik untuk mencegah kemalangan jalan raya sebaliknya akan mewujudkan lebih banyak peluang untuk rasuah. Gejala rasuah dalam pelaksanaan dan penguatkuasaan jalan raya bukan sahaja tidak akan mencegah kemalangan jalan raya tetapi mungkin memburukkan lagi keadaan sedia ada. Oleh itu, kita harus mengkaji dan menimbang semula cadangan peningkatan kadar saman trafik.

Kebanyakan kes kemalangan jalan raya adalah berpunca daripada sikap buruk pemandu dan tidak bertanggungjawab. Menurut laporan *Utusan Online* pada 20 Januari 2016, Trafik Pasukan Bukit Aman telah menyatakan bahawa daripada 6,193 kemalangan maut tahun 2015, sebanyak 1,713 kes atau 20.8 peratus ialah akibat terbabas sendiri, diikuti 764 kes makan jalan iaitu 12 peratus dan 618 kes gagal memotong iaitu 11 peratus. Ini telah membuktikan bahawa sikap pemandu telah mengancam keselamatan jalan. Sikap dan tanggungjawab pemandu adalah sangat penting terutamanya pemandu muda. Saya menyeru Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) supaya mempertingkatkan lagi sistem latihan dan pendidikan keselamatan jalan raya yang sedia ada pada tahap permulaan dengan kerjasama Institut Memandu. Ini bertujuan bagi menekankan lagi latihan dan ujian lesen memandu supaya meningkatkan kesedaran awam terhadap keselamatan jalan raya untuk menyemai sikap pemandu yang cermat dan bertanggungjawab.

Selain itu, JPJ juga harus memberi perhatian yang lebih dalam mengesan perkembangan memandu kelulusan pemandu 'L' yang masih dalam tempoh pemantauan. Pihak berkenaan harus memastikan semua peserta ujian komputer lesen memandu memahami peraturan-peraturan jalan raya dan mereka yang menduduki ujian memandu lulus, dan wajar diberikan kelulusan. Saya percaya langkah-langkah tersebut dapat mengurangkan kemalangan jalan raya secara langsung dan lebih berkesan berbanding dengan kenaikan kadar saman trafik.

#### ■1200

Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES) dan Sistem Pemberian Mata Demerit Kesalahan Jalan Raya yang dikatakan akan bergabung dan dilaksanakan pada Mac perlu diberikan peluang untuk membuktikan keberkesanannya sebelum kadar saman trafik dinaikkan. Sistem Penguatkuasaan Automatik tersebut wajar diperkasakan dan menyumbang kepada tujuan asalnya untuk mengurangkan kemalangan jalan raya.

Saya ingin menyeru kerajaan supaya menangguhkan cadangan pihak polis untuk menaikkan kadar saman sehingga akhir tahun sementara memerhati keberkesanan Sistem Penguatkuasaan Automatik yang bakal dilaksanakan. Malahan, menurut laporan daripada pihak polis pada Januari 2016, mengatakan kira-kira 15 juta saman yang belum dibayar oleh pesalah trafik dari Malaysia dan Singapura. Daripada 489,947 saman yang dikeluarkan di seluruh negara di sepanjang tahun 2015, hanya kira-kira 70,000 yang berjaya dilangsaikan dengan nilai sebanyak RM21.8 juta.

Saya percaya kadar saman trafik yang lebih tinggi tidak akan menggalakkan pesalah untuk tampil membayar. Maka, ia tidak merupakan cadangan yang baik. Peningkatan kadar saman trafik sudah tentulah akan meningkatkan beban rakyat. Sebenarnya kadar saman trafik sedia ada yang bernilai RM300 adalah cukup besar kepada rakyat biasa. Malahan, kadar saman trafik tersebut adalah lebih tinggi berbanding dengan banyak negara lain.

Di samping itu, cadangan peningkatan kadar saman trafik adalah *ironic* kerana selalunya pihak polis akan memberikan diskaun untuk menggalakkan pesalah trafik membayar saman yang masih belum dibayar. Tindakan tersebut biarpun boleh difahami tetapi ia sememangnya bercanggah dengan matlamat asal untuk menaikkan kadar saman trafik bagi mengurangkan kemalangan jalan raya. Oleh itu, saya berharap pihak berkenaan dapat mempertimbangkan semula dengan cadangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sejak beberapa tahun yang lepas, ancaman kumpulan penganas Daesh semakin meruncing berikutan dengan kegiatan ganas mereka di seluruh dunia. Kejadian menembak di Paris, Perancis dan di San Bernardino, California di Amerika Syarikat menunjukkan keupayaan kumpulan penganas ini beroperasi di seluruh dunia.

Ancaman ini tidak harus dipandang rendah dan kerajaan telah mengambil beberapa langkah pencegahan seperti menggubal undang-undang Akta Pencegahan Keganasan 2015 (POTA) dan meningkatkan kawalan di sempadan negara kita. Tindakan memperkenalkan undang-undang antipenganas berbentuk POTA dipuji, terpuji dan penting.

Namun begitu, saya ingin tahu akan tahap penggunaannya dalam menangani kes-kes suspek penganas. Ini kerana mengikut laporan akhbar, jumlah tahanan suspek berkaitan dengan Daish semenjak tahun 2013 mencapai seramai 157 orang. Ini termasuklah dengan penahanan 11 orang suspek pada Januari 2016. Akan tetapi, ada di kalangannya ditahan di bawah panel Akta 574 dan disiasat di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012. Apakah susulan oleh pihak polis atas penahanan tersebut dan kenapa POTA tidak digunakan tetapi sebaliknya akta lain yang digunakan? Peristiwa keganasan seperti kejadian letupan di Syria dan Iraq pada Disember 2015 dan Januari 2016 yang mengorbankan 33 nyawa menunjukkan penglibatan dua orang rakyat Malaysia. Peristiwa tersebut menunjukkan bahawa perlu ada undang-undang pencegahan keganasan dan kita perlu bersedia menangkis kemasukan pengaruh terrorisme asing.

Saya turut ingin menyeru kepada kerajaan supaya tidak memperkecilkan amaran pelancongan dari negara lain seperti Kementerian Luar Negeri mengatakan amaran keganasan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Australia dan Britain kepada warga Malaysia yang melancong di sini pada 21 Februari 2016. Reaksi pihak penguat kuasa yang amat bercanggah dengan amaran pelancongan luar negara boleh menimbulkan kebimbangan dan kekeliruan sekiranya pihak penguat kuasa tidak memberikan penjelasan awam atau tindakan proaktif yang selaras dengan suasana semasa.

Walau bagaimanapun, saya tetap mengalu-alukan tindakan-tindakan cepat dan tepat pihak penguat kuasa untuk menempatkan pasukan polis dan tentera di beberapa buah kawasan strategik di ibu kota sebagai langkah keselamatan. Malahan, tindakan Perdana Menteri kita yang melawat pasukan rondaan di pusat beli-belah Pavilion pada 22 Februari 2016 membuktikan negara kita adalah bersedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan atau ancaman keganasan.

Saya ingin menyeru agar kerajaan menyelaraskan kenyataan dan tindakan membendung aktiviti penganas bagi mengelakkan kekeliruan rakyat Malaysia. Rakyat Malaysia berhak tahu status keselamatan awam negara. Tindakan pihak penguat kuasa yang menahan dan menyiasat suspek Daish amat dihargai tetapi masyarakat awam harus sentiasa dimaklumkan atas perkembangan dan usaha tersebut dengan maklumat yang tepat dan cepat.

Media sosial dan internet memainkan peranan yang penting dalam hidup kita. Tidak dapat dinafikan sumbangan internet kepada perkembangan ekonomi negara kita. Menurut jawapan Parlimen pada Oktober 2015, bilangan pengguna internet yang aktif di negara ini melebihi 20.1 juta dan 16.8 juta daripada aktif dalam media sosial. Kadar penebusan jalur lebar yang mencapai 70.2 peratus menunjukkan masyarakat di negara ini telah menuju ke arah gaya hidup digital.

Namun begitu, setiap perkara juga ada kelemahannya. Dalam perkara ini, ada proses rekrut pengikut Daish melalui laman web. Setakat ini, kita sudah mendengar berita seorang wanita yang hanya berumur 17 tahun membuat keputusan ke Syria sebagai seorang isteri pejuang Daish. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia membendung gejala yang membahayakan negara ini? Saya percaya langkah pemantauan media sosial adalah amat penting sebagai pencegah kegiatan dan pengaruh keganasan selain daripada penguatkuasaan melalui penangkapan dan siasatan. Tuan Yang di-Pertua, saya akhirnya ingin memohon menyokong Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ingin menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat bahawa saya dapati belum ramai yang mengemukakan nama yang ingin terlibat dalam perbahasan ini. Saya mohon kerjasama semua sekali kerana Yang Berhormat ada sampai hari Khamis dan saya menyarankan supaya Yang Berhormat, inilah peluangnya Yang Berhormat bercakap dalam Parlimen ini. Masanya terhad dan kalau Yang Berhormat boleh beri kerjasama, senang saya membuat percuturan masa. Kalau ramai yang hendak bercakap, kita boleh *extend* sampai malam.

Yang Berhormat, tanggungjawab kita sebagai Ahli Dewan Negara penting. Saya berkali-kali menyatakan jangan anggap Dewan ini sebagai *rubber stamp*, pak turut sahaja. Tak mahu. Suarakan. Yang Berhormat juga adalah bertanggungjawab kepada negara dan bertanggungjawab kepada semua rang undang-undang yang akan dibentangkan dan diluluskan.

Oleh yang demikian, saya ingin minta juga, saya nampak ada separuh itu keluar masuk sesuka hati saja. Kalau sekarang ini sesiapa hendak keluar, beritahu saya. Gunakan Dewan ini sepenuhnya. Kalau dah berucap, jangan terus balik, jangan balik. Yang Berhormat semua ada hak, waktu itu kena ada, jangan ambil peluang untuk kepentingan diri. Saya mengingatkan diri saya. Kepentingan diri nombor dua. Yang pertama sekali tanggungjawab kita kepada rakyat dan negara.

So saya nampak tidak ramai hari ini, tapi jangan tunggu sampai hari terakhir semua hendak bercakap masa itu, susah saya nak buatnya. Tolong beritahu, kemukakan nama masing-masing supaya saya hendak buat percaturan masa, bagi peluang kepada Yang Berhormat, semua Yang Berhormat bercakap, tidak ada masalah. Sekarang tanpa membuang masa, saya persilakan Yang Berhormat Datuk Abdullah Mat Yassim.

#### ■1210

#### 12.10 tgh.

**Datuk Abdullah bin Mat Yassim:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat tengah hari, salam 1Malaysia dan salam sehati sejiwa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas menjunjung kasih Titah Ucapan Diraja. Terlebih dahulu saya hendak berterima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana banyak menegur saya ke arah membina. Saya ingat lagi masa saya mula bercakap Tuan Yang di-Pertua kata mungkin lepas ini ada kebaikan sedikitlah untuk bercakap dan hari ini saya *try* bercakap bahasa surat Tuan Yang di-Pertua, walaupun Tuan Yang di-Pertua faham bahasa Kelantan.

Saya hendak mulakan pantun sedikit Tuan Yang di-Pertua. Nampak Tuan Yang di-Pertua '*bengkeng*' sedikit hari ini hendak pantun sedikit Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Berpantunlah Yang Berhormat Senator sebanyak mana pun.

**Datuk Abdullah bin Mat Yassim:** *[Menyampaikan beberapa rangkap pantun]*

*Bangun pagi menyusur pagar,  
Bas sekolah kena rempuh,  
Saya baru hendak belajar,  
Tan Sri pula sudah hendak habis tempoh.*

*Kota Baharu-Kuala Lumpur naik Air Asia,  
Seminggu sekali mesti wajib,  
Wahai segala rakyat Malaysia,  
Marilah kita pakat sokong Najib.*

*Hang Tuah Hang Jebat,  
Bertarung nyawa guna galah,  
Orang lain jangan hendak tunjuk hebat,  
Orang Melayu tidak akan mengalah.*

Di Dewan yang mulia, pada hari ini saya akan bercakap mengenai Titah Ucapan Diraja baru ini di mana dalam ucapan tersebut Seri Paduka Baginda menyentuh soal kesejahteraan rakyat Malaysia. Kita tengok sejak akhir-akhir ini, kesejahteraan itu nampak tercabar kerana isu-isu semasa yang dibawa oleh pihak pembangkang begitu lantang sekali. Lebih-lebih lagi dengan kemunculan mantan Perdana Menteri yang keluar UMNO dan bersekongkol dengan pihak pembangkang iaitu DAP.

Kalau muda-muda cakap bersekongkol dengan pembawakan 'kafir harbi' Kita tengok apabila suasana seperti ini berlaku, tentunya ia memberi cabaran kepada kita, Kerajaan Malaysia dan tentunya kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak.

Akan tetapi, *alhamdulillah* Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak ini seorang yang berjiwa besar, kental dan tidak gentar untuk berhadapan dengan semua cabaran. Semua cabaran dihadapi dengan tenang dan *alhamdulillah* segala tuduhan fitnah yang dibawa oleh pembangkang yang dibuat oleh pihak pembangkang telah dapat diselesaikan dengan jelas dan terang. Kita minta supaya soal 1MDB, soal 2.6 bilion hentikan bercakap di pasaran. Pasal soal Yang Berhormat Lim Guan Eng, soal banglo mewah, pembelian di bawah harga pasaran pun diarah bercakap. Itu belum selesai lagi. Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib kes-kes fitnah seperti 1MDB dan 2.6 bilion sudah pun selesai dan kita minta semua di pasaran jangan lagi bercakap soal ini dan teruskan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bina negara supaya negara kita dapat dimajukan lagi.

Kita tengok hari ini, mantan Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir mengadakan ceramah sekarang ini dekat pasar malam pun dia sudah mula bercakap untuk mempengaruhi rakyat. Kita minta jika ini diteruskan saya minta pihak berkuasa supaya mengambil tindakan yang tegas supaya rakyat tidak dipengaruhi oleh anasir-anasir atau dakwah yang tidak betul yang dibuat oleh mantan Perdana Menteri ini. Sebab sekarang saya tengok ini di setiap pasar malam dia berceramah dan dia punya ceramah ke arah mengeluarkan kata-kata yang tidak sihat dan ingin menjatuhkan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib.

Saya cukup hairan apabila disebarikan slogan pidato untuk, "Selamatkan Malaysia". Saya kata hendak selamatkan apalagi. Hari ini Malaysia sedang aman. Rakyat bebas bergerak. Ke mana hendak pergi tidak apa, hendak keluar makan masa mana pun tidak apa, semua boleh. Jadi, saya rasa fitnah-fitnah ini perlu di sekat oleh pihak berkuasa seperti KDN atau polis supaya rakyat tidak terus dipengaruhi dan untuk makluman, kita tengok di kampung-kampung, apabila benda ini berlaku rakyat kita ini lebih percaya kepada benda negatif. Benda positif ini dia kurang *take care*, dengan izin, kurang ambil peduli. Kalau perkara-perkara negatif ini dia mudah terima. Orang kita ini, terutamanya orang kampung. Dia mudah menerima perkara yang negatif. Jadi kita minta, saya minta pihak berkuasa supaya menyekat pengaruh ini dan pidato ini supaya ia tidak berleluasa dan menjadi pegangan kepada masyarakat kita di Malaysia pada hari ini.

Saya pun amat hairan, Tun M masa dia menjadi Perdana Menteri dahulu. Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib sokong dia dalam hal PERWAJA, dalam hal Peguam Negara, dalam hal Raja-Raja Melayu, dalam hal BMF- semua Dato' Sri Mohd. Najib sokong. Saya hairan kenapa apabila dia tidak lagi jadi Perdana Menteri, masa Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib jadi Perdana Menteri, dia tidak menyokong. Itu saya amat hairan dan tentunya ada agenda-agenda tertentu. Sepatutnya...

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Lualan sedikit.

**Datuk Abdullah bin Mat Yassim:** Boleh.

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat tertarik apabila Yang Berhormat Senator membicarakan soal mantan Perdana Menteri Malaysia. Saya tanya Yang Berhormat Senator, apa lagi yang beliau mahu. Dua, tiga hari lepas kenyataan dikeluarkan oleh Menteri Luar Arab Saudi, menyatakan 2.6 bilion sumbangan daripada Arab Saudi kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib secara peribadi dan pada sesi Dewan Rakyat yang lepas, di penghujung persidangan iaitu hari Khamis, Pengerusi PAC juga telah membuat kenyataan bahawa dalam soal 1MDB ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak ada hubung kait langsung. Jadi apakah masalah yang ada pada mantan Perdana Menteri kita ini? Apakah yang beliau mahu? Apakah pandangan Yang Berhormat Senator? Terima kasih.

**Datuk Abdullah bin Mat Yassim:** Panjang Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas tanya. Sebenarnya kalau hendak dikira umur mantan Perdana Menteri ini 92. Kalau hendak dikira dia dekat hendak mati sudah. Sepatutnya soal-soal dunia ini sudah ditinggalkan. Tidak lagi berbicara soal dunia ini. Sebab kalau ikut adat, dia sudah dua-dua kaki dalam kubur tetapi masih lagi bercakap sedap, masih lagi hendak bunuh orang. Saya pun hairan di umur 92 masih lagi hendak jatuhkan orang. Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib pula itu. Tentu dia ada agenda.

Agenda dia yang saya nampak yang saya nampak hari ini untuk menaikkan anak dia. Anak dia sebagai mewarisi takhta dia bekas Perdana Menteri untuk masuk anak dia dalam Kabinet dan menjadi Perdana Menteri satu hari nanti. Itu sahaja. Agenda lain tidak ada. Agenda apa lagi? Dia cuba hendak gunakan Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin. Dahulu masa Pak Lah, dia gunakan Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin dan Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin tekan-tekan Pak Lah- turun. Jadi, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib pun dia hendak gunakan begitu juga, hendak guna Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin hendak jatuhkan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib

Sebenarnya dia tidak tahu Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib ada kekuatan. Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib ini dahulu bekas Ketua Pemuda UMNO Malaysia. Jadi, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib memang hari ini semua ketua *almost* Ketua-ketua Bahagian UMNO di Malaysia ini terdiri daripada penyokong-penyokong Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib dan seangkatan dengannya.

#### ■1220

Jadi dia silap. Sekarang ini apabila bermacam-macam cara, bermacam-macam teknologi digunakan oleh Tun M tidak berjaya, maka dia keluar sebab di dalam UMNO, di dalam kerajaan, *machinery, money, supporter*, sudah tidak ada lagi. Maka, dia keluar, bersekongkol bersama dengan DAP yang dulunya terang-terang menentang dia, mengatakan Mahathir ini 'maha firaun'. Sekarang ini bersekongkol dengan DAP dan agenda dia adalah untuk menggunakan Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin jadi Perdana Menteri kemudian hendak letak anak dia, Mukhriz untuk menjadi Timbalan Perdana Menteri. Itu agenda dia.

Jadi kepada Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, teruskan sebab pada zaman Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak inilah, banyak bantuan, sumbangan, pertolongan untuk rakyat Malaysia khususnya untuk orang Melayu dan bumiputera. Itu yang dia marah. Soal 1MDB, saya cukup berterima kasih kepada Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak sebab 1MDB inilah yang menjadikan semua tauke besar marah, sebab 1MDB inilah, dia membeli semua kepunyaan taiko-taiko, tauke-tauke besar semasa Tun M. berkuasa dahulu. Jadi 1MDB ini yang dia marah sebab tauke-tauke besar sekarang ini tidak ada lagi punca pendapatan yang besar. Baik IPP, baik Bandar TRX Malaysia, itu semua tanah 1MDB.

Jadi hari ini, 1MDB membeli semua ini. Jadi orang-orang kaya, tauke-tauke yang kapitalis-kapitalis kaya yang hidup zaman Tun M. sekarang ini sudah tidak lagi bermaharajalela di pasaran. Jadi itulah yang menjadi kemarahan apabila 1MDB mengambil alih kesemua ini, maka tauke-tauke ini yang marah kepada Tun M ini. Maka, dia mendesak bekas Perdana Menteri ini. "*Saya susah cari makan sekarang.*" Jadi, Tun M. tertekan. Mungkin itu proksi-proksi dia. Jadi tertekan. Ditekan, tekan dan tekan Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak supaya beliau turun. Semasa pemerintahan dia, kita tengok dia kurang menjaga orang Melayu, bumiputera khususnya.

Jadi zaman Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak inilah Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak betul-betul jaga orang Melayu dan bumiputera. Apa yang Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak tidak bantu? Kita tengok BR1M ada, hantar orang pergi Mekah, bantuan awal persekolahan, macam-macam bantuan yang diberi semasa zaman pemerintahan Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak. Itu yang dia marah sebab dia tidak boleh buat. Dia lupa hendak buat. Apabila Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak buat berbeza sampai ke akar umbi, bantu rakyat, tolong rakyat, itu yang menjadikan Tun Mahathir marah sangat kepada Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak. Tidak lain. Dia tidak buat jadi Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak ini pendekatan dia, 'Rakyat didahulukan, Pencapaian diutamakan'. Jadi rakyat didahulukan.

Jadi hari ini, betul, benda itu sampai ke akar umbi dan Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak memang mempunyai kekuatan, sokongan rakyat Malaysia. Ya, Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai.

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Terima kasih. Yang Berhormat, tadi cakap Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak jaga orang Melayu, dia jaga rakyat Malaysia, semua bangsa dia jaga. Terima kasih.

**Datuk Abdullah bin Mat Yassim:** Dia menjaga semua, tadi saya sebut, orang Melayu, bumiputera termasuk MIC dan MCA. DAP pun kita jaga lagi. Kalau di Kelantan PAS pun dijaga lagi. BR1M pun dapat, semua dapat.

Bantuan awal persekolahan pun semua dapat. MIC pun dapat. Orang Siam pun dapat. Semua dapat. Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak kalau soal rakyat memang dia utamakan. Ini dia tidak kira fahaman politik. Tengok, kalau hendak kira BR1M, kita tidak payah bagi kepada orang yang menentang kerajaan tetapi Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak bagi. Akhir-akhir ini, dahulu bagi *by hand*, sekarang ini bagi masuk akaun yang menjadikan kita dalam hal ini kurang *mileage*, *mileage* kita kurang sebab kita masuk akaun. Tidak bagi *by hand*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Berhenti sekejap Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat semua, suka cita saya dimaklumkan bahawa hadir bersama-sama kita di Dewan yang mulia ini ialah *Honorable Mr. Ravi Prakash Verma* daripada *Indian Parliamentary Goodwill Delegation*. *I would like to welcome you*. Kepada *Honorable Mr. Ravi Prakash Verma*, Dewan ini mengalu-alukan kehadiran *Your Excellency* dan delegasi ke Dewan yang mulia ini. *We welcome you to our House today*. Silakan.

**Datuk Abdullah bin Mat Yassim:** Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya diberi peluang oleh UMNO untuk mengikuti delegasi UMNO ke China selama 10 hari. Semasa di China itu, kita berjumpa dengan pihak berkuasa China dan apabila di sana, kita melihat negara dia aman, bersih. Kebetulan semasa lawatan itu kita berpeluang untuk melawat kawasan Islam, kawasan perkampungan orang Islam. Di sana tidak ada PAS, tidak ada parti Islam tetapi orang Islamnya ramai, Tuan Yang di-Pertua. Orang Islam Muslim di China, kalau tidak silap yang diberitahu, ada seramai 120 juta.

Kalau hendak bandingkan dengan Malaysia, kalau hendak kira Islam, dia lebih negara Islam lah sebab dia 120 juta orang. Kita hanya ada 15 juta orang sahaja. Akan tetapi di sana tidak ada parti Islam tetapi orang dia pun tengok sembahyang pakai kopiah, ketayap macam kita juga tetapi yang bezanya apabila saya pergi ke Lanzhou itu, saya tanya di satu kampung itu, di sini ada berapa orang yang telah menunaikan haji? Dia kata, di sebuah kampung ini, satu orang pun tidak pergi Mekah lagi. Jadi, saya mengambil iktibar kalau negara kita, tengok di China, diperintah oleh orang lain sebab dia kata, di sini kalau hendak pergi haji, upahnya, tambangnya, kosnya 50,000 Yuan, lebih kurang RM30,000. Jadi mereka tidak mampu.

Hendak cerita bahawasanya, Orang Melayu bumiputera dan penyokong-penyokong kerajaan di Malaysia ini kita kena kekalkanlah pemerintahan yang ada pada hari ini supaya semua subsidi, bantuan, sumbangan yang dibantu, dibiayai oleh kerajaan sekarang terus kekal dan dapat dinikmati oleh anak cucu kita di akhir zaman nanti. Apabila saya tanya, adakah kes 1MDB, RM2.6 bilion ini atau unsur-unsur lain diketahui oleh masyarakat di China? Dia kata, dia tak tahu, dia cakap orang putih lah. Dia tidak tahu. Kalau pembangkang Malaysia ini dia kata, "*Oh! Imej kita di mata dunia dilihat rendah.*" Tidak ada. Tidak berlaku di China walaupun dia ada penduduk 1.4 bilion, dia tak tahu apa pun yang berlaku di Malaysia ini.

Oleh sebab itu, apabila kita tanya, apabila kita tengok, sekarang ini pelaburan di Malaysia ini bertambah. Orang China pun sudah bertambah. Saya pergi ke sana, apabila balik itu, memang *flight full* balik ke Malaysia. Masa dahulu ya, sekejap semasa tragedi MH370 itu sahaja nampak ada merudum sedikit kehadiran ke Malaysia. Jadi hari ini, tidak ada apa-apa masalah.

Tidak ada apa-apa pun dilihat rendah oleh masyarakat dunia sebab kita tengok apabila Menteri Pendidikan kita, Dato' Seri Mahdzir Khalid pergi bertanding menjadi anggota UNESCO, kita menang undi terbesar daripada 180 buah negara yang hadir, 165 buah negara mengundi negara kita. Bukan undi Dato' Seri Mahdzir Khalid, undi siapa? Undi Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak sebab Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak yang terkenal di seluruh dunia. Maknanya, apa yang berlaku di Malaysia, 1MDB atau RM2.6 bilion pun tidak masuk kepala. Tidak tersebar ke luar. Negara luar pun tidak tahu hal ini. Jadi *alhamdulillah*, negara kita sekarang sudah semakin naik dan sudah semakin maju dan mendapat sokongan. Pelabur pun sudah mula masuk ke Malaysia dan *alhamdulillah*, dengan Tun M. keluar semua dalam kerajaan, mata wang kita sudah semakin naik. Kalau Mahathir ada lagi dalam ini, saya ingat mata wang kita masih lagi tidak naik. Jadi, *alhamdulillah*.

■1230

Ada masa lagi tidak Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan, saya duduk diam itu, jalanlah.

**Datuk Abdullah bin Mat Yassim:** Bimbang, takut tengah naik gear disuruh berhenti, jadi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, teruskan. Panjangkan lagi?

**Datuk Abdullah bin Mat Yassim:** Saya *point* banyak lagi ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan. Sampai masanya saya akan tegur.

**Datuk Abdullah bin Mat Yassim:** Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini banyak orang bercakap soal kos sara hidup. Saya nampak kos hidup sekarang ini bukan soal kerajaan, soalnya kita sendiri tidak boleh kawal. Sebelum saya pergi ke China baru-baru ini, saya ada minum pagi dengan orang Pantai Dalam di Kuala Lumpur, saya bersembang dengan dia, hisap rokok dia. Saya tanya, dia cakap dengan saya, “*Oh Datuk, saya sekarang susah sebab kos hidup sekarang meningkat tidak macam dahulu.*” Saya tanya menghisap rokok itu berapa kali sehari, berapa bungkus? Dia kata dua bungkus. Dua bungkus sudah RM34.00. “*Gaji berapa?*” Dia kata, RM4,000 sebulan. Kalau gaji awak RM4,000 sebulan, harga rokok sudah RM1,000, satu pertiga gaji sudah habis sebab itu awak susah, sebab awak tidak boleh *control* diri awak. Sepatutnya perkara ini jangan meletakkan salah kepada Dato’ Najib, pemimpin, kena lihat salah diri kita.

Hari ini Tuan Yang di-Pertua, saya anak orang kampung. Saya dok berjalan di kampung-kampung, rakyat kita hari ini bukan susah hendak makan Tuan Yang di-Pertua tetapi susah hendak mewah. Susah hendak mewah, bukan susah hendak makan. Kalau saya pergi ke pedalaman, kawasan kampung sudah tidak ada kereta KE20, KE30. Semua Myvi dan Axia. Anak duduk di UiTM lima orang, lima orang pakai Kancil, pakai Axia, gaji sama.

Jadi, sebab itu rakyat hari ini menghadapi tekanan hidup kerana hendak mengejar kemewahan. Kerja-kerja bawah-bawah, jadi pekerja *petrol station* tidak hendak, orang gaji tidak hendak. Oleh sebab itu di stesen minyak, *cashier*, tukang isi minyak adalah orang luar. Orang Melayu kita, orang *local* tidak hendak, hendak mewah. Sekarang ini rakyat kita susah untuk mewah, bukan susah untuk makan.

Oleh sebab itu rakyat di Malaysia gemuk-gemuk, mana ada yang kurus rakyat Malaysia ini. Semua rakyat Malaysia ini, *you* pergilah di mana-mana, diet. Makan tawar, nasi separuh sebab gemuk. Di negara China tidak jumpa pun orang yang gemuk-gemuk sebab dia tidak makan nasi. Saya pergi dua minggu, dia tidak bagi nasi. 10 hari, empat kilo turun. Tidak makan nasi, tidak ada yang gemuk di China ini. Jadi, negara kita ini kalau orang tengok macam tidak miskin sebab semua gemuk-gemuk, semua diet.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat...

**Datuk Abdullah bin Mat Yassim:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** ...Cuba Yang Berhormat berhujah, berbahas mengikut *point-point* Yang Berhormat kemukakan untuk kebaikan rakyat, kebaikan negara. Jangan cerita terlalu panjang dengan satu-satu keadaan itu.

**Datuk Abdullah bin Mat Yassim:** Okey, okey, okey.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Abdullah bin Mat Yassim:** Tuan Yang di-Pertua, kita tengok hari ini anak-anak muda, belia-belia buta sejarah. Anak-anak muda ini kurang memahami sejarah. Oleh sebab itulah anak-anak muda ini dia hanya kenal buah tetapi tidak kenal pokok. Jadi, saya minta supaya mata pelajaran sejarah diperkasakan semula Tuan Yang di-Pertua. Sebab budak-budak sekarang ini hanya kenal buah tetapi pokok tidak kenal. Buahnya sekarang pokoknya UMNO. Oleh sebab itu buah dia makan, pokok dia terbang. Dia tidak kenal, dia kenal buah epal sahaja, pokok epal dia tidak kenal. Bila dia jumpa pokok, dia terbang walhal pokok itu pokok epal. Jadi, saya minta subjek sejarah diperkasakan balik supaya anak-anak muda kita kenal pokok, di mana asalnya kita, keturunan dan bagaimana kita dilahirkan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Persatuan Bekas Tentera Malaysia (PBTM). Saya tengok bekas-bekas tentera ini Tuan Yang di-Pertua, dekat kampung kebanyakan, bukan semua, kebanyakannya bekas-bekas tentera ini dia bercakap menentang kerajaan, tidak berpuas hati dengan kerajaan. Saya minta dan mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri Pertahanan supaya ditubuhkan perunding majlis permuafakatan dengan bekas-bekas angkatan tentera Malaysia.

Oleh sebab sekarang ini walaupun sudah ada persatuan tetapi persatuannya, hidup segan mampus tokseh, hidup segan mati tak mahu. Jadi, kena ada orang lain- jika pihak kementerian menubuhkan persatuan permuafakatan bekas-bekas tentera ini diketuai oleh ketua bahagian, *inshaa Allah* dengan sedikit peruntukan yang diberikan sedikit, kehidupan, gaya hidup, cara hidup bekas-bekas tentera ini akan dapat dibela.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana pada bulan lepas telah melancarkan Program Jelajah Pendidikan Bumiputera. Yakni tentunya menguntungkan masyarakat kampung kerana sebelum ini belia-belie lepasan SPM kalau yang berjaya pergi melanjutkan pelajaran tetapi yang tidak berjaya- tetapi *alhamdulillah* dengan pelancaran Program Jelajah Pendidikan Bumiputera oleh Perdana Menteri baru-baru ini, anak-anak muda kita yang berjaya masuk ke universiti dan yang tidak berjaya akan dapat belajar ke institusi-institusi kemahiran. Jadi, terima kasih kepada Perdana Menteri yang betul-betul rakyat didahulukan. Di mana sekarang ini anak-anak kampung, anak-anak muda berpeluang untuk melanjutkan pelajaran ke universiti dan ke institusi-institusi kemahiran. Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, gulung Yang Berhormat.

**Datuk Abdullah bin Mat Yassim:** Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita tengok bantuan sumbangan banyak dan kebanyakannya melalui eKasih Tuan Yang di-Pertua. eKasih ini saya minta kementerian berkenaan membuat kajian semula. Oleh sebab eKasih ini dahulu dia miskin, sekarang dia sudah kaya. Dahulu dia kaya, sekarang dia sudah miskin. Kita tengok, tidak tahulah di sini, di Rantau Panjang itu saya tengok kereta ada lima buah depan tangga pun berdaftar dengan eKasih. Yang ini saya minta dikaji semula. Sekali lagi saya hendak berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana terus menerajui negara ini walaupun fitnah dilemparkan begitu kuat, berleluasa. *Alhamdulillah*, Perdana Menteri seorang yang beriman dan diberikan taufik dan hidayah oleh Allah SWT, dia tenang dan akan terus menerajui negara ini. Akhir sekali, hendak berpantun lagi ini.

*Jalan perlahan macam kura-kura,  
Jangan bertindak macam Brutus,  
Walaupun Tan Sri sudah bersara,  
Hubungan kita janganlah putus.*

Jadi, saya rasa...

**Tuan Yang di-Pertua:** *Inshaa Allah, inshaa Allah.*

**Datuk Abdullah bin Mat Yassim:** Nanti ada pantun lagi sat lagi. Jadi, saya rasa itu sahaja Tuan Yang di-Pertua dan saya mohon menyokong ucapan Titah Diraja. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Prof. Dr. Sim.

**12.39 tgh.**

**Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selamat petang, salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahas, menjunjung kasih Titah ucapan Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong bagi Penggal Keempat, Parlimen Ketiga Belas. Titah Seri Paduka Baginda telah menyentuh pelbagai isu berkaitan polisi kerajaan, ekonomi, politik dan kejayaan yang diperolehi negara di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, tahun 2015 merupakan satu tahun yang mencabar dengan ekonomi global serta kedudukan mata wang negara yang tidak menentu. Terdapat beberapa perkara yang akan saya bangkitkan pada hari ini. Pertama, Perjanjian Malaysia 1963.

## ■1240

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Sarawak telah lama ingin melihat sebuah negara Malaysia yang dibentuk oleh tiga buah entiti iaitu Sabah, Sarawak dan juga Semenanjung Malaysia. Saya yakin ramai pemimpin kita keliru dengan fakta sejarah yang sedia ada.

Keadaan ini berlaku kerana kurangnya kefahaman berkaitan dokumen penting yang telah menjadi asas pembentukan Malaysia seperti Laporan Suruhanjaya Cobbold, Laporan Jawatankuasa Antara Kerajaan dengan izin, *Inter-Governmental Committee Report* dan Perjanjian Malaysia 1963, dengan izin, *Malaysia Agreement 1963*.

Pemahaman terhadap pembentukan Malaysia yang merupakan penyertaan Sabah dan Sarawak tidak tepat, tetapi sebaliknya Sarawak dan Sabah bersetuju untuk bersekutu membentuk Malaysia. Sarawak dan Sabah rakan kongsi setara antara tiga buah wilayah yang membentuk Malaysia. Agak menyedihkan selepas 53 tahun, sebahagian masyarakat dan sesetengah pemimpin Malaysia masih lagi menganggap Sarawak sebagai salah satu daripada 13 buah negeri di Malaysia. Saya dengan tegas memohon Kerajaan Malaysia agar membetulkan fakta sebenar mengenai pembentukan Malaysia, agar masyarakat tidak dikelirukan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang menjadi agenda utama bagi Sarawak pada masa ini adalah memperjuangkan hak seperti yang termaktub dalam Perjanjian Malaysia 1963, khasnya berkenaan autonomi Kerajaan Sarawak. Kerajaan Barisan Nasional Sarawak sesungguhnya menjadikan agenda autonomi pentadbiran sebagai salah satu asas dalam memantapkan institusi pentadbiran kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan. Antara perkara yang menjadi perjuangan rakyat Sarawak memastikan Kerajaan Persekutuan menyemak semula Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan bagi menurunkan kuasa-kuasa berkaitan pendidikan, kesihatan dan keselamatan dalam negeri pada Sarawak. Semua ADUN juga sebulat suara dalam sidang DUN Sarawak pada bulan Mei 2014 menuntut Kerajaan Persekutuan supaya menaikkan royalti minyak Sarawak daripada 5 peratus kepada 20 peratus. Usul ini menerima sokongan sebulat suara daripada ADUN negeri Sarawak.

Seperti yang semua sedia maklum, inisiatif rundingan fasal pertama antara Sarawak dan Kerajaan Persekutuan telah membuahkan hasil. Sebanyak 13 perkara telah diterima bersama dengan penurunan kuasa pentadbiran kepada kerajaan negeri berdasarkan Perjanjian Malaysia. Tuntutan autonomi ini bukan cubaan Sarawak hendak keluar dari Malaysia atau mendapatkan Perjanjian Malaysia, tetapi hanya menuntut hal-hal sedia ada yang telah lama disemak secara teliti. Saya amat percaya sekiranya rakyat Sarawak memberikan mandat penuh kepada Barisan Nasional Sarawak dalam pilihan raya negeri kami ini yang akan datang, tentu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan merealisasikan segala tuntutan dan impian rakyat Sarawak bagi menjadikan Sarawak sebagai sebuah rakan kongsi Malaysia yang maju dan harmoni.

Usaha Kerajaan Negeri Sarawak menangani kos sara hidup Sarawak. Tuan Yang di-Pertua, dalam menangani isu kos sara hidup yang tinggi, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak kerana berusaha untuk memastikan tekanan kos sara hidup dapat dikurangkan dengan melaksanakan pelbagai langkah seperti mengurangkan tarif elektrik, penggunaan kuasa elektrik yang kurang daripada RM20 tidak dikenakan sebarang caj.

Begitu juga Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak telah menyeragamkan semua kos tambang feri yang merupakan pengangkutan utama dalam menghubungi daerah-daerah di Sarawak. Tambang feri yang sebelum ini berbeza-beza mengikut tempat dan destinasi dan tambang dari RM1 sehingga RM50 telah diseragamkan kepada RM1. Penghapusan tol dan tol jambatan merupakan suatu usaha kerajaan untuk meringankan beban rakyat Sarawak kerana jambatan di Sarawak merupakan satu cara perhubungan yang amat penting melibatkan ekonomi rakyat Sarawak. Begitu juga dengan pengecualian cukai GST kepada perkhidmatan di bawah majlis berkuasa tempatan. Semua ini membolehkan rakyat Sarawak khususnya di luar bandar mendapat perkhidmatan yang terbaik dengan kos yang lebih murah di Sarawak.

Begitu juga dengan keprihatinan yang ditunjukkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak dan Kerajaan Barisan Nasional dengan penerima-penerima bantuan kebajikan masyarakat. Kerajaan Negeri Sarawak telah menambahkan RM50 kepada setiap penerima bantuan kebajikan masyarakat selain daripada yang diterima.

Begitu juga dengan usaha meringankan kos sara hidup rakyat Sarawak untuk memiliki rumah dengan memperkenalkan Skim Rumah Mampu Milik untuk rakyat Sarawak dengan harga yang berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah juga kepada Kerajaan Persekutuan kerana dalam usaha kita membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat, telah menubuhkan sebuah jawatankuasa khas di peringkat Kabinet untuk menangani isu-isu kenaikan harga barangan. Cuma saya ingin bertanya, sejauh manakah jawatankuasa ini dapat membuat satu formula yang sesuai bagi menangani isu-isu kenaikan harga barangan?

*Pan Borneo Highway.* Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberi jaminan bahawa Lebuhraya Pan Borneo sepanjang 1,663 kilometers akan dibina dan sehingga kini, terdapat dua fasa pembinaan Lebuhraya Pan Borneo sudah dimulakan di Teluk Melano dan di Bakong, Bintulu.

Bagi wilayah Sabah dan Sarawak sepanjang 926 kilometers lebuhraya akan dibina, manakala wilayah Sabah sepanjang 727 kilometer dan menjadi harapan besar bagi kedua-dua projek ini berjalan dengan lancar dan siap seperti dijanjikan. Semua ini ditepati dan telah menunjukkan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sentiasa prihatin kepada pembangunan Sarawak khususnya Lebuhraya Pan Borneo yang akan memberi kesan ekonomi, meningkatkan pembangunan luar bandar Sarawak serta paling penting, memudahkan tempoh perjalanan dari bandar ke bandar di seluruh negeri Sarawak. Apa yang terbagus berita ini ialah *Pan Borneo Highway* akan *toll free*.

Banjir di Sarawak. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri serta Menteri-Menteri yang telah turun padang meninjau keadaan banjir di Sarawak awal tahun ini. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah meluangkan masa beliau dalam lawatan kerja ke Sarawak dengan melawat keadaan banjir dan telah mengarahkan Yang Berhormat Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar untuk mengambil tindakan segera dengan melakukan kajian terperinci mengenai bencana banjir yang berlaku baru-baru ini. Tindakan ini sangat perlu memandangkan bahagian Kuching, Samarahan dan Serian mengalami banjir sebanyak empat kali dalam tempoh dua bulan. Saya juga berharap agar kajian ini tidak tertumpu kepada bahagian Kuching sahaja tetapi meliputi kesemua bandar utama Sarawak yang berpotensi mengalami masalah serupa.

#### ■1250

Projek Tebatan Banjir Kuching yang dirancang pada tahun 2016 dan 2017 juga perlu diberi perhatian. Menurut Yang Berhormat Menteri Kerja Raya Malaysia terdapat 289 kes tanah runtuh berlaku sepanjang tempoh bencana banjir menimpa Sarawak dan 18 daripada kes tanah runtuh berlaku di Jalan Raya Persekutuan. Diharap pihak kerajaan dapat menyegerakan proses baik pulih jalan-jalan tersebut. Saya juga ingin memohon supaya Kementerian yang bertanggungjawab terhadap bencana banjir agar memastikan peralatan penyelamat seperti bot enjin dan sebagainya termasuk pusat pemindahan disediakan di kawasan-kawasan yang mudah dilanda banjir khususnya di kawasan Samarahan, Kuching, Sri Aman dan lain-lain kawasan yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga perlu melihat kesan banjir kepada ekonomi penduduk kampung khususnya di luar bandar. Saya memohon khusus Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk melihat kawasan-kawasan petani yang rosak teruk akibat banjir di Sarawak dan menyalurkan bantuan kepada mereka bagi meringankan beban dan sara hidup mereka. Saya juga harap Kementerian- JPAM boleh mengeluarkan wang ihsan kepada semua orang-orang banjir dengan segera.

Pembangunan sukan belia di Sarawak. Tuan Yang di-Pertua, saya dimaklumkan bahawa bakat-bakat sukan yang terdapat di Sarawak terpaksa pergi ke Semenanjung Malaysia terutama sekolah-sekolah sukan khususnya di Bukit Jalil untuk mengasah bakat mereka. Oleh itu saya ingin mencadangkan agar pihak kerajaan dapat mempertimbangkan pembinaan sebuah sekolah sukan berprestasi tinggi di negeri Sarawak dengan jurulatih bertauliah agar bakat-bakat sukan di Sarawak dapat ditonjolkan.

Isu keselamatan di perairan sempadan negeri Sarawak. Tuan Yang di-Pertua, di kesempatan ini juga saya ingin turut menyentuh mengenai beberapa ancaman keselamatan yang mengugut kesejahteraan negara baru-baru ini.

Perkembangan ini harus diberi penekanan serius kerana ia melibatkan isu keselamatan negara. Aset dan keperluan keselamatan di perairan sempadan di Sarawak harus dipertingkatkan serta melalui penubuhan agensi keselamatan sempadan. Ia akan membantu memerangi pencabulan wilayah keganasan dan jenayah rentas sempadan serta meningkatkan usaha membanteras isu pemerdagangan manusia.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih atas hasrat kerajaan untuk mewujudkan pangkalan udara di pelantar minyak dan gas di Sarawak bagi memperkukuhkan aspek kawalan keselamatan perairan di Sarawak supaya lebih berkesan. Walau bagaimanapun saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kementerian tentang tarikh pelaksanaan serta tempoh yang diperlukan oleh kerajaan untuk menambah bilangan aset-aset tentera laut di kawasan perairan Sarawak.

Isu MASwings dan lapangan terbang di negeri Sarawak. Saya turut ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini khususnya berkaitan penerbangan domestik di negeri Sarawak. Kita sedia maklum bahawa Syarikat Penerbangan Negara Malaysia, *Airlines MAS* telah banyak membantu menghubungkan penduduk di negeri Sarawak dengan menggunakan kemudahan perkhidmatan MASwings. Walau bagaimanapun, sejak akhir-akhir ini saya mendapati ada peningkatan penumpang yang menggunakan kemudahan MASwings di peringkat domestik. Namun bukan sahaja penambahan penumpang tidak selari dengan kemudahan-kemudahan yang disediakan malah sering kali juga berlaku penerbangan yang ditunda antara dua hingga tiga jam. Justeru itu, saya menyeru Kementerian Pengangkutan agar mengambil langkah proaktif agar masalah ini dapat diatasi.

Subsidi penyeragaman harga di Sarawak dan Sabah. Tuan Yang di-Pertua, untuk mengatasi isu ketidakseragaman harga barang antara di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Kerajaan telah memperuntukkan subsidi ratusan juta mulai tahun 2009 bagi menanggung kos pengangkutan barang keluar bandar di Sabah, Sarawak dan Labuan. Namun yang sentiasa menimbulkan masalah ialah kontraktor yang dilantik untuk menghantar barang-barang ke kawasan pedalaman tidak dipantau baik menyebabkan kebanyakan mereka tidak menunaikan tugas mereka dan harga barang-barang di hulu-hulu sungai masih tinggi.

Saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya mengkaji semula program agar benar-benar dapat membantu masyarakat di pedalaman Sarawak. Saya juga ingin mencadangkan kaedah pemberian subsidi terus kepada penduduk berbanding pemberian kontrak kepada kontraktor seperti sekarang. Pemberian subsidi terus ini akan sekurang-kurangnya menampung kos sara hidup mereka. Saya harap kementerian mengambil berat dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, umum mengetahui bahawa Barisan Nasional Sarawak terdiri dari empat komponen parti iaitu PBB, PRS, SUPP dan SPDP yang merupakan tunjang kepada kekuatan Barisan Nasional di Sarawak. Sejarah telah membuktikan bahawa hanya Barisan Nasional sahaja mampu membawa perubahan positif khususnya untuk masyarakat di negeri Sarawak.

Untuk memastikan Sarawak menjadi maju dan harmoni, rakyatnya memerlukan autonomi dan hak-hak tertentu daripada Kerajaan Persekutuan selaras dengan peruntukan undang-undang yang termaktub di bawah Perlembagaan dan Perjanjian Penubuhan Malaysia 1963. Saya menyeru sekali lagi kepada seluruh rakyat Sarawak tanpa mengira kaum dan latar belakang agama agar memberi kepercayaan penuh kepada Barisan Nasional Sarawak untuk terus menerajui Kerajaan Sarawak.

Sebagai Senator dari Sarawak, saya menyokong penuh usaha-usaha murni Kerajaan Negeri Sarawak dan kepimpinan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak dalam menjadikan Sarawak sebagai sebuah kerajaan yang harmoni, maju dan sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, di sini saya mohon menyokong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya secara peribadi ingin mengucapkan selamat bertanding dan selamat berjaya dalam pilihan raya di Sarawak yang akan datang [*Tepuk*]

Seterusnya saya ingin menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat juga. Saya dapati hanya lima orang sahaja akan berbahas pada hari ini dan saya percaya oleh kita-kalau siapa hendak berbahas selain siapa yang sudah beri nama kepada saya itu, sila kemukakan secepat mungkin. Kalau perlu kita tambah, kita tambah.

Tujuan saya untuk memberi peluang kepada semua Ahli Yang Berhormat berbahas termasuk yang baru-baru angkat sumpah pun.

Ini kerana selagi Yang Berhormat tidak mulakan bercakap di Dewan ini saya rasanya belum apa lagi. Dengan izin, *it's not that difficult, we have to break the ice. So, I hope everybody* atau semua Ahli Yang Berhormat bersedia siapkan ucapan yang hendak di bahas dan semoga Yang Berhormat dapat menyumbangkan. Inilah tempatnya Yang Berhormat dapat menyumbang kepada negara dan rakyat Malaysia tanpa segan silu. Yang Berhormat telah dilantik bukan dipilih, dilantik daripada 30,000 orang rakyat Malaysia. Gunakan masa itu, kedudukan Yang Berhormat itu untuk menyuarakan untuk kebaikan masyarakat kita di Malaysia ini.

Juga saya ingin menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat, siapa yang sudah berucap pun kalau boleh duduk tunggu kerana kalau semuanya keluar nanti maka akhirnya Dewan kita kosong. Di samping itu yang belum berucap pun tentukan mereka berada dalam Dewan. Kalau apabila sampai masa saya panggil Yang Berhormat tidak ada, kalau saya *that's the end of you*, dengan izin. Ini kerana kalau sudah beri nama itu, tunggu. Kita akan ambil bagi peluang kepada semua Ahli Yang Berhormat untuk berbahas. Ini kerana jam tepat pukul satu kita tangguhkan persidangan kita ke jam 2.30 petang. Sekian, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**[Mesyuarat dtempohkan pada jam 1.00 tengah hari.]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]**

■1430

**[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat.]**

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Kita berbalik semula pada program perbahasan kita. Sila. Ada yang hendak cakap dulu? Sila. Ada lagi? Ada sesiapa hendak bercakap dulu? Okey, tidak ada. Yang Berhormat Senator Datuk Seri Nallakaruppan ada? Datuk Seri? Lagi, nama diberi kepada saya, Yang Berhormat Senator Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omarin. Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah? Sila.

**2.33 ptg.**

**Puan Hajah Azizah binti Haji Harun:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Terlebih dahulu, terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk turut serta dalam perbahasan Titah Diraja pada hari ini. Pada 7 Mac 2016, Ke Bawah Duli Tuanku telah mencemar duli dan membuka penggal Parlimen kita dan menandakan Mesyuarat kita yang pertama pada tahun keempat sesi Parlimen yang Ketiga Belas ini.

Saya dengan rasa besar hati turut serta menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Semoga Baginda Tuanku dikurniakan dengan kesihatan yang berpanjangan untuk menjadi simbol kemegahan rakyat Malaysia. Titah Diraja baru-baru ini merupakan aspirasi dan impian Tuanku yang merangkumi pelbagai bidang semasa daripada segi ekonomi, keselamatan, keadaan politik semasa dan juga menyentuh aspek pelancongan.

Saya merafakkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana walaupun kita menghadapi pelbagai situasi yang tidak menentu, antaranya, harga minyak yang tidak menentu, ekonomi yang tidak menentu, malah keadaan politik yang kadangkala tidak menentu tetapi *alhamdulillah*, di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, keharmonian Malaysia masih dapat dipelihara dan kita Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara dapat bersama-sama bersidang dan berbahas dalam keadaan yang aman dan damai pada hari ini.

Saya juga sebenarnya bersyukur juga dapat berucap pada hari ini kerana inilah merupakan perbahasan Titah Diraja yang pertama bagi saya. Maka dengan itu, saya akan menyentuh isu-isu nasional dan juga isu mengenai kawasan Sepang. Antara Kementerian yang akan saya sentuh adalah seperti berikut:

- (i) Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah;
- (ii) Jabatan Perdana Menteri;
- (iii) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat;
- (iv) Kementerian Pendidikan; dan,
- (v) Kementerian Pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya, saya ingin menyentuh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah mengenai isu KEMAS. Isu yang saya ingin bawa mengenai jawatan penyelia kawasan dan jawatan penyelia kanan bagi KEMAS. Mereka telah menyumbang jasa bakti yang banyak kepada KEMAS, memastikan segala operasi dan pengurusan KEMAS berjalan dengan baik dan lancar.

Apa yang menjadi masalahnya ialah jawatan mereka pada masa sekarang berstatus kontrak. Saya ingin mencadangkan agar pihak kementerian membuat kertas kerja dan menyerapkan mereka ke dalam perkhidmatan awam iaitu menjadikan jawatan mereka sebagai jawatan tetap. Saya juga memaklumkan sebagai syarat untuk ditetapkan, mereka mesti melalui kursus dan latihan serta temu duga untuk jawatan tetap.

Untuk makluman Yang Berhormat, mereka ini biasanya daripada golongan yang berusia antara 45 tahun ke-50 tahun ke atas. Usia mereka telah lanjut tetapi pengalaman di dada amat banyak. Maka, saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian agar memberi pengecualian kepada mereka dan terus diserapkan dalam perkhidmatan awam. Mereka ini sebenarnya tidak mengharapkan kemewahan yang banyak. Cuma sebagai persediaan mereka di usia tua iaitu mendapat pencen semasa mereka bersara. Saya pohon pihak kementerian agar benar-benar mengambil berat akan rintihan mereka dan mengambil kira segala jasa bakti dan penat keringat yang telah mereka curahkan kepada Jabatan KEMAS.

Seterusnya, saya beralih kepada isu-isu yang berkaitan dengan Jabatan Perdana Menteri. Pada mulanya, saya ingin menyentuh isu banjir terutamanya di kawasan Sepang, Selangor iaitu mengenai keadaan penyaluran bantuan kepada mangsa banjir.

Bencana alam berlaku dengan tidak diduga. Pada waktu paginya cerah dan cahaya matahari dan entah bagaimana waktu petang, hujan ribut melanda. Banjir kini menjadi satu fenomena biasa di negara kita. Cuma apa yang membimbangkan ialah disebabkan sistem perparitan yang tidak terurus iaitu parit dan longkang ini tersumbat, tidak diurus selia dengan baik. Maka, tidak hairanlah banjir boleh menimpa bila-bila masa sahaja. Pada tahun lepas, saya bersama Skwad Sayang telah turun ke kawasan-kawasan banjir seperti di Kampung Salak Tinggi, Lembah Paya, Bukit Changgang dan di sekitar kawasan Parlimen Sepang.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Dewan, kawasan-kawasan tersebut merupakan kawasan yang jarang berlaku banjir. Sekiranya berlaku banjir sehingga boleh membawa kepada ancaman dan pemusnahan harta benda. Namun disebabkan keadaan cuaca yang tidak menentu, banjir yang menimpa kepada penduduk di kawasan ini, air naik dengan melanda, sehingga ke paras dada. Saya sedih melihatkan pemberian bantuan. Bantuan yang diberi hanya sekitar RM500 sahaja bantuan sedangkan harta benda mereka habis semua musnah. Jadi, di dalam Dewan ini saya mohon supaya peruntukan ini diberi peruntukan yang sewajarnya, sekurang-kurangnya dapat memperbaiki alat-alat elektrik, dapur dan sebagainya. Sekurang-kurangnya, bagilah RM1,500 sebuah isi rumah.

#### ■1440

Soalan saya, apakah persediaan-persediaan banjir yang telah dirangka oleh pihak JPM sekiranya banjir ini berlaku semula? Nyatakan agensi-agensi yang terlibat dalam mengurus bencana ini dan sama ada agensi-agensi tersebut telah bersiap sedia daripada segi kelengkapan dan juga tenaga kerja yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya mengenai bantuan zakat. Saya merujuk pada Pusat Zakat di Sepang khususnya di Selangor. Saya menerima pelbagai rungutan daripada penerima dan pemohon bantuan zakat untuk saya bawa isu ini kepada perhatian Jabatan Perdana Menteri.

Saya kurang pasti sistem yang diguna pakai oleh Bahagian Zakat ini kerana rakyat sepatutnya layak menerima bantuan zakat telah dilabel sebagai tidak cukup syarat. Malah, banyak penerima zakat semasa dahulu tetapi buat masa sekarang ini semenjak tahun 2008 tidak menerima. Orang yang layak tidak dapat menerima zakat. Ada kes di mana orang yang kaya pula yang dapat menerima zakat ini. Bantuan zakat bukan merupakan perkara yang boleh dibuat main-main. Pihak yang berwajib harus meneliti setiap permohonan sedia ada dan membuat tapisan yang lebih teliti mengenai siapakah yang betul-betul layak menerima bantuan ini.

Soalan saya kepada Bahagian Zakat, apakah syarat-syarat yang diguna pakai sekarang ini bagi menapis mereka yang betul-betul layak menerima zakat?

Seterusnya saya ingin mencadangkan agar pihak yang bertanggungjawab memantau pejabat-pejabat zakat di Sepang dan di sekitar negeri Selangor sebab ada yang pergi ke pejabat zakat ini kadang-kadang dilayan dengan bahasa-bahasa yang kasar. Jadi, saya minta pihak yang bertanggungjawab ini memantau pejabat-pejabat zakat ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya mengenai Skim Perumahan Rakyat 1Malaysia atau PR1MA. Keadaan suasana ekonomi dan politik sekarang ini telah menyebabkan harga rumah menjadi seolah-olah menjadi gila. Sekarang ini harga rumah yang ditawarkan seolah-olah tidak padan dengan struktur dan saiz rumah yang dibina. Alasan pemaju, kos pembinaan meningkat dan lokasi kaki tanah bagi rumah tersebut.

Kerajaan telah pun membuat pengumuman bahan-bahan pembinaan tidak dikenakan GST. Malah, simen untuk membina rumah bukanlah simen yang diimport dari luar negara. Simen yang digunakan digali dan di proses di dalam negara kita juga.

Bagi saya, ini semua alasan dan permainan mereka yang terlibat dalam industri perumahan ini. Ada kajian yang mengatakan di Lembah Klang sahaja mereka yang berpendapatan RM3,000 sebulan dianggap sebagai miskin dan tidak mampu untuk memiliki rumah.

Maka dengan itu, PR1MA sebenarnya jalan penyelesaian bagi rakyat Malaysia untuk memiliki rumah. Kerajaan berusaha sedaya upaya untuk menawarkan rumah yang berkualiti kepada rakyat. Walaupun bilangan rumah PR1MA masih lagi terhad, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, dalam keadaan situasi ekonomi sekarang ini dan keadaan negara kita, apakah status terkini PR1MA? Saya juga ingin tahu perancangan masa depan PR1MA di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin beralih kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mengenai bantuan 1AZAM. Untuk isu ini, saya lebih fokus kepada masalah perniagaan yang gagal mendapat bantuan dana atau pun peralatan daripada kementerian ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian, di kawasan Sepang secara khususnya terdapat golongan pertengahan yang memerlukan bantuan. Mereka biasanya terdiri daripada golongan peniaga kecil-kecilan. Mereka biasanya berniaga di tepi-tepi jalan dan juga di pasar-pasar malam. Golongan ini memerlukan bantuan dan pembelaan.

Malangnya, sekiranya dilihat kepada syarat untuk menerima bantuan, mereka mesti berdaftar dengan e-Kasih. Sudah pasti mereka ini tidak berdaftar dengan e-Kasih sebab mereka ini dalam golongan pertengahan.

Jadi, saya berharap sangatlah kementerian ini berilah sedikit kelonggaran kepada pemohon-pemohon ini. Soalan saya, apakah status terkini penerima bantuan e-Kasih terutamanya bagi negeri Selangor?

Saya juga ingin mencadangkan kepada pihak kementerian agar memberi sedikit kelonggaran kepada peniaga kecil ini untuk mendapat bantuan. Saya ingin cadangkan kepada kementerian agar mengarahkan pegawai-pegawainya untuk turun padang dan membuat pemantauan dan peninjauan serta mengumpul data-data secukupnya. Setelah data dan maklumat penerima dikumpulkan, maka bantuan bagi mereka yang layak harus terus disalurkan kepada mereka dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, seterusnya saya ingin menyentuh Kementerian Pendidikan. Isu mengenai bantuan persekolahan berjumlah RM100, saya difahamkan bantuan ini diberi secara tahunan kepada murid-murid yang memerlukan bantuan persekolahan.

Sebelum itu, saya terlebih dahulu memuji dan berterima kasih kepada pihak kementerian kerana mengadakan program seumpama ini. Program ini sedikit sebanyak telah membantu meringankan beban murid dari keluarga yang berpendapatan rendah.

Namun begitu, terdapat juga segelintir golongan yang memerlukan perhatian daripada pihak kementerian. Antara syarat yang dikenakan oleh pihak kementerian ialah mereka yang berpendapatan RM3,000 ke bawah layak untuk menerima bantuan. Di kawasan luar bandar memang patutlah tetapi di kawasan bandar, saya rasa untuk penerima yang RM3,000 ini tidak- sepatutnya pendapatan kalau di bandar, RM5,000 ke bawah. Akan tetapi sekiranya mereka yang berpendapatan RM5,000 ini yang terdapat di luar bandar, anak mereka ada empat, lima orang yang sekolah, tak cukup.

Bagi saya, minta Jabatan Kementerian melihat semulalah bantuan-bantuan ini untuk disalurkan kepada mereka yang betul-betul memerlukan bantuan. Maksud saya, di luar bandar RM3,000 tetapi di bandar meningkat kepada RM5,000 sepatutnya yang layak untuk menerima RM100. Di luar bandar juga kita kena tengok juga sebab ada juga yang walaupun pendapatan RM5,000 tetapi anak-anak ramai yang bersekolah. Jadi, pihak kementerian harus melihat perkara ini.

Ini kerana kita harus juga melihat daripada segi keperluan dan situasi keluarga tersebut. Sekiranya ibu bapa tersebut mempunyai lima, enam orang anak yang bersekolah, maka dengan gaji yang sebegitu untuk menanggung keperluan anak-anak mereka ke sekolah, maka saya ingin sarankan kepada pihak kementerian untuk meneliti permohonan mereka daripada golongan ini dan meneliti dengan teliti setiap kes permohonan. Janganlah ditolak permohonan mereka bulat-bulat apabila terpandang angka RM5,000. Sebaliknya, selidik dahulu latar belakang dan keperluan. Permohonan proses ini memakan masa tetapi saya percaya Menteri Pendidikan sentiasa mengambil berat akan rintihan dan masalah yang dihadapi oleh murid-murid sekolah terutamanya ibu bapa mereka. Saya pohon jawapan daripada pihak kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian yang terakhir yang saya ingin sentuh ialah Kementerian Pelancongan. Isu yang ingin saya bawa mengenai pelancongan domestik di mana ia turut terkandung dalam Titah Diraja baru-baru ini. Sektor pelancongan domestik merupakan sebuah industri yang boleh mendatangkan pendapatan lumayan bukan sahaja kepada penduduk setempat malah kepada negara. Sektor pelancongan juga merupakan sektor kedua penyumbang kepada ekonomi negara.

Sebelum saya ingin teruskan, saya ingin merakamkan tahniah dan syabas kepada pihak kementerian kerana menganjurkan pelancongan domestik bertempat di KLCC pada bulan Januari tahun ini. Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli semua, penganjuran pesta ini merupakan rentetan daripada perbahasan dan cadangan dari Ahli-ahli Dewan Negara.

#### ■1450

Ramai Ahli Yang Berhormat mengutarakan isu ini dan setelah sekian lama, maka kementerian bersetuju untuk menganjurkan pesta Jualan Pelancongan Domestik pada tahun ini. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada kementerian. Maka dengan itu saya ingin bertanya bagaimanakah sambutan dan pengunjung yang berkunjung pada pesta pelancongan ini. Apakah sambutan yang diberi oleh pihak pemain industri pelancongan ini sendiri? Seterusnya saya ingin bertanya apakah pesta seumpama ini akan dianjurkan lagi pada tahun-tahun akan datang.

Saya di sini ingin mencadangkan bahawa pihak pelancongan menganjurkan dua kali setahun iaitu pada awal tahun dan akhir tahun. Pihak kementerian juga dikhuatiri penganjuran ini tidak sia-sia. Rakyat Malaysia suka mengadakan aktiviti riadah dan santai apabila dapat peluang dan dengan harga yang berpatutan. Sekiranya permainan industri pelancongan domestik yang dijemput menawarkan pakej pelancongan yang menarik, maka sudah pasti ramai akan bertandang ke pesta jualan ini. Saya juga ingin mencadangkan agar lokasi penganjuran program mestilah sesuai dan mesra pengguna daripada segi kemudahan dan pengangkutan awam. Perbelanjaan berhemah harus diterapkan. Bajet untuk upacara pembukaan dan penutup boleh diminimumkan.

Apa yang penting kemudahan, keselesaan dan kepuasan dari orang ramai harus diutamakan. Saya pohon jawapan daripada pihak kementerian mengenai perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Perdana Menteri telah mengumumkan pengukuhan kadar mata wang kita semakin kukuh. Malaysia dijangkakan mengekalkan kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada kadar 4.5 peratus dan saya difahamkan kadar ini telah meningkat baru-baru ini. Ekonomi kita semakin mampan walaupun dalam suasana ekonomi yang tidak menentu. Kita masih mampu meneruskan projek-projek mega untuk kesejahteraan rakyat.

Sebelum saya mengakhiri perbahasan saya, saya ingin menyeru semua pihak agar kita bersatu padu dan ketepikan masalah dan fahaman politik masing-masing. Perpaduan harus diutamakan. Keharmonian negara harus dipelihara dan dipertahankan. Seperti mana terkandung dalam Titah Tuanku, kita jangan saling jatuh menjatuhkan, bermusuhan dan fitnah memfitnah yang akhirnya menjerumuskan negara kepada kehancuran. Kita raikan perbezaan pendapat dan menyokong serta mendukung segala usaha yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong Usul Titah Diraja Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik, terima kasih Yang Berhormat Puan Hajah Azizah dan nampak ada bahan-bahan baik untuk difikirkan. Pandangan yang baik dan bernas. Terima kasih. Pada mula tadi saya masuk 2.30 petang, nampak lengang sedikit. Saya tengok ini. Akhir-akhir saya nampak mahu seperti Yang Berhormat Senator Datuk Seri Nallakaruppan ada, saya senang hati. Nampak tadi ada masuk ABC. Yang Berhormat Pak Abbas pun ada juga. Yang Berhormat Senator Datuk Abbas pun ada ya. Terima kasih banyak. Sekarang beri peluang. Siapakah hendak cakap sini? Pertama saya bagi kepada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat. Sila.

## 2.54 ptg.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh. Alhamdulillah. Wassola tuwassala muala Rasulillah. Waala alihi waashabihi waman'wala.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong, Almu'tasimu Bilahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibnu Almarhum Sultan Badlishah.

Tuan Yang di-Pertua dan semua rakan Ahli Dewan Negara yang dihormati dan dikasihi sekalian, *alhamdulillah* kita dipertemukan lagi di dalam Dewan Negara dalam penggal ini dan untuk kali ini kita berbincang berhubung dengan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Dalam ucapan yang telah disampaikan itu banyak baginda telah menyentuh berbagai-bagai isu yang merangkumi kehidupan kita di dalam negara kita ini di samping menyangkut juga perkara-perkara hubungan serantau dan luar negara.

Kita melihat keprihatinan Yang di-Pertuan Agong telah disampaikan dalam ucapan ini menyentuh keselamatan, berhubung dengan ekonomi, begitu juga pertanian, kedudukan kewangan kita, kesihatan, perdagangan, komoditi, bencana banjir, perumahan, pengangkutan, infra, kawalan sempadan, harga minyak dan sebagainya. Ini menunjukkan bahawa dalam ucapan tersebut, titah tersebut merangkumi seluruh perkara yang menyentuh kehidupan masyarakat kita yang hidup dalam negara kita yang mengharapkan kita hidup dalam aman, damai, tenteram, harmoni dan selamat jiwa raga kita, harta benda kita dan semua sekali yang ada dalam kehidupan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mula-mula berhubung dengan keselamatan. Keselamatan merupakan perkara yang paling penting dan terpenting dalam kehidupan mana-mana masyarakat termasuk bermula daripada individu, keluarga, masyarakat dan negara. Kalau kita melihat keselamatan ini diletakkan di tempat yang paling utama dan kita melihat banyak program ataupun juga pasukan keselamatan ditempatkan di dalam negara kita dengan jumlah yang cukup untuk memastikan supaya kita berada dalam keadaan selamat dan sejahtera. Selamat daripada gangguan musuh luar dan begitulah juga dari dalam negara. Kalau kita mengkaji kenapa ada orang yang ingin melakukan perkara yang membawa kepada tidak selamat?

Sepatutnya ini kita melihat dengan satu analisa yang betul-betul dan objektif. Kalau kita melihat setiap orang akan sayang kepada dirinya. Dia akan sayang kepada keluarganya. Dia sayang kepada harta bendanya, rumahnya, kampungnya, negaranya. Satu naluri yang tidak dapat dipisahkan daripada manusia.

Begitu juga kita melihat kenapa tiba-tiba tercetusnya orang ini tidak sayang kepada keselamatan dirinya. Kalau dia melakukan keburukan kepada orang lain, maka kita kena bertanya orang lain itu siapa. Tentulah insan, tentulah orang kampungnya atau orang dalam negaranya. Kita boleh melihat begitu juga tentang harganya, tentang kesayangan kepada hartanya. Setiap orang akan sayang kepada rumahnya, sayang kepada harta bendanya tidak kira harta benda itu kecil ataupun besar.

Kalau kita lihat dari sudut itu, maka tidak ada sebab kenapa orang di dalam negara sendiri ingin melakukan kerosakan atau keburukan dan merosakkan keamanan di dalam negara. Kalau ini terjadi, mungkin ada sesuatu perkara yang perlu dilihat dan di sinilah semua pihak perlu berperanan. Kita tidak hanya mengharapkan kepada pihak keselamatan sahaja untuk membendung hal-hal seperti ini tetapi seluruh masyarakat terutamanya daripada segi pendidikan. Kenapakah ada golongan ini yang telah mencapai usia yang telah matang tiba-tiba melakukan hal-hal yang tidak baik? Ini mungkin kita boleh lihat dari sudut-sudut daripada segi pembelajaran dan sebagainya.

Perkara kedua yang saya ingin sentuh Tuan Yang di-Pertua, di dalam masyarakat kita, nampaknya golongan muda tidak mempunyai kecenderungan yang tinggi mencebur diri di dalam bidang atau sektor pertanian.

#### ■1500

Mereka lebih suka atau berada di pejabat atau di bandar atau perkara-perkara yang selain daripada pertanian. Kita melihat pertanian itu masih dipelopori oleh orang-orang dewasa dan orang yang agak berumur. Kalau hal ini terus terjadi maka sudah pasti negara kita akan kekurangan tenaga untuk meneruskan kerja-kerja pertanian itu. Di sini saya melihat perlu dirangka sebuah pelan tindakan oleh kerajaan khususnya kementerian yang berkaitan untuk memberi dorongan yang kuat dan kukuh kepada anak-anak muda kita di mana matlamatnya ialah untuk menggerakkan sektor ini lebih berdaya saing pada masa akan datang.

Pada saya mudah sahaja kenapa orang-orang muda tidak mahu mencebur diri dalam bidang ini. Antara faktornya ialah kerana pendapatan. Pendapatan dalam sektor ini tidak seberapa berbanding dengan kerja-kerja lain. Oleh sebab itu maka kita perlu melihat untuk meningkatkan pendapatan itu kena ada usaha dan cara yang boleh membantu semua pihak di dalam meningkatkan industri itu.

Berhubung dengan hal ini juga saya melihat rancangan hijau yang telah dikemukakan, yang telah disebut oleh kerajaan. Rancangan ini merupakan satu rancangan yang sangat baik dan dahulu pernah disebut dengan nama yang lain iaitu bumi hijau di mana digalakkan kepada rakyat kita, masyarakat kita supaya mereka memanfaatkan bumi yang bertuah ini untuk menanam apa sahaja yang ada di sekitarnya, dengan sayurnya, dengan lengkuasnya, kunyitnya dan sebagainya supaya mereka terlepas daripada membeli. Sekarang ini kalau kita melihat masyarakat kita tidak memberi perhatian kepada hal-hal tersebut dan tidak suka berbudi kepada bumi sedangkan negara kita ini campak sahaja apa benih pun ia akan tumbuh dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga saya hendak melihat dan hendak mengetahui sejauh mana kemajuan penubuhan Jawatankuasa Khas Bagi Kenaikan Sara Hidup yang telah ditubuhkan baru-baru ini. Kita melihat bahawa sara hidup ini merupakan satu perbincangan yang meluas dan mendalam di kalangan masyarakat kita dan rata-rata menyatakan bahawa sara hidup itu telah menjadi semakin tinggi dan meningkat dari semasa ke semasa.

Kita melihat perkara ini tetap berlaku walau apa pun, daripada dahulu sampai sekarang dan ia tetap naik dan susah hendak turun. Sama juga harga-harga barangan kalau kita melihat apabila ia naik susah untuk turun. Cuma kadang-kadang petrol ia turun dan ia naik tetapi tambang bas tidak turun-turun juga, tambang pengangkutan tidak turun walaupun minyak turun. Akan tetapi kita tengok petrol ada turun naik walaupun 10 sen, 20 sen dalam keadaannya.

Namun kalau barangan yang kita lihat di dalam masyarakat kita, dalam pasaran, apabila ia naik tidak turun. Jadi ini merupakan keresahan. Memang betul apabila dikatakan seorang itu pendapatannya RM1,000. Apabila beras naik, minyak naik, telur naik, tepung naik maka RM1,000 tadi telah terpaksa diperkecilkan dalam urusan kehidupan mereka. Oleh sebab itu mereka rasa tertekan. Dalam hubungan inilah maka kita melihat saya ingin tahu sejauh mana kemajuan yang telah dicapai oleh jawatankuasa ini dan apakah langkah-langkah yang telah dikemukakan kepada masyarakat dan apakah langkah yang telah diambil oleh kerajaan?

Tuan Yang di-Pertua, masih lagi kita melihat rakyat kita walaupun sudah ada sejuta buah rumah mampu milik yang telah siap dibina tetapi rumah ini selalu menjadi keinginan atau keperluan kepada masyarakat kita yang semakin melebar jumlahnya. Mungkin pada tahun lepas dan sebelum ini kita telah siap sekian banyak rumah tetapi kita juga melihat bahawa perkahwinan berlaku pada setiap tahun meningkat. Maka keluarga baru ini perlu rumah. Di sini saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian yang berkaitan, sebenarnya berapa keperluan sebenar yang dijangka pada tahun 2020 nanti? Berapa sebenarnya yang kurang lagi yang perlu dipenuhi kepada rakyat kita, masyarakat kita supaya mereka mempunyai tempat tinggal yang sesuai dengan keadaan dan kemampuan hidup masing-masing?

Tuan Yang di-Pertua, kesihatan merupakan salah satu agenda utama dalam kehidupan kita. Kita pun ada Kementerian Kesihatan. Kesihatan itu merupakan perkara yang sering diminta oleh kita semua tanpa mengira dia agama apa, keyakinan apa tetapi semua kita adalah sangat memerlukan kesihatan. Sebagai seorang Islam kesihatan merupakan agenda yang besar dan utama sehingga Allah meletakkan ia dalam solat kita. Kalau orang sembahyang subuh, salah satu yang diminta ialah *wa'afini*, selepas *Allahummahdini fiimanhadait, wa'afini fiman 'afait*. "Ya Allah, berikanlah kepada ku kesihatan di kalangan orang yang Engkau beri sihat".

Maknanya sihat ini suatu perkara yang sangat diperlukan oleh setiap orang tanpa mengira siapa dia dan kesihatan ini juga sebenarnya kalau kita perhatikan dalam doa yang kita baca, ia bukan hak milik kita tetapi adalah anugerah yang diberikan oleh Allah SWT. Kita mempunyai banyak pakar di dalam Kementerian Kesihatan sama ada kerajaan mahupun swasta yang telah banyak berusaha untuk meningkatkan daripada segi kesihatan kita. Jadi kita sebenarnya tidak tahu nilai sihat kecuali apabila sakit. Orang yang sakit sahaja tahu nikmat sihat sebagaimana orang muda tidak tahu nikmat muda kecuali dia telah berusia dan dewasa baru dia tahu nikmat muda. Oleh sebab itu ada orang yang buat syair. Boleh saya baca syair? Akan tetapi syair ini maaf, dalam bahasa Arab tetapi saya akan terjemahkan... [*Membaca syair dalam bahasa Arab*]

"*Alangkah baiknya kalau muda itu aku dapat menikmati walaupun satu hari*". Kalau kita yang lama-lama, bukan tua Tuan Yang di-Pertua. Kita ini lama sedikit sahaja. Kenapakah orang hendak muda dan kenapa orang tua bercakap? Oleh sebab orang tua sahaja yang tahu nikmat muda. Orang muda tidak tahu nikmat muda kecuali dia akan melalui usia tua baru dia tahu nikmat muda.

Jadi begitu juga kesihatan, sama sahaja. Jadi dalam kes-kes seperti ini saya hendak menyebut, hendak mengaitkan tentang denggi yang sedang melanda negara kita. Saya mendengar penerangan daripada Kementerian Kesihatan di Kota Bharu baru-baru ini bahawa tahun ini denggi lebih tinggi daripada tahun lepas dan nyamuk ini walaupun kecil tetapi boleh membawa bahaya yang besar. Saya melihat nyamuk mewakili tiga ekor haiwan yang hebat. Pertama, nyamuk mewakili gajah kerana ada belalai. Kedua, nyamuk mewakili harimau atau singa dengan suara yang kuat berbanding tubuh yang kecil. Ketiga, nyamuk mewakili burung kerana mempunyai sayap. Jadi ketiga-tiga elemen yang ada pada binatang tadi terkumpul pada nyamuk dan kerana itu ia mempunyai satu kekuatan yang luar biasa apalagi ia dinamakan nyamuk aedes.

Jadi kenapa hal ini berlaku? Ia adalah kerana masyarakat kita tidak memberi perhatian kepada kesihatan. Apabila mereka meminum air dalam gelas plastik, mereka akan buang di mana-mana sahaja dan situlah tempat membiak dan bertakungnya nyamuk aedes atau benih aedes sehingga memberi kesan kepada kehidupan kita. Jadi oleh sebab itu kita melihat bahawa menjaga kesihatan lebih baik daripada berubat.

## ■1510

Kerana itulah masyarakat kita perlu digesa supaya meletakkan kesihatan itu di tempat yang paling tinggi dan saya ingin tahu daripada segi statistiknya, sebanyak mana setakat bulan April ini, kes-kes denggi telah direkodkan dan berapa yang telah terlibat dengan kematian dan apa tindakan kepada mereka yang telah cuai di dalam menjaga kesihatan ini?

Tuan Yang di-Pertua, pelajaran merupakan suatu perkara utama dalam kehidupan selain daripada kesihatan. Kita pun sentiasa berdoa supaya kita mendapat ilmu yang baik. Kalau kita rangkum, kalau kita baca dalam sebuah doa yang diajar oleh Rasulullah SAW iaitu yang berbunyi... [*Membaca sepotong doa dalam bahasa Arab*] "Wahai Tuhan, aku mohon dengan Mu ilmu yang bermanfaat, rezeki yang baik dan amalan yang diterima". Kalau sekiranya tiga perkara ini seseorang itu dapat mencapainya, maka dia adalah di antara orang yang bahagia.

Ilmu yang bermanfaat- ilmu yang bermanfaat ialah merupakan ilmu yang dia dapat wariskan kepada kehidupan dia dan setelah dia tidak ada di dunia ini. Ini aset yang paling besar kepada setiap orang, khasnya mereka yang mempunyai pegangan sebagai orang Muslim. Ilmu yang bermanfaat ini merupakan satu perkara yang perlu orang kejar, tidak kira dalam bidang apa sekalipun.

Dalam hubungan ini, saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian Pelajaran dengan dasar yang telah diberikan iaitu berhubung dengan pengajaran DLP yang telah dipilih 300 buah sekolah buat pertama kalinya yang bermula pada tahun ini. Saya hendak minta maklumat penjelasan daripada pihak kementerian, apa kebaikan, positif dan negatifnya berhubung dengan DLP ini? Mengajar dua bahasa di dalam Sains, Matematik, Teknologi, Reka Bentuk dan ICT. Kita pun telah ada pengalaman sebelum ini yang kita sebut PPSMI iaitu Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris. Antara tujuannya ialah untuk memperkukuhkan, memperkuatkan bahasa Inggeris dalam kehidupan bermula daripada sekolah.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian. Sejauh mana pencapaian yang telah dapat diperoleh hasil daripada PPSMI dulu? Ini kerana itu merupakan pengalaman yang telah kita lalui dan sekarang ini ada 300 buah sekolah yang telah melaksanakan DLP ini sebagai perintis ke arah perkara tadi. Peringkat akhirnya, kita hendak tuju ke mana? Adakah kita akan menjalankan semua program pembelajaran DLP ini kepada seluruh sekolah kita di Malaysia dengan memulakan 300 buah sekolah ini sebagai percubaan? Kalau itulah matlamat akhirnya, maka dia akan juga sama dengan PPSMI dulu. Oleh sebab itulah saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah perkara ini sampai ke situ ataupun setakat 300 itu sahaja? Akan tetapi apa yang saya faham apabila disebut percubaan atau perintis, maka tentulah lagi akan ada sekolah-sekolah yang memberi kesanggupan kepada konsep ini dan akhirnya, ia akan berkembang daripada masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik berhubung dengan pelancongan. Pelancongan merupakan salah satu daripada industri yang baik untuk negara kita terutamanya mereka yang datang dari luar untuk ke sini dan mengambil bahagian di dalam meningkatkan pendapatan kepada masyarakat kita. Salah satu perkaranya ialah kita melihat ramainya orang dari negara Timur Tengah telah memilih Malaysia sebagai sebuah negara tempat mereka melancong dan bercuti khasnya pada musim panas ini. Sekarang ini, musim panas akan bermula dan kita akan melihat di *airport* atau di lapangan terbang kita ada *announcement* di samping Bahasa Malaysia, bahasa Inggeris dan juga ada bahasa Arab. Ini menunjukkan bahawa negara kita telah menjadi destinasi kepada pihak dari Timur Tengah.

Apa yang saya hendak timbulkan di sini, di samping keghairahan, kebaikan yang ada pada kita, orang-orang di sana juga, dari Asia Barat juga kita sering mendengar ada mereka yang mengambil kesempatan daripada keadaan tadi dengan membawa perkara-perkara yang diharamkan seperti dadah dan sebagainya. Jadi, bagaimanakah kaedah atau cara untuk memastikan supaya mereka atau golongan ini tidak menjadikan negara kita sebagai destinasi pengedaran dadah?

Dadah ini sebagaimana kita dengar daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi merupakan suatu bahaya yang sangat besar sehingga hampir separuh daripada penjenayah atau yang telah disabitkan kesalahan berada dalam penjara kita adalah daripada golongan yang terlibat dengan dadah. Bermakna, negara kita ini kalau sekiranya orang-orang yang terlibat dengan dadah ini tidak berada dalam penjara, maka hampir separuh daripada penghuni atau orang yang bersalah itu tidak ada di dalam negara kita. Ertinya dadah merupakan suatu ancaman yang serius kepada negara kita dan saya mendapat dalam perbincangan, orang-orang yang terlibat secara langsung tadi memang kita dengar dapat dicekup tetapi bilangan mereka tidak seberapa berbanding dengan orang-orang nombor sembilan. Orang nombor satunya mungkin susah kerana dia cerdik kerana barang itu tidak ada dengan mereka. Yang adanya kepada orang-orang yang berada di nombor sembilan atau nombor sepuluh.

Ini menunjukkan kepada kita bahawa negara kita merupakan satu sasaran. Saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian Dalam Negeri ataupun yang berkaitan dengan dadah ini. Berapa ramai jumlah yang terdaftar, yang suka rela untuk dipulihkan di dalam negara kita dan berapa ramai anggaran yang tidak mahu mendaftar dengan suka rela? Begitulah juga kita melihat selain daripada itu kalau di kampung- Tuan Yang di-Pertua, saya ini tinggal di kampung. Memang orang kampung, tinggal di kampung. Kita dapat melihat di kampung ini telah merata, sukar hendak cari sebuah kampung yang selamat dan tidak ada yang terlibat dengan itu. Masyarakat kita sendiri takut untuk mengambil kepedulian terhadap pengedaran dan sebagainya kerana mereka akan diancam oleh pengedar-pengedar runcit dan juga pengedar besar di peringkat kampung.

Apabila hal ini berlaku, mereka tidak akan sanggup atau berani ke depan untuk sama-sama pihak yang berwajib. Jadi, saya melihat kerajaan perlu melihat perkara ini secara serius sehingga semua masyarakat melibatkan diri dalam pencegahan. Ini kerana kita melihat pencegahan itu lebih baik daripada mengubati. Sudah diubati- apa lagi yang terlibat dengan pil kuda. Saya tidak tahu pil kuda ini macam mana. Adakah ia bentuk kuda atau bagaimana? Apa yang pastinya, ia ini jadi serupa kuda mungkin, lompat ikut mana.

#### ■1520

Jadi kita pun tidak tahu, saya pun tidak tahu, saya pun tidak pernah tengok. Jadi apabila benda ini katanya akan memberi *effect* atau kesan dan merosakkan otak. Apabila manusia ini otaknya telah rosak, maka tiada nilai. Kalau jadi warganegara, warganegara yang tidak produktif, dan ini pun mengancam keselamatan negara. Selamat tidak selamat kita, apabila kita tidak ada orang yang terlibat dengan jenayah ini. Saya meletak dia sebagai jenayah. Maka, kita tidak menanggung kos yang tinggi di dalam penjara kita dan rakyat kita sihat.

Oleh sebab itulah tidak kira dia pil kuda atau kes, saya pun tidak tahu hendak sebut, Kacip Fatimah dan apa-apa sahajalah. Jadi perkara ini walaupun daripada segi kesihatan telah diberi, daripada segi pandangan telah diolahkan oleh para Mufti kita, tetapi dia tetap juga akan menjadi minat. Di sinilah peranan kesemuanya sekali sebagaimana Timbalan Perdana Menteri tadi sebut, peranan kesemua sekali untuk duduk bersama, berunding, berbincang di semua peringkat supaya kita dapat menangani hal ini.

Saya teringat lagi pada tahun awal 80-an dahulu, peranan ini telah di perhebatkan sehingga pada satu ketika dahulu ada buat pembakaran dadah di RTM, yang telah dikumpul. Namun kalau ketika itu kita jarang melihat orang yang terlibat dengan dadah, tetapi sekarang ini merata-rata. Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tengok pada muka surat tiga belas titah Yang di-Pertuan Agong ini, ada menyebut institusi agama iaitu kecekapan pelaksanaan undang-undang agama Islam melalui pemerkasaan Mahkamah Syariah dapat disegerakan. Ini merupakan satu keprihatinan baginda tentang meningkat taraf dan kenaikan taraf Mahkamah Syariah di seluruh negara.

Mahkamah Syariah kita ini telah berkembang daripada satu peringkat ke satu peringkat dan ia adalah untuk mentadbir urusan masyarakat umat Islam di dalam negara kita dan kita tahu bahawa semua apa yang ada di situ adalah untuk kepentingan umat Islam. Dalam hubungan ini, saya berpendapat Tuan Yang di-Pertua, kesegeraan. Kita telah lama sebenarnya menunggu dan menanti peningkatan Mahkamah Syariah ini dipertingkatkan dan diperkasakan daripada semasa ke semasa sesuai dengan perkembangan yang berlaku dalam masyarakat kita.

Ini tugas semua pihak termasuk Ahli Dewan, tidak kira Ahli Dewan Rakyat ataupun Dewan Negara. Ini merupakan satu usaha yang kalau kita sama-sama kita garapkan, ia akan termasuk dalam amal soleh yang boleh memberi kebaikan kepada semua pihak tanpa mengira di mana-mana sahaja di dalam masyarakat kita. Kalau umat Islam baik, maka orang lain juga akan turut jadi baik sebagaimana kita suka kepada adik beradik kita kaya, adik beradik kita pandai, ada kerja baik. Kita suka mereka sihat kerana kita tidak perlu jaga mereka. Kita suka mereka pandai kerana apabila sudah pandai mereka dapat menjaga diri dengan baik, kita tidak perlu menjaga mereka lagi. Kita suka mereka kaya kerana mereka tidak akan memerlukan bantuan kita. Kita suka mereka jadi orang yang hebat, kerana kita juga tidak perlu bantu mereka dan kita boleh menumpang kehidupan yang baik.

Oleh sebab itulah menyukai orang lain, sama dengan kita menyayangi diri kita ajaran Islam yang terulung. Rasulullah SAW menyebut... *[Membaca sepotong hadis]* Bermaksud, tidak sempurna iman seseorang kamu sehingga dia menyukai, menyenangkan, mengasihi apa yang diperoleh oleh saudaranya sebagaimana perkara itu dia suka untuk dia sendiri. Oleh sebab itu Islam melarang daripada kita dengki kepada orang lain, hendak jatuhkan siapa atau apa-apa sahaja, sebab kita suka dia sebagaimana kita suka untuk kita. Apabila kita suka dia dapat sebagaimana kita suka kalau kita dapat kita suka, dia dapat pun kita suka. Jadi di situlah tenangnya hidup manusia, tidak ada perkelahian dan perbalahan.

Lanjutan daripada itu, kita melihat dalam negara kita juga ada pelbagai bangsa, etnik dan juga berbilang agama. Kita melihat ramainya etnik ataupun bangsa di dalam negara ini satu kekuatan, kita tidak melihat sebagai satu keburukan. Kita melihat positif dan kita jangan jadikan dia sebagai negatif. Oleh sebab itu Islam melihat kepelbagaian bangsa dan perbezaan agama itu tidak menjadi satu halangan, bahkan diterima seadanya. Malah, kepelbagaian bangsa dan etnik itu boleh menyuburkan kekuatan. Sebagai contoh, saya buat contoh, kalau saya berjalan dengan Datuk Seri Nalla, saya tidak perlu bercakap bahasa Tamil, dia bercakap, saya sudah rehat sudah... *[Disampuk]* Nampak?

Kalau saya pergi ke Thailand, katalah saya hendak pergi Thailand, saya pergi dengan Yang Berhormat Dato' Boon, saya duduk sahaja, dia bercakap. Itu kebaikan dia. Kalau saya hendak pergi ke China, saya pergi dengan Datuk Ng, dia tolong cakap, saya duduk diam sahaja.

Sebenarnya kita melihat kepelbagaian merupakan aset yang sangat hebat dalam kehidupan manusia, khususnya di dalam negara kita. Oleh sebab itu Islam meletakkan perbezaan bangsa itu tidak lebih daripada untuk saling kenal mengenali antara satu lain. Hal ini telah diterangkan oleh Allah dalam firmanNya... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Antara lain bermaksud, wahai sekalian manusia, Kami jadikan kamu lelaki dan perempuan dan Kami jadikan kamu berbangsa dan berpuak-puak, tujuannya untuk saling kenal-mengenal. Setiap bangsa mempunyai kekuatannya sendiri dan bangsa yang kuat, kumpulan yang kuat perlu menolong yang lemah. Itu sikap yang perlu ada, bukan yang lemah ditindas atau yang kuat melakukan keburukan kepada yang lemah. Tidak. Oleh sebab itulah kita sebagai semua manusia, saya melihat, kita melihat bahawa semua manusia ini asalnya daripada Adam a.s.

Menurut Islam, semua manusia daripada Adam a.s dan Adam a.s itu bapa manusia Abul Basyar. Kalau kiat bapanya satu, emaknya satu, kenapakah ada percakaran? Oleh sebab itulah pendekatan Islam itu pendekatan sejagat yang telah dibawa supaya manusia itu hidup murni, harmoni antara satu sama lain dan tidak ada dengki mendengki antara mereka. Pihak yang kuat tolong yang lemah, yang daif dapat bantuan yang kuat, yang pandai mengajar yang jahil, yang jahil dapat ilmu dari yang pandai. Apabila saling tolong menolong, bantu-membantu, maka masyarakat kita hidup dalam harmoni.

Bagi saya, kita tidak boleh terima bangsa dijadikan sebagai sengketa dan begitulah juga Islam tidak menerima agama dijadikan sebagai sengketa. Apa yang menyebabkan sengketa ialah orangnya, bukan agamanya. Orang yang beragama itu menyebabkan mereka bersengketa, tetapi ajaran agama tidak membawa manusia bersengketa. Kalau dalam Islam, Islam nama Islam itu pun sendiri damai, Islam sejahtera, Islam tiada cacat cela, Islam ialah sayang, saling menghormati antara satu sama lain.

Oleh sebab itulah kalau kita melihat, Islam membawa gagasan insaniah, gagasan manusia untuk sama-sama memahami bahawa tujuan kehidupan itu adalah untuk mengabdikan diri kita kepada Allah SWT. Saya ulangi Tuan Yang di-Pertua, apabila kita jumpa orang kita kata, "Assalamualaikum", makna kita doa supaya dia selamat.

### ■1530

Maknanya tidak ada perang. Kita jumpa orang hendak berpisah, “Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh!” Jumpa pun salam, berpisah pun salam. Ini maknanya kita diajar untuk doa kepada orang itu selamat. Kalau kita sudah doa kepada orang itu supaya dia selamat maka sebenarnya kita akan dapat keselamatan. Dalam solat lagi kita *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* ke kanan dan ke kiri kita doa supaya selamat. Begitu juga ketika kita membaca tahiyat kita baca... [*Membaca bacaan dalam tahiyat-solat*] “Kami mohon kepada-Mu Ya Allah memberi keselamatan, kesejahteraan, keamanan, ketenteraman kepada kami dan seluruh hamba-Mu yang soleh.”

Jadi semuanya untuk kesolehan. Jadi untuk soleh ini kita diberi amanah kepada Allah untuk mentadbir kerajaan, kerajaan telah diberi amanah untuk mentadbir negara untuk membawa kesejahteraan. Untuk memastikan kesejahteraan ini Tuan Yang di-Pertua, maka aset yang ada di dalam negara kita hendaklah dijaga dengan betul dan diurus dengan baik. Kita pada tahun ini telah- bajet kepada kementerian telah dipotong sekian persen kalau tidak silap saya dalam 20 peratus telah dipotong. Banyak kementerian telah dikurangkan bajetnya.

Kerana itu saya ingin supaya pihak yang telah diberi kuasa dan amanah supaya menguruskan aset bajet dan perbelanjaan dengan berhemat dan hanya dalam keadaan situasi yang agak gawat ini, kalau kita kata gawat maka telah diurus dengan cara yang terbaik dan jangan membazir.

Kita kena ambil perhatian terhadap audit negara yang telah diberikan tentang keciciran, kebocoran yang telah berlaku dalam pentadbiran dan pengurusan. Setiap sen duit yang telah diperuntukkan itu adalah amanah daripada Allah SWT dan orang yang menjaga amanah itu diberi pahalanya sebagai orang yang berjuang di jalan Allah dan orang yang berpuasa pada siang hari dan beribadah pada waktu malam. Itulah orang yang menjaga. Begitu juga orang yang menyampaikan amanah itu kepada orang lain, pahalanya juga besar. Kerana itu pegawai dan kakitangan kerajaan dan siapa sahaja yang terlibat dengan perkhidmatan mereka adalah orang yang sangat wibawa dan mempunyai pahala yang besar dalam menjalankan tugas.

Namun sebaliknya kalau tugas itu tidak dijalankan dengan baik sama seperti orang sembahyang dan membatalkan sembahyang dia. Kerana itulah kita melihat perbelanjaan itu perlu yang sangat penting yang sangat perlu supaya ia tidak akan menjadi hilang dengan begitu sahaja. Kerana itulah kita dalam suasana mata wang kita agak turun berbanding dengan nilai Amerika dan begitu juga baru-baru ini teman ada pergi ke Saudia untuk mengerjakan umrah. Kalau dulu dia kata tukar RM100 sudah dapat 114 Riyal. tapi sekarang ini kita bagi RM100 kita dia bagi 92 Riyal. Maknanya ada lebih kurang RM20-RM30 di situ.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ulangi sekali lagi bahawa saya ingin menyampaikan menjunjung kasih pada Seri Paduka Baginda atas Titah Baginda dalam Mesyuarat Pertama, Penggal Keempat, Parlimen Ketiga Belas, pada 7 Mac yang lalu. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Apabila saya dengar dengan penuh teliti ucapan Yang Berhormat, saya teringat apa yang saya pernah saya katakan oleh saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita masyarakat hidup harmoni, hormati yang tua, kasih yang muda. Itulah maksudnya. Dan juga digalakkan menanam pertanian hasil ada. Itu kita dengar juga dan lagi yang baik-baik jadi pedoman tadi.

Kesimpulan boleh tak saya katakan ada pesan tu jangan sesekali aniaya orang. Sebab doa orang teraniaya itu makbul. Sentiasalah membuat kebajikan dengan penuh ikhlas dan luhur. Itu maksudnya. Saya sikit ketawa apabila doktor kata tadi barang sudah naik susah nak turun, itu Dato’ Salim pandang ya. Dan juga rumusan tadi bahawa jangan kita lupa budi negara kepada kita. Jadi bak kata satu pantun Melayu itu.

*Angin bertiup padamlah lilin,  
Pokok pun tegak lalu condong,  
Bukannya senang menjadi pemimpin,  
Hidup bertanggungjawab budi tak sombong... [Tepuk]*

Sungguhpun jadi begini kenapa begini. Sudah kaya raya, sudah rasa nikmat macam itu, hai bantai balik kita. Hish saya pun berani dia sebab budi sombong, jiwa sombong. Tidak bersyukur ini sudah senyap sudah jadi kita hendak jadi budi yangtak sombong ya Yang Berhormat Dato' Sri Khairudin. Jadi saya- itu perkara yang bagus Dato' nasihat pandang kita dan apa yang kita suarakan dapat dilaksanakan. Sila dan siapa lagi hendak bercakap itu. Sila. Beri peluang saya panggil itu, siapa lagi. Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Salim, sila.

### 3.36 ptg.

**Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah... [Membaca sepotong ayat al-Quran] Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, yang dihormati Tuan Yang di-Pertua, bak kata pepatah hormati yang tua kasih yang muda. Itulah *tagline* dia yang saya belajar dua hari ini tahniah dan syabas kepada Speaker kerana sepanjang perbahasan di Dewan ini tidak kurang 10 ke-15 pantun. Jadi berakhirnya nanti saya pastilah satu buku pantun akan dibuat oleh Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua yang dihormati, Yang terhormat Senator yang dikasihi, saudara Abbas dan juga sahabat supaya tidak mengganggu. Jadi saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas memberikan peluang membahaskan Titah Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong sempena pembukaan Dewan pada 7 Mac yang lalu.

Memanjangkan rasa syukur kepada Allah SWT kerana negara kita dikurniakan seorang ketua negara yang begitu menitikberatkan kebajikan rakyat jelata. Jadi saya dalam perbahasan ini ada beberapa perkara yang saya akan bangkitkan. Mungkin yang telah dibangkitkan saya akan tidak bangkitkan tetapi apa pun saya ucapkan tahniah kepada kerajaan Malaysia yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib kerana telah berjaya meningkatkan prestasi mata wang negara yang berada dalam kedudukan yang sangat baik, iaitu dalam kedudukan 3.865 berbanding dengan Dollar Amerika. Jadi bak kata Yang Berhormat Dato' Dr. Johari tadi kalau pergi Makkah dulu pertukaran duit hanya dapat 90 Riyal RM100 jadi hari ini mungkin dapat 120 Riyal berbanding dengan RM100.

Jadi tahniah dan terima kasih kepada kerajaan Malaysia. Jadi tuan-tuan saya ingin menitikberatkan soal bagaimana ekonomi negara ini dapat dalam suasana yang kita lihat hari ini. Kerana ekonomi negara ini tidak datang begitu mudah tanpa penglibatan atau tadbir urus yang cukup baik dengan kerajaan dipimpin sekarang. Namun begitu banyak juga ancaman yang mahukan bahawa negara kita ini tidak begitu stabil dengan pelbagai keadaan yang diwujudkan tidak menentu seperti sahabat-sahabat lain yang sebut.

Jadi Yang Berhormat saya juga hendak berterima kasih atas pelaksanaan kerana GST juga telah menyelamatkan negara kita dari terus kejatuhan ekonomi dan juga dalam keadaan kita hari ini kita berasa bahawa cukup bersyukur kalau tanpa adanya GST itu sudah pastilah negara kita tergolong daripada negara yang susah.

Ini kerana 160 buah negara telah dilaksanakan GST. Begitu juga dengan TPPA, merapatkan jurang antara negara maju yang mana jua ia menyumbang kepada peningkatan mata wang negara kita.

### ■1540

Di samping itu juga, kenaikan harga minyak mentah dunia. Ini penyumbang yang paling terhadap negara kita. Kalau keadaan jatuh, sudah pastilah banyak implikasi lain. Saya hendak menyebut bila keadaan minyak ini jatuh, orang kampung terasa. Hari ini orang kampung merasa gembira kerana bila mana harga minyak jatuh USD30 lebih setong, harga kaplam ataupun harga getah di pasaran hanya RM1.70. Akan tetapi bila harga minyak dunia naik, harga getah hari ini, orang kampung saya beritahu RM2.50 per kilo. Jadi ini menunjukkan bahawa ada kaitan dengan peningkatan komoditi yang lain termasuk kelapa sawit. Jadi keadaan ini bukan datang dengan mudah tanpa penglibatan ataupun tanpa gerak kerja tadbir urus yang cukup baik.

Yang Berhormat yang saya hormati sekalian, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan beberapa isu yang menjadi igauan bahawa akhir-akhir ini saya mendapati bahawa tindakan terhadap judi haram yang masih lagi berleluasa. Saya melihat judi haram ini ibarat tidak ada kesudahan.

Pelbagai tindakan yang dibuat dan akhirnya hingga hari ini, tidak nampak kesan yang cukup mendalam kerana pihak-pihak tertentu masih lagi tidak takut, tidak gusar dengan tindakan yang ada sekarang ini yang mana ditangkap, didenda dan akhirnya buka semula.

Jadi ia bukan berlaku di bandar raya, malah di kampung-kampung juga terdapat mesin-mesin judi yang disebut terlalu canggih hari ini, hanya pakai SMS, hanya gunakan telefon bimbit, hanya gunakan tab, boleh berjudi. Jadi kebimbangan kita ialah kerana judi ini merosakkan keadaan persekitaran penduduk ataupun keadaan kampung tersebut ataupun negara kita kerana wujudnya perkara-perkara yang tidak diinginkan berlaku. Contohnya kecurian dan lain-lain. Ini diharap pihak kerajaan memikirkan tindakan yang setimpal. Kalau perlu buang daerah, buang daerah. Kalau perlu penjara, penjara kerana kalau dikenakan denda, mereka masih untung dengan denda yang dikenakan. Didenda RM30,000, dia untung RM4 juta. Jadi baru 10 peratus, baru 1 peratus, jadi tidak takut.

Jadi diharap pihak Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, pihak PDRM, Kastam dan juga SPRM dapat mewujudkan NBOS ataupun gerak kerja bersepadu bagi kita menghapuskan judi haram ini kerana ia telah menular di kampung-kampung. Contohnya di tempat saya. Dulunya aman damai, tidak adanya judi. Setahun berlaku, mesin judi ini datang kembali. Jadi bila ia datang ini, wujudlah gejala-gejala yang tidak diinginkan. Jadi saya berharap dengan adanya tindakan bersepadu, judi siber ini dapat kita hapuskan, kita banteras sampai ke akar umbi seperti mana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri juga menyebut bahawa tahun ini beliau akan menghapuskan dadah, menghapuskan judi haram ini. Ini termasuklah dalam NKRA yang seperti mana yang menjadikan satu agenda penting dalam kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan yang mana setakat ini, isu yang berada di kampung iaitu isu wang SES yang mana wang SES ini dulunya dibayar kepada penoreh getah ataupun pemilik kebun getah, pemilik ladang getah. Wang SES ini tidak lagi dibayar kepada mereka yang menukar daripada getah kepada kelapa sawit. Hanya getah ke getah wang SES ini dibayar. Jadi, isu ini telah menjadi isu di kampung, di kawasan FELDA terutamanya yang mana wang SES ini tidak lagi dibayar kepada mereka yang menanam sawit. Jadi berharap pihak RISDA, pihak kementerian juga memikirkan kerana wang SES ini ialah wang terkumpul daripada penoreh getah dan akhirnya wang ini akan diserahkan kepada penoreh getah, tidak kiralah wang ini sama ada digunakan untuk ditanam kelapa sawit ataupun getah.

Inilah menjadi rungutan kerana dalam kos sara hidup hari ini, mereka yang duduk di kawasan kampung, yang duduk di kawasan tanah rancangan menghadapi masalah pendapatan. Jadi kalau pendapatan ini kita tidak bagi, sudah pastilah mereka ini berada dalam keadaan kesempitan wang. Ia berlaku, di tempat lain pun berlaku, di seluruh Malaysia pun berlaku tetapi baru-baru ini di Parlimen Rompin, wang SES ini dibayar hanya untuk Parlimen Rompin dan saya dapati bahawa ia telah menjadi satu keputusan. Diharap wang SES ini dapat disebar luaskan ke kawasan-kawasan tanah rancangan dan juga tanah-tanah milik orang kampung yang mengusahakan getah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan dalam soal perumahan. Kita sering kali menyebut soal perumahan kerana perumahan ini menjadi satu kemestian setiap warganegara Malaysia pastinya memiliki sebuah rumah. Jadi, untuk mendapatkan sebuah rumah, sudah pastilah dalam keadaan negara sekarang dengan kos sara hidup yang tinggi, sukar, dengan harga rumah yang terlalu tinggi. Saya berharap agar harga rumah ini dapat dibuat semula yang mana rumah rakyat ataupun Rumah Mesra Rakyat, dilaksanakan di peringkat kampung-kampung kerana baru-baru ini, kita melihat bahawa PR1MA juga membina rumah di kawasan bandar, di pinggir bandar. Manakala di kawasan kampung, Rumah Mesra Rakyat, peruntukannya sangat sedikit.

Kalau dulu kita di kampung ada Rumah Rakyat ataupun Rumah Murah tetapi Rumah Murah ataupun Rumah Rakyat ini tidak lagi dibina kerana telah pun dibagi tugas kepada lain-lain agensi untuk melaksanakannya. Saya berharap perkara ini dapat dikaji semula. Semua perancangan, kebenaran merancang oleh PBT disyaratkan bahawa 50 peratus hendaklah dibina rumah mampu milik kerana rumah mampu milik ini dibina oleh mereka, oleh pihak swasta juga tidak menepati kos yang sebenarnya. Jadi kita berharap dengan adanya rumah mampu milik ini dapat menyelesaikan isu-isu perumahan di peringkat bandar ataupun luar bandar, di peringkat kampung kerana mereka ini tidak mampu untuk membina rumah sendiri.

Saya juga berharap pihak FELDA iaitu rumah generasi kedua dapat dikenal pasti bahawa setakat hari ini, tidak ada harga pun ditentukan oleh pihak FELDA ataupun pihak FELDA Jaya kerana harga rumah mampu milik dibina oleh pihak FGV ataupun pihak FELDA tidak lagi membagi harga yang tepat. Ada yang kata RM120,000, ada yang kata RM90,000. Jadi diharap rumah sudah siap, pastinya kos untuk pembinaan rumah ini sudah ada. Tidak payahlah orang menanti-nanti, rumah ini telah siap dibina tetapi tidak boleh diserahkan kepada pemiliknya dan mereka yang syarat-syaratnya yang boleh memiliki rumah ini tidak pasti. Jadi diharap pihak-pihak FELDA yang menyediakan rumah mampu milik di kawasan tanah rancangan Felda supaya mengenal pasti ataupun membuat keputusan segera kerana dibimbangi rumah sudah siap dan akhirnya rumah ini tidak dapat digunakan oleh generasi kedua.

Saya juga ingin membangkitkan soal kesihatan yang mana disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari sebentar tadi menyebut bahawa perlunya kita menjaga kesihatan kerana kos kesihatan ini amat tinggi. Lebih baik kita memelihara kesihatan sebelum datangnya sakit. Saya ingin membangkitkan mengenai hospital swasta. Hari ini, hospital swasta tidak lagi memikirkan soal kesihatan. Ia lebih memikirkan soal keuntungan sahaja. Kalau kita pergi ke hospital, sudah pasti kita pergi ke kaunter tersebut, dia bertanya, "Ada insurans kah?" ataupun dia bertanya, "Ada kad kredit kah?" dan lain-lain. Jadi yang ini bagi saya, keutamaan hospital swasta ini hanya memikirkan keuntungan dan tidak ada garis panduan seseorang itu di *charge* dengan harga tertentu.

#### ■1550

Jadi diharap Kementerian Kesihatan memikirkan bahawa dalam keadaan apa pun kecemasan, tidak perlulah seseorang itu kalau dia tidak ada kad insurans sudah pastilah tidak diterima untuk dirawat secara kecemasan di hospital swasta tersebut. Malah mereka yang tidak ada apa-apa sudah pastilah kerana ketika 10 minit, 15 minit itu adalah yang sangat penting. Itulah nyawa dia kalau tidak ada bantuan oksigen tidak ada bantuan darah dan sebagainya. Hendak tanya kad dan sebagainya sudah pastilah mereka ini tidak dapat diselamatkan. Jadi dengan syarat tertentu ini supaya dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan diguna pakai oleh semua hospital swasta, supaya tidak menggunakan kad insurans ataupun menggunakan kad kredit menjadi keutamaan untuk merawat mana-mana pesakit luar ataupun pesakit dalam keadaan kecemasan.

Untuk yang lain saya ingin membangkitkan juga soal guru 'duka lara'. Terima kasih sudah tahniah kepada Kementerian Pendidikan kerana telah berjaya menyelesaikan serba sedikit yang dahulunya menjadi isu utama iaitu pertukaran guru. Pertukaran guru ini dibuat tiga tahun sekali. Dahulunya bulan Jun dan juga bulan Disember. Sekarang ini dibuat tiga tahun sekali dan boleh dipohon dalam bila-bila masa. Jadi dengan adanya program guru 'duka lara' ini dapatlah suami isteri bersama, perpisahan antara keluarga itu dapat disatukan semula.

Namun begitu ada juga masalah-masalah lain yang perlu dititik beratkan ataupun dinaik taraf. Contohnya rumah-rumah guru di pedalaman yang lama sudah tidak dinaik taraf dan sebagainya keresahan guru yang berada di pedalaman. Begitu juga perumahan guru dengan kawasan bandar. Kita tahu bahawa sewa rumah ataupun untuk mendapatkan rumah ini agak sukar untuk guru-guru yang berada di bandar. Jadi menyeru ataupun mencadangkan Kementerian Pendidikan agar membina rumah-rumah guru ini lebih banyak lagi mengikut keperluan guru-guru yang berada di bandar dan juga di luar bandar.

Untuk yang lain saya- masalah sosial yang lain saya ingin beralih kepada soal dadah. Ini yang mana pagi tadi kita tahu bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah pun menyebut soal bagaimana gerakan bersepadu untuk menangani soal dadah. Jadi kita serahkan kepada kepimpinan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri supaya masalah dadah ini menjadi satu masalah ataupun musuh negara. Kita tahu bahawa dadah ini tidak dapat dihapuskan kerana masih lagi pembekal, masih lagi raja dadah ini tidak tertangkap. Jadi inilah sebenarnya isu yang utama. Semua pintu masuk kita menghadapi jalan-jalan tikus ataupun boleh dibolosi oleh mereka kerana penyeludupan dadah ini amat taktikal. Mereka ini akan buat apa pun kerana boleh masukkan dadah ke negara kita.

Jadi sebenarnya negara kita diancam, generasi kedua diancam dengan penyalahgunaan dadah ini. Kita bimbang pada masa-masa akan datang generasi kedua ini tidak lagi mampu untuk mentadbir negara, tidak mampu lagi berdiri, tidak mampu lagi untuk menara kehidupan kerana mereka ini telah dikuasai dengan dadah.

Jadi berharap supaya kementerian mengenakan lebih tegas kepada mereka yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung kerana dadah ini digunakan dalam pelbagai bentuk.

Baru-baru ini kita tahu bahawa PDRM mendapati ada satu kes yang mana dadah ini dia taruk dalam kek dan kek ini dimakan dan hayal. Ini pun bahaya kerana mereka ini akan gunakan apa bentuk cara sekalipun. Kadang-kadang bentuk gula-gula pun anak-anak boleh terlibat secara langsung dengan dadah. Jadi ancaman dadah ini perlu dilakukan secara bersepadu. Kementerian semua terlibat baik pendidikan, baik pengajian tinggi, ketua kampung, RELA dan sebagainya.

Ini kerana di kampung masih lagi menular kes-kes dadah ini kerana tidak dapat kita bendung kerana sumber dadah ini mudah diperoleh. Jadi diharap pihak kementerian juga mengenal pasti sesiapa yang difikirkan. Kadang-kadang yang tauke dadah ini tidak tahu, tidak kenal sebab mereka ini duduk di paling atas yang bawah keldai ini akan jadi mangsa, yang jadi mangsa kadang-kadang gadis, anak-anak orang kampung yang ingin belajar ataupun melanjutkan pelajaran ataupun ingin bekerja di luar negara dijanjikan pelbagai bentuk dengan syarat bawa satu beg. Sampai sahaja di Imigresen ataupun Kastam mereka ini akan ditangkap dan akhirnya di penjara seumur hidup. Inilah sebenarnya keadaan ini perlu kita lihat bahawa apa sebenarnya keadaan ini boleh berlaku. Siapakah sebenarnya *player* ataupun pemain industri dadah ini? Jadi diharap kementerian dapat menggali sampai ke akar umbi agar tertangkapnya mereka yang berkuasa mengedarkan dadah ini sampai ke kampung.

Tuan Yang di-Pertua, pagi saya tadi mendapat surat yang mana ini pun saya sebut supaya Ahli Dewan Senator pun dapat, dia pun faham kerana surat ini daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Surat ini cukup cantik. Kalau saya tidak sebut pun tidak boleh kerana ia masing-masing berhajat besar kerana hendak beli kenderaan import termasuk Tuan Yang di-Pertua. Dia saya melihat bahawa ada disebut kenderaan yang diimport perlulah di duti import dan juga cukai sepenuhnya 300 peratus.

Jadi saya ingat surat ini silap kerana mereka ini boleh mendapatkan kenderaan murah di luar sana. Jadi kalau boleh surat ini tidak payah keluarlah. Baik kita orang kampung saya kata kempunan. Tuan Yang di-Pertua, "kempunan" ya? [*Ketawa*] Jadi itulah kempunan. Jadi bila kita ada surat ini kita berbangga kalau ada potongan 50 peratus cukai barulah nampak Senator, barulah nampak Ahli Parlimen dan sebagainya. Ini bagi surat kita tidak boleh pakai, tidak boleh guna. Setuju tidak?...

**Beberapa Ahli: Setuju.**

**Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif:** Jadi Dewan hari ini sebulat suara setuju supaya tidak ada cukai import yang digunakan terhadap kereta-kereta import. Jadi saya berharap- ini sudah dua kali ini. Suruh beli- satu Penggal sebuah kereta. Maksimum dua unit. AP seumur hidup.

Jadi saya harap dengan surat yang disangka bagus tetapi tidak bagus- dimurnikan semula, dihantar balik ke kita, supaya Cukai Import itu dihapuskan. Ini kerana ada di kalangan Ahli Dewan sudah beli kereta pun. Yang Berhormat Senator Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah sudah import kereta *Bentley*, dari luar negara. Harganya 1 juta- Rupiah! [*Ketawa*]

Jadi *tax* yang digunakan dikenakan tidak patut kerana inilah mungkin keistimewaan kita memperjuangkan nasib rakyat, memperjuangkan apa pun bentuk. Kadang-kadang terpaksa menggadai nyawa, jiwa dan raga. Mana mungkin mereka ini Ahli Dewan ini dikenakan *tax* yang begitu tinggi, malah tidak ada pun langsung keistimewaan. Cuma keistimewaan boleh import, dibenarkan import cukai sepenuhnya. Jadi tidak ada ertinya kalau ia dibagi kepada kita dan ia dapat dimurnikan lagi pada masa-masa akan datang. Ataupun keputusan kita pada Dewan ini supaya tidak digunakan *tax* ataupun hendak token pun boleh 10 peratus dan sebagainya.

Jadi saya harap dengan isu-isu yang dikemukakan tadi dapat perhatian oleh Dewan supaya mendapat tindakan yang sewajarnya. Jadi sebelum saya mengakhiri ucapan saya perbincangan petang ini, saya menyokong Usul Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agung. Sekian. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Walaikumussalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Senator membawa perkara yang baik, yang akhir sekali tentang cukai AP itu dan kita bawa ya. Saya rasa hal sekolah pun timbul hal perumahan ya.

■1600

Sekarang saya hendak jemput seorang muda sedikit untuk berbahas. Allahyarham bapanya kawan baik saya. Jadi saya minta orang muda ini yang bernama Yang Berhormat Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omaidin. Dipersilakan.

4.01 ptg.

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omaidin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ramai cemburu bila panggil muda ini. Rambut sahaja putih, hati muda.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

*Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat.

Pertamanya, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberikan keizinan kepada saya untuk sama-sama turut berbahas Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sewaktu merasmikan Mesyuarat Pertama, Penggal Keempat, pada 7 Mac yang lalu.

Saya juga ingin merakamkan rasa syukur apabila membaca setiap patah perkataan yang telah pun dititahkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah bermula dengan bercakap soal betapa pentingnya dan rasa syukurnya Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong apabila melihatkan negara ini telah ditadbir dan diurus dan apatah lagi ianya berada dalam keamanan yang cukup baik. Di sini menunjukkan bahawasanya Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong cukup prihatin dan peka kepada kepentingan rakyat secara umum.

Namun demikian Tuan Yang di-Pertua, walaupun tiap patah perkataan atau Titah ini berkisarkan kepada kepentingan rakyat secara keseluruhan, ada juga suara-suara yang telah memberikan komen dan sebagainya kononnya teks-teks ucapan ini adalah disediakan oleh pihak-pihak yang mewakili kerajaan dan saya fikir ini satu kenyataan yang tidak bertanggungjawab sama sekali. Walhal, apa yang disebut dalam titah ini yang telah pun ada di tangan kita semua berkisar kepada kepentingan negara dan rakyat secara keseluruhannya.

Ada beberapa perkara Tuan Yang di-Pertua, yang ingin saya kongsi bersama merujuk kepada Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Yang pertamanya dimulakan Titah Seri Paduka dengan soal keamanan dalam negara ini. Saya fikir keamanan ini merupakan satu perkara yang paling penting, satu elemen yang tak boleh kita nafikan betapa untuk mencapai negara yang maju atau apa keadaan sekalipun, keamanan merupakan perkara pokok. Keamanan ini boleh membawa kepada kehancuran sesebuah negara dan bangsa ataupun keamanan itu boleh membawa kepada kejayaan negara secara keseluruhan. Jadi sebab itulah potret keamanan titah yang telah digunakan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah diungkapkan dalam awal Titah Seri Paduka Baginda.

Saya hendak berkongsi di sini keamanan ini bukan hanya keamanan rakyat secara keseluruhan semata-mata tetapi saya fikir juga keamanan ini juga merujuk kepada beberapa perkara yang sedang berlaku di depan mata kita hari ini.

Saya bersetuju ada disebut oleh beberapa Ahli Yang Berhormat soal kebanjiran pendatang dalam negara ini. Ini juga boleh kita rujuk kepada perkara-perkara yang tidak nanti akan menimbulkan keamanan. Contohnya, semalam Yang Berhormat Datuk Abbas ada bercakap soal keadaan pasar borong di Selayang. Walaupun Pasar Borong Selayang ini berada dalam kawasan Parlimen Batu tetapi sebenarnya ia bersebelahan dengan Parlimen Gombak, kebetulan. Kerusi pun sebelah-sebelah di sini. Jadi, ini merupakan perkara yang kita tengok berlaku di depan mata.

Pagi, petang, siang dan malam berlaku di depan mata kita dan sehinggakan saya secara peribadi kadang-kadang merasa risau dan dah tak benarkan isteri saya untuk memborong dan membeli barang-barang di sana sebab khatir, dan saya fikir bukan hanya saya malahan mungkin ramai lagi para suami atau anak-anak yang tak membenarkan ibunya untuk membeli-belah di sana kerana dilihat di kawasan pasar borong itu telah dikuasai oleh sesetengah orang dan yang lebih menakutkan Tuan Yang di-Pertua, ialah bila berlaku tembakan, pembunuhan secara terbuka, dah macam *cowboy town*, dengan izin.

Tembak menembak dah macam perkara biasa. Tak ada disiplin, tak ada keselamatan yang boleh dijamin kepada pengunjung-pengunjung di kawasan itu. Kenapa ini berlaku secara tiba-tiba, persoalannya. Kenapakah dulu tak ada? Kenapa masa zaman Datuk Abbas- ini saya *quote* apa Yang Berhormat Datuk Abbas sebut sendiri. Waktu beliau pernah berada di sana, mungkin 30 tahun yang lepas, ini tak berlaku. Hari ini dalam keadaan negara menuju kepada negara maju pada tahun 2020, tiba-tiba ini mengganggu kita seperti ada satu fenomena yang tak boleh dibendung dan tak boleh dikawal.

Kita rakyat negara ini. Maksud bila menjadi rakyat, ini negara kita. *We own this land*, dengan izin. Kita pun dah takut hendak suruh ahli keluarga kita membeli dan memborong di sana walhal rumah saya dengan pasar borong tak jauh. Saya dah pesan dengan isteri saya, janganlah pergi. Ibu saya, jangan pergi dan mana-mana ahli keluarga yang saya kenal dan kawan-kawan sebab bahaya. Entah dia pergi, dia balik dengan sayur atau jenazah sahaja yang balik, kita pun tak tahu. *Nauzubillah*. Sebab, keamanan ini tidak boleh kita jamin lagi. Jadi, saya rasa perkara ini mesti diberikan perhatian yang serius. Ini bukan soal main-main. Ini bukan soal kita boleh tutup sebelah mata.

Tadi saya sempat berbual dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri Wilayah, mungkin beliau sedang mengikuti ucapan ini. Kita tanya kenapa dan saya faham kekangan yang ada di peringkat DBKL kerana untuk hendak mengurus, hendak membanteras, ia memerlukan satu kerjasama sepasukan. Maknanya banyak agensi yang mesti turut sama membanteras. Jadi, perkara ini saya fikir Tuan Yang di-Pertua, mesti diambil secara serius. Tuanku bertitah, perkara pertama dalam Titah Tuanku, potret keamanan, *the peace*, dengan izin. Akan tetapi kalau itu tak ada, apakah konteks keamanan yang boleh kita bayangkan dalam negara ini? Ini belum sampai lagi bab keamanan yang lain, soal politik. Yang itu kejap lagi saya akan sampai. Ini perkara pokok.

Dan yang keduanya Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju juga, mungkin walaupun dah disebut oleh rakan-rakan, Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain tetapi dalam konteks dan *angle* yang berbeza tetapi maknanya ini perkara penting. Saya bersyukur kita di Dewan Negara ini seperti yang telah selalu diterapkan, didoktrinkan oleh Tan Sri Yang di-Pertua, Ahli Dewan Negara, Dewan ini bukan merupakan *rubber stamp*. Kita bersetuju. Semua kawan tadi bagi pandangan. Semuanya untuk kepentingan rakyat. Ada juga yang terkena kepada agensi-agensi di bawah kita tetapi tak ada masalah sebab kita hendak memberi keselesaan kepada rakyat secara keseluruhan.

Yang kedua, soal pekerja-pekerja ini. Saya bersetuju. Tuan Yang di-Pertua, saya dah pergi ke beberapa buah restoran segera ini kebelakangan ini. Restoran segera yang macam yang popular itu tak adalah sangat pasal kita boleh nampak di kaunter itu rakyat Malaysia bekerja. Ini *chain restaurant* ini. Ada beberapa buah restoran, masuk daripada *manager, cashier, chef* yang berada di *back door, di kitchen, waiter, waitress* semuanya bukan orang kita.

Saya pergi baru-baru ini makan di Wangsa Walk hendak minta cili padi, minta cili potong, dia membawa macam-macam cili. Sekejap cili itu, sekejap cili ini sampai akhirnya hati pun dah panas dah. Maknanya dia tak faham. Yang dia tahu bila kita hendak *order*, dia suruh tulis. Tulislah menu dan menu itu yang dibawa. Apa lebih daripada itu, dia tak faham. Isteri saya hendak minta otak udang, tunggu sampai laksa pun dah habis, otaknya ke mana, udangnya ke mana. Saya fikir ini masalah yang mesti dibendung.

#### ■1610

Janganlah pekerja-pekerja atau tuan punya-tuan punya ini memikirkan keuntungan semata-mata dan akhirnya mereka tidak peduli sudah. Saya tidak percaya kalau semua anak-anak muda kita tidak hendak bekerja di situ. Saya percaya ramai juga yang mencari pekerjaan tetapi kerana mereka hendak mengaut keuntungan yang lebih akhirnya mereka menyekat. Siapa yang hendak minta kerja tidak dapat, tidakkanlah *manager* gaji RM900 atau RM1,200 mustahil.

Mesti *manager restaurant* itu gajinya lebih daripada RM2,000. Tidak mungkin tidak ada rakyat Malaysia yang tidak hendak bekerja tetapi mereka hendak cari keuntungan yang lebih.

Ini yang saya kata tadi sikap pengusaha-pengusaha dan tuan punya-tuan punya restoran-restoran seperti ini yang tidak bertanggungjawab dan akhirnya menyusahkan kita. Tidak percaya, Ahli-ahli Yang Berhormat pergilah makan. Kadang-kadang *you* kena tension tau, daripada tidak ada *pressure* jadi *pressure* dekat dalam restoran itu. Fasal apa, hendak minta benda yang Ahli-ahli Yang Berhormat hendak.

Perkara lain yang saya juga hendak kongsi bersama Tuan Yang di-Pertua, hari ini ada banyak sedikit yang saya hendak minta izin Tuan Yang di-Pertua hendak bercakap ini. Perkara lain ialah masalah mesin judi haram ini, betul. Di Selangor contohnya, Ya Allah. Mesin judi haram ini cukup berleluasa dengan bermaharajalela. Tuan Yang di-Pertua, yang ini cerita benar. Saya bertanya di tempat kawasan rumah saya di Taman Melawati, Melawati, Ulu Klang. Menteri Besar punya tempat, rumah saya pun di Taman Melawati. Saya tidak payah pergi jauhlah. Tidak payah pergi Klang, tidak payah pergi Puchong, tidak payah jauh-jauh, Taman Melawati. Saya tanya kawan-kawan yang ada di Taman Melawati ini. "*Kenapakah banyak kedai ini tutup?*". Dia kata Yang Berhormat, semua kedai ini kedai mesin judi dan yang pergi ramai itu, minta maaf Tuan Yang di-Pertua, 95 peratus adalah orang Melayu yang masuk.

Kedai judi ini saya fikir dahulu kedai judi macam main *video game* ini, rupanya tidak. Dia sudah macam mini kasino dalam itu. Karpetnya setebal karpet kita di Parlimen. Dalam itu dengan *fully air-conditioned*, dengan segala-galanya dan yang paling kita risau Tuan Yang di-Pertua, hari ini... [Disampuk] Saya tidak masuk juga, saya tidak masuk, ini maklumat tepat...

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** Tidak adalah, ini maklumat tepat [Ketawa] Yang kita risau banyak yang masuk ini katalah gajinya 30 hari bulan, malam itu sudah pergi sudah. Malam hari terima gaji, yang bernasib baik mungkin sudah boleh jimat separuh gaji dan yang nasib tidak baik lagi malam itu habis semua. Malam itu habis semua. Jadi bayangkan macam mana orang ini hendak menjalani kehidupannya lagi 29 hari atau 30 hari? Gaji semua sudah habis malam itu.

Tuan Yang di-Pertua, ada kes tanpa merujuk kepada sesiapa. Barang rumah sudah habis jual, habis sudah. Akhirnya yang ada tengok-tengok isteri. Terpaksa kerana ketagihan mesin judi ini cukup luar biasa ketagihannya. Kenapakah ini tidak dibanteras? Ini perkara yang paling penting. Saya percaya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri berusaha bersungguh-sungguh, betul.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh beri laporan *direct* kepada yang bertanggungjawab?

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** Boleh, Tan Sri, boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak kongsi juga ini sebab ini penting ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Oleh sebab Yang Berhormat bercakap dalam Dewan ini, pegawai kementerian mesti ada.

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** Ya, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau sekiranya tindakan seterusnya perlu diambil perlu mendapat maklumat dan Yang Berhormat sedia memberi kerjasama?

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** Pasti, Tuan Yang di-Pertua. Pasti. Kalau dekat Jempol pun ada. Apa lagi masalah di Taman Melawati ini. Semuanya ini Tuan Yang di-Pertua, berlaku di depan mata saya. Saya tanya dengan orang macam mana. Ini orang biasa *the layman*. Orang yang biasa bukannya yang setaraf, yang ada kedudukan macam kita, tidak, *layman*. Yang Berhormat, apakah yang susah sangat hendak banteras ini? Sekat sahajalah internet, tutuplah kedai itu. Mudah! Tutup *line internet*, tutup semua kedai.

Akan tetapi kita fikir logik. *It is a very logical explanation*, dengan izin. Akan tetapi *nothing has been done*. Ini masalah Tuan Yang di-Pertua, tidak tahu di mana silap. Polis masuk, saya akui. Masuk, tangkap, bawa keluar, lari pintu belakang, macam-macam tadilah disebut, selepas itu dia beroperasi balik. Saya pun tidak faham majlis kata apa susah potonglah api, pun tidak selesai. Inilah masalah, kebetulan negeri Selangor, yang paling pusatnya di Negeri Selangor.

MB buat apa, saya pun tidak tahu. Polis buat kerja, polis pun kekangan kerana ada benda-benda yang tertentu memerlukan pertolongan, bantuan Majlis. Lesen Majlis bagi. Lagi satu apa susahnya kenakan, saya cadangkan hari ini kita buat satu undang-undang kenakan tindakan kepada tuan punya kedai yang menyewakan premis mereka kepada orang yang buat operasi ini. Tidak ada lagi sudah tuan punya premis ini hendak sewakan kalau kita betul-betul hendak banteras benda ini.

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Mohon..

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin:** Silakan.

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Pencelahan sedikit. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak celah sedikit fasal judi di Selangor ini. Saya hendak tanya Yang Berhormat sebab Yang Berhormat sendiri orang Selangor yang berlaku di Taman Melawati malah saya percaya bukan sahaja di Taman Melawati, malah seluruh Negeri Selangor termasuk Klang dan sebagainya macam cendawan tumbuh soal pusat-pusat judi ini.

Saya hendak tanya, PBT tidak ambil tindakan. Mungkin ambil tindakan selepas itu buka balik operasi dan begitu juga penguat kuasa lain. Apakah dalam soal ini ada tekanan daripada segi politik dan sebagainya? Orang-orang politik di Selangor ini hebat-hebat sebenarnya. Malah politik di Selangor ini, Kerajaan Negeri Selangor pembangkang yang terkenal dengan pembangkang, PKR sebagai Ketua Menteri atau Menteri Besar, yang mendukungnya orang-orang DAP di kalangan MP-MP Cina dan sebagainya. Jadi saya mohon pencerahan Yang Berhormat kalau-kalau ada tekanan daripada orang-orang politik khususnya untuk melindungi pusat-pusat judi haram ini. Terima kasih.

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin:** Terima kasih, Datuk. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya yang ini saya rasa saya bersetuju 100 peratus sebab ada *reference* nya Tuan Yang di-Pertua. Jangan cakap pusat judi, suatu masa dahulu di Shah Alam kalau kita masih ingat. Berlaku satu kes rampasan penjualan arak di *7-Eleven*. Anggota berkuat kuasa daripada Majlis Bandaraya Shah Alam masuk rampas. Kemudian di arah anggota yang sama hantar balik arak itu ke kedai yang sama oleh Exco Kerajaan Negeri, waktu itu daripada DAP. Orang yang sama diarahkan untuk hantar balik. Begitu hinanya mereka buat kepada pegawai kuat kuasa.

Dia sudah rampas, disuruh hantar balik. Sudah tidak ada lagi jadi Exco tetapi saya rasa kawan-kawan dia masih lagi di situ. Saki-bakinya masih lagi di situ, pasti ada. Ini bukan benda yang kita cakap suka-suka sahaja, ini ada rujukan. Jadi memang tidak dikecualikan Tuan Yang di-Pertua. Benda ini saya fikir mesti siasat sampai ke akar umbi, kenapa dan ada juga kenyataan yang berkata kedai-kedai ini menjana dana politik kepada parti-parti tertentu. Dana politik sumbernya dari situ. Jadi ini yang sedang berlaku. Jadi ini soal lain, ini bukan soal politik Tuan Yang di-Pertua. Ini bukan soal parti, ini bukan soal siapa, ini soal masyarakat, rakyat secara keseluruhan...

**Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff:** *[Bangun]*

**Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Yang Berhormat, boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini ada dua orang. Saya bagi yang dahulu bangun tadi, Yang Berhormat. Selepas itu Yang Berhormat pula.

■1620

**Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Datuk Megat. Saya rasa sangat teruja sebab kes ini bukan setakat di Selangor tetapi banyaknya di Sungai Petani. Memandangkan tadi Tan Sri memaklumkan ada pegawai KDN di sini, jadi saya juga ingin memaklumkan. Di Parlimen saya sendiri, di negeri saya sendiri, bukan di Selangor tetapi di negeri saya sendiri, yang paling saya sedih melibatkan pelajar-pelajar sekolah. Saya pernah mengupah kawan-kawan untuk masuk dan tengok.

Apa yang saya sedih, memang kita telefon di bahagian kita, polis tidak ambil tindakan, sampai kita terpaksa telefon Bukit Aman Tan Sri. Selepas dia orang datang, tutup sekejap, buka balik. Saya hendak minta di sini, walaupun amat berisiko tetapi demi masa hadapan anak bangsa saya, sebab apabila dia mula berjudi, kemudian dia akan mencuri, dia akan meragut, dia akan menyamun, habis masa hadapan apabila masuk penjara. Apa saya hendak mohon kepada pegawai KDN...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, itu tanya dia dahulu...

**Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Saya hendak mohon kepada Datuk Megat, kalau boleh saya hendak minta pendapat Datuk Megat, kalau hendak dihapuskan bukan setakat di Selangor tetapi saya hendak minta pegawai KDN untuk buat habis-habisan, perangi habis-habisan mesin judi ini di semua negeri, termasuk di negeri Kedah iaitu di dalam Parlimen saya sendiri, Parlimen Sungai Petani dan Parlimen Merbok. Jadi, saya nak tanya pendapat Datuk Megat tentang pelajar-pelajar sekolah ini macam mana status mesin judi ini di Selangor? Tadi Datuk Megat kata setakat *layman* tetapi adakah di Selangor pelajar-pelajar sekolah terlibat? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oмарdin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Shahanim.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada seorang lagi.

**Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucap tahniah kepada Maha Guru Muda Silat Lincah Malaysia, Datuk Megat. Tadi Tuan Yang di-Pertua tanya di mana tempat itu? Datuk Megat setuju hendak bagi tahu. Akan tetapi saya hendak bagi tahu sekarang itu juga tempat itu. Mengikut laporan *Utusan Malaysia* 18 April, pagi tadi saya ada sentuh tetapi tidak sebut tempatnya. Sementara itu, tinjauan *Utusan Malaysia* di premis judi di sekitar Danau Kota mendapati pusat perjudian tersebut terletak di deretan rumah kedai yang merupakan kawasan tumpuan orang ramai dan berhampiran kawasan kejiranan penduduk. Ini satu contoh yang telah pun dilaporkan secara bertulis oleh *Utusan Malaysia*. Saya cadangkan pihak berwajib semak jawapan nanti, dapat kita tahu apa tindakan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ramai bangun Yang Berhormat. Ringkaskan.

**Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi di Sungai Petani, kemudian di Danau Kot, yang ini dalam Dewan ini sendiri. Keluar dalam sms ini- 11533www.play.com, casino slot, highway king, spot IBC, 4 digit, RM1 win RM3,400, joint now to get 300 peratus bonus. Dia bagi nombor telefon sekali Tuan Yang di-Pertua. Ini berlaku dalam Dewan ini, bukan di Sungai Petani atau di Danau Kota. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat. *Thank you*, dengan izin. Terima kasih.

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oмарdin:** Itu saya kata tadi, Dewan Negara ini memang hebat Ahli-ahlinya. Kita tidak kira, apabila melibatkan soal masyarakat secara umum, kita tidak kira. Saya fikir apa yang Yang Berhormat Shahanim kata tadi di Selangor pun mungkin anak-anak sekolah terlibat. Mustahil tidak terlibat. Betullah, saya setuju. Hal ini dia sudah ketagih. Masalahnya Tuan Yang di-Pertua, mesin judi ini dia ketagih. Saya dimaklumkan, ini maklum, bukan pergi. Orang itu menang RM100,000. Dia balik, dia sampai rumah setengah jam, dia tidak boleh tidur. Dia hendak pergi patah balik. Ini makluman yang kita dapat. Dia bawa balik RM20,000 RM30,000. Tauke ini bagi dia main sampai dia kalah RM70,000, selepas itu dia kata / bagi *you* lagi RM50,000. Sebab dia tahu dekat rumah itu ada RM70,000 dan dia hendak datang balik.

Akhirnya RM100,000 itu pulang balik, dibawa tambah. Ketagihan itu memang cukup melampau dan akhirnya saya percaya boleh mencuri, meragut, merompak. Ini akan menyebabkan maut, apabila salah ragut, mati. Jadi, macam-macam. Yang meninggal mungkin isteri muda, anaknya umur 2-3 tahun. Anak 2-3 tahun ini masuk pusat anak yatim, ia melarat-larat. Sumbernya satu sahaja, judi. Melarat-larat. Ramai yang terlibat rosak hidup mereka. Sebab sudah gian, ragut-ragut mati. Kepala terkena *divider*. Kawan itu ada anak, anak kawan itu terbiar dan apabila besar, jadi masalah sosial. Macam-macam. Hanya puncanya satu sahaja iaitu judi.

Saya percaya benda ini Tuan Yang di-Pertua, polis sudah buat terbaik. Saya percaya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri hendak banteras habis-habisan tetapi tidak mungkin sebuah agensi boleh buat semua. Semua kena ada gerakan sepadu.

*Above all*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kalau diganggu macam mana tadi pertanyaan Datuk Abbas, lebih payahlah sebab *Local Authority* bersama dengan mereka. Jadi, saya fikir saya bersetuju macam Tan Sri Ali kata, semua ini saya setuju. Kita pun letak diri kita *at risk, but we don't care*. Hidup mati ini kerja Tuhan. Yang penting kita sudah buat kerja kita dengan baik dan *Allah* akan reda. Jadi, itu perkara yang saya hendak sampaikan Tuan Yang di-Pertua.

Perkara lain, ada juga disebut dalam Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, soal mempertahankan kebudayaan dan warisan negara. Saya rasa bersyukur kerana Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong melihat peri pentingnya warisan negara dan kebudayaan ini mesti dipertahankan. Jadi, merujuk kepada titah ini, saya secara peribadi dan mungkin Yang Berhormat Tan Sri Muhammad Ali Rustam, kita hendak panjangkan terima kasih kita kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia kerana telah mengangkat darjat silat sebagai kebudayaan mutlak negara ini, sebagai seni mempertahankan diri rasmi negara Malaysia yang diisytiharkan pada 18hb September 2015.

Kami bertiga mungkin dalam PESAKA dan semua hendak ucap terima kasih kerana sesuai dengan titah ini. Oleh sebab Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menyatakan mesti dipertahankan kebudayaan dan warisan negara. Silat pada saya boleh membentuk keperibadian dan jati diri. Anak yang bersilat ini mungkin jarang kita dengar pergi mesin judi, sebab ada disiplin. Tidaklah saya kata semua tetapi majoritinya boleh kita selamatkan daripada terlibat dalam perkara-perkara sedemikian. Jadi, saya hendak tanya ini setelah Perdana Menteri mengisytiharkan memberi pengiktirafan yang begitu besar. Kementerian Kebudayaan khususnya, kena sambut, apakah perancangan yang hendak dibuat selepas ini?

Saya juga hendak ambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Menteri Pendidikan, Dato' Seri Mahdzir Khalid kerana telah melancarkan Program 1Sekolah 1Silat, baru-baru ini, dua minggu yang sudah di Kedah. Oleh sebab melihatkan ini boleh membantu Tuan Yang di-Pertua, selain daripada bidang akademik, anak-anak ini diajar akademik yang baik, ia yakin dengan latihan-latihan seni mempertahankan diri ini boleh melatih anak-anak itu ada pembentukan karakter dan jati diri yang baik. Sedikit sebanyak boleh menghindarkan mereka daripada perkara-perkara yang tidak sihat dan sebagainya.

Yang ketiga ialah soal kesihatan, betul saya setuju.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** *[Bangun]*

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin:** Sila Dato' Johari.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Datuk Megat. Kalau kita tengok silat ini merupakan selain daripada pertahanan diri, ia juga melatih disiplin-disiplin yang tinggi kepada orang yang mengikuti program tersebut. Saya hendak dapat pencerahan daripada Yang Berhormat Datuk, kalau sekiranya orang yang terlibat dengan gejala sosial yang tidak baik tadi seperti yang disebut sebagai judi ketagihan judi, ketagihan dadah atau apa sahaja. Kalau mengikut pengalaman Datuk, kalau sekiranya orang ini dimasukkan dan mengikuti program-program ini, adakah mereka akan dapat dipulihkan dengan lebih baik atau sekurang-kurangnya dapat meninggalkan itu, dengan program atau disiplin yang memang ada dalam silat tadi. Terima kasih.

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Johari. Rujukkannya kita sekarang ada satu kelas latihan yang kita buat dengan satu sekolah di Kuala Lumpur. Di mana sekolah ini anak-anaknya kalau kita dengar, sedih. Anak-anak ini golongan daripada anak-anak terbiar. Mereka Yang Berhormat Shahanim selalu pergi, anak-anak gelandangan ini. Majoriti daripada mereka semuanya, hampir semuanya mempunyai masalah disiplin yang cukup ketara.

## ■1630

Jadi kita cuba buat *pilot project*. Kita masuk dan kita latih anak-anak ini melalui seni mempertahankan diri. Syukur *alhamdulillah*, semua anak-anak yang ada masalah disiplin itu, daripada laporan yang kita terima daripada pengetua ini dan dihantar ke kementerian, anak-anak itu berjaya kita disiplinkan melalui latihan silat yang telah kita hantar di sekolah itu. Ini kerana walaupun dia dapat latihan akademik dan sebagainya, tetapi dalam silat ini ia melibatkan latihan dalaman. Bukan dalaman maksud saya apa, ia ada *attachment* yang kuat dan akhirnya mereka kita disiplinkan. Sudah ada kes-kes yang kita buat dan *inshaa Allah* lepas ini Yang Berhormat Tan Sri Ali selaku presiden pun kita sudah minta untuk masuk, *inshaa Allah* akan kita kembangkan. Ini telah pun kita buktikan. Terima kasih Dato' Johari.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sebut soal denggi. Kebetulan sekali lagi Selangor. Selangor merupakan masalah denggi yang terbesar dalam negara. Jadi yang terbaru ini kawasan *Klang Gate*, merupakan pusat denggi yang mana ramai yang kena ini mereka yang kena denggi berdarah. Akan tetapi sayang seribu kali sayang, sepatutnya kerajaan negeri menggunakan kemudahan yang ada, patutnya memberikan *education*, dengan izin, atau mengajar ataupun mendidik masyarakat supaya bagaimana dapat menyelamatkan diri daripada denggi. Mungkin perkara-perkara yang boleh membantu masyarakat dan sebagainya.

Jadi pastinya hendak mendidik masyarakat ini mesti kita gunakan dalam bentuk kaedah media. Media ini tidak semestinya tv sahaja, radio, media cetak, media elektronik, juga di papan-papan iklan. Akan tetapi sayang seribu kali sayang, di Selangor papan-papan iklan yang ada baru-baru ini semuanya dipenuhi oleh "*Bebaskan Anwar*". Kononnya konspirasi politik. Sudah terbukti sudah, yang nak tipu rakyat lagi buat apa. Kawan itu masuk penjara sebab masalah jenayah. Dia masuk penjara kerana masalah yang dia cipta sendiri dan dah dijatuhkan hukuman oleh mahkamah. Segala *billboard* dalam negeri Selangor ini digunakan untuk membela Anwar dan mengelirukan rakyat. Ini yang saya katakan tadi.

Kalau dia tahu gunakan paparan-paparan *billboard* ini didik masyarakat, jauhkan denggi, tunjuk gambar-gambar yang boleh merisaukan rakyat dan akhirnya rakyat akan terdidik. Sedikit sebanyak, mungkin 10 orang yang baca, 10 orang yang melihat, 5 orang akhirnya balik akan cuba buat supaya jangan denggi ini sampai ke keluarga mereka. Inilah perkara yang saya fikir mesti Kerajaan Negeri Selangor bertanggungjawab, tidak boleh lepas tangan, tidak boleh kata ini masalah Kementerian Kesihatan semata-mata, tidak boleh. Pihak yang buat *fogging* kadang-kadang majlis, lagi sekali. Ini yang saya kata benda-benda ini Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh lepas tangan begitu sahaja. Menteri Besar mesti bertanggungjawab bila berlaku bencana-bencana seperti ini dalam negeri...

**Dr. Mohd. Nor bin Haji Monutty:** Minta laluan boleh?

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** Boleh, boleh.

**Dr. Mohd. Nor bin Haji Monutty:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya berasa terpanggil untuk respons kepada Yang Berhormat Senator Megat tadi kerana saya hadir dalam mesyuarat Dewan Undangan Negeri selama enam hari itu. Memang perbincangan hangat tentang isu denggi di Selangor ini dibahaskan dengan saksama di mana bukan sahaja pembangkang yang menimbulkan isu ini, bahkan anggota-anggota Kerajaan Selangor sendiri. ADUN-ADUNnya membicarakan tentang keperluan meningkatkan usaha untuk membanteras denggi di Selangor.

Bahkan termasuk juga tentang penerangan-penerangan kempen besar-besaran yang sudah pun dipersetujui dan akan diteruskan lagi, termasuk membina papan-papan tanda di seluruh kawasan yang dijangkiti dan dijangka akan dijangkiti untuk diberitahu kepada rakyat Selangor supaya mengambil tindakan yang segera supaya dapat terhindar daripada serangan denggi.

Jadi untuk mengatakan bahawa tidak ada sama sekali usaha, itu tidaklah benar sebab usaha itu sudah pun dilakukan oleh Exco yang berkenaan iaitu Yang Berhormat Dr. Daroyah dan komitinya memang sekarang ini begitu proaktif untuk memastikan bahawa program menghapuskan denggi di negeri Selangor ini menjadi salah satu antara keutamaan Kerajaan Negeri Selangor sekarang. Terima kasih.

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** Terima kasih. Mungkin Yang Berhormat Dr. Mohd. Nor tidak dengar apa yang saya cakap dengan jelas. Saya tidak kata Dewan atau Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kata Menteri Besar. Jadi sebab itu saya akui kalau sudah ada keputusan yang dibuat oleh Dewan Undangan Negeri, kita pun tahu. Kita ucap tahniah, tetapi kenapa tidak benda ini dibuat daripada awal? Maksud saya ini daripada awal Tuan Yang di-Pertua. Bila sudah tahu Selangor, kita tengok kes isu papan tanda ini sudah berlanjutan beberapa bulan. Jadi sebab itu saya kata jangan biarkan, patutnya daripada awal. Sudah tahu isu utama negeri Selangor ini ialah isu denggi, *educate* rakyat, dengan izin. Janganlah sampai ke Dewan Undangan Negeri. Takkan fasal denggi hendak panggil *special sitting* di Dewan Undangan Negeri. Jadi *alhamdulillah*, kalau itu sudah dibuat.

**Dr. Mohd. Nor bin Haji Monutty:** [Bangun]

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** Saya ingat Dr., yang itu saya jelas. Itu saya memang jelas, saya faham. Cuma yang saya kata tadi saya tuju kepada Menteri Besar.

**Dr. Mohd. Nor bin Haji Monutty:** Saya hendak celah sedikit.

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** Boleh, boleh. Tidak ada masalah.

**Dr. Mohd. Nor bin Haji Monutty:** Bila sebut Menteri Besar, bermakna Menteri Besar ketua kerajaan, jadi dia bertanggungjawab kepada Exconya. Dalam mesyuarat itu, Menteri Besar hadir. Bererti dia juga adalah sebahagian dan dia ketua kerajaan. Jadi tidaklah patut untuk dibuat serangan hanya kepada Menteri Besar sebab Menteri Besar mengambil tanggungjawab, bahkan ada permintaan daripada Ketua Pembangkang di negeri Selangor, minta Exco yang berkenaan diberhentikan dan ditukar dengan Exco yang lain. Menteri Besar mempertahankan Exco itu kerana didapati dia menjalankan tugas. Apa yang perlu adalah untuk dipertingkatkan lagi usaha kempen untuk masalah mengurangkan...

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** Saya faham, saya faham. Tuan Yang di-Pertua, saya ada dua *point* lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Megat, duduk sekejap. Nampaknya ada detik-detik kesefahaman di sini. Bermakna di negeri Selangor, wakilnya di PKR iaitu Dr. Mohd. Nor pun mengakui mesti diperangi denggi habis-habisan. Sekarang ini pelaksanaan dan penguatkuasaan. Saya harap semua yang berkenaan tidak kira di mana sekalipun, siapa yang bertanggungjawab pun, mesti tentukan benda ini diambil tindakan yang tegas. So, pergi ke topik lain Yang Berhormat.

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah, cukup. Kita pergi ke topik lain.

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, boleh? Sedikit saja saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya?

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Sedikit sahaja saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okeylah.

**Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Oleh sebab dua-dua sudah nampak lebih kurang sama, saya hendak tanya Datuk Megat, papan tanda, "*Selamatkan Anwar*" itu elok tak ditukar kepada kempen anti-denggi? Kedua hendak tanya kepada Dr. Mohd. Nor Monutty, boleh tidak macam itu? Ini kerana Datuk Seri Anwar ini dia kena tindakan mahkamah, patut tidak boleh hina mahkamah. Jadi tukar itu kepada anti-denggi. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, teruskan sekarang.

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** Terima kasih. Saya fikir Yang Berhormat Dr. Mohd. Nor boleh jawab.

**Tuan Yang di-Pertua:** Selepas itu boleh jumpa di luarlah bincang.

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin:** Saya tertarik tadi, saya fikir itu Tuan Yang di-Pertua, saya boleh jawablah bagi pihak Yang Berhormat. Dia takkan berani kata patutlah. Jadi cuma yang saya hendak kata tadi, saya tertarik satu perkataan Yang Berhormat Dr. Mohd. Nor ialah kalau ketua kerajaan yang salah, kenapa hendak diserang Menteri Besar. Sedap kita pertahankan tetapi bila yang pihak sana serang Dato' Sri Najib pagi, petang, siang, malam, dia tidak fikir pula. Jadi itu saya fikir ada *double standard* di sini. Jadi saya fikir itu saya sudah selesaikan Tuan Yang di-Pertua. Ada dua lagi isu yang saya hendak kongsi.

Terakhir ialah sukan, ada disebut dalam titah Seri Paduka yang juga menyebut soal kepentingan budaya bersukan. Jadi saya juga hendak ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, saudara Khairy Jamaludin yang telah bertindak proaktif. Bila berlaku kes yang menggemparkan negara, ada pegawai yang terlibat, beliau telah secara proaktif dan secara *gentlemen* Tuan Yang di-Pertua, secara *gentlemen* datang ke Dewan Rakyat menjelaskan dan sanggup berdepan dengan pembangkang juga untuk menjelaskan isu ini.

Saya fikir dia telah pun memberikan penjelasan yang cukup baik. Cuma kekhawatiran kita di sini ialah- kita hendak ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri. Cuma saya ada bertanya, hendak juga sampaikan kepada KBS, sejauh mana ia boleh mengganggu dengan kehilangan duit tersebut, boleh mengganggu persiapan kontinjen kita atau negara bagi khususnya penyediaan Sukan SEA pada tahun 2017. Harapannya ialah supaya tidak mengganggu segala persiapan, prasarana dan sebagainya bagi menyambut kedatangan Sukan SEA yang Malaysia menjadi tuan rumah pada tahun hadapan.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak sampaikan pada petang ini ialah soal politik semasa pada hari ini.

#### ■1640

Kita semualah rakyat Malaysia hari ini agak terkejut. Kebelakangan hari ini bila melihatkan seorang yang saya secara peribadi menghormati beliau. Saya ini dibesarkan dalam era beliau menjadi Perdana Menteri selama 22 tahun di dalam negara ini. Kita menghormati segala yang telah beliau buat dan menghargai apa yang telah beliau memberikan kepada negara selama beliau memerintah. Saya juga secara peribadi Tuan Yang di-Pertua, daripada saya muda dan masih muda sehingga hari ini, saya telah didoktrinkan oleh beliau bahawasanya berulang-ulang kali beliau telah menyatakan bahawa si polan-si polan ini adalah orang yang tidak boleh kita percaya langsung.

Seorang *chauvinist* yang paling besar dalam negara, yang itu telah dilatih kepada saya. Dari zaman saya belajar sampai saya mula masuk UMNO sehinggalah saya berjawatan kecil dalam UMNO. Saya telah pun didoktrinkan dengan ayat-ayat sedemikian. Bahawasanya orang-orang ini tidak boleh kita bekerjasama dalam apa juga keadaan sekalipun kerana orang ini akhirnya yang dia ingin lihat adalah supaya negara dan bangsa ini hancur.

Akan tetapi, tiba-tiba hari ini ayat itu tidak lagi berkumandang. Semalam dia berkata demikian hari ini dia berpimpin tangan berdua. Berpimpin tangan berdua dengan satu agenda, kononnya agenda itu hendak selamatkan Malaysia. Hendak selamatkan Malaysia ini daripada siapa? Siapakah yang hendak rosakkan Malaysia ini? Saya pun tidak faham. Dituduh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri rompak duit rakyat melalui 1MDB sebanyak RM2.6 bilion. Itu tuduhan dan fitnah yang dibuat.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya belajar sesuatu daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dia tenang, *steady* sahaja, dia relaks, dia *cool*, *he is very calm*. Serangan itu, bukan hanya dibuat kepada beliau malahan kepada isterinya dan kepada ahli keluarga. Akhirnya sehebat-hebat perancangan manusia, perancangan Allah mengatasi segala-galanya.

Timbullah seorang manusia yang bernama Mr. Adel al-Jubeir, Menteri Luar Kerajaan Arab Saudi. Menteri, Tuan Yang di-Pertua bukan 'mamat-mamat' yang kita cari di tepi jalan suruh mengaku aku yang bagi. Menteri Luar Kerajaan Arab Saudi. Menyatakan benar, 2.6 bilion itu derma daripada Kerajaan Arab Saudi. Tertutup semua mulut.

Bermaksud selama ini yang dituduh itu fitnah semata-mata. Nah, sekarang ini tiba-tiba dua hari sudah di Jalan TAR, dia berkata kita hendak tengok pula duit ini datang daripada mana? Orang ini bagi apa meniaga dia, duit ini datang daripada mana, apa bank *statement* dia, bank apa, ini apa sudah jadi. Apa sudah jadi dan saya minta Tuan Yang di-Pertua sebagai seorang anak muda yang menghormati beliau ini, dia kena minta maaf secara terbuka atas fitnah yang telah beliau buat dan mengelirukan rakyat.

Apa yang paling tidak seronok Ahli-ahli Yang Berhormat ini, perkataan “rakyat” ini sudah jadi macam murah sangat, *very cheap statement*. Rakyat kita hendak selamatkan rakyat, kita hendak buat ini untuk rakyat, mesti kita dapat deklarasikan rakyat, rakyat, semua rakyat. Rakyat yang mana? Saya pun rakyat, keluarga saya pun rakyat. Rakyat yang macam mana itu, *the silent majority*? Diam. Yang ini bisings-bising.

Jadi, saya minta Tuan Yang di-Pertua orang ini mestilah meminta maaf kepada rakyat Malaysia. Sudah jelas sudah. Dahulu dia kata rompak duit 1MDB, 1MDB sudah dibawa kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara di Parlimen, sudah tidak ada kes. Apa lagi, sudah-sudahlah. Kalau ada kepentingan politik secara peribadi ada *personal agenda* selesaikan secara *personal*. Jangan heret rakyat dan percayalah orang-orang yang ada di sekeliling itu bukan hendak bantu. Orang-orang yang ada di sekeliling itu hendak menambah, menghancurkan negara ini sahaja. Orang yang dia sendiri labelkan sebagai bapa kepada segala-segala *chauvinist* yang ada dalam negara ini, dia sendiri yang cakap. Hari ini, “ibarat ludah ke langit kena muka sendiri”.

Jadi akhir kalam merujuk kepada Titah Diraja Seri Paduka Baginda yang di-Pertuan Agong ini, bagi hendak menjunjung kasih saya minta hentikanlah benda-benda yang boleh merosakkan keamanan negara. Hentikanlah mengelirukan rakyat jelata dengan permainan politik fitnah dan akhirnya politik fitnah ini boleh membawa kemudaratan yang paling besar kepada negara ini.

Jadi dengan kata itu, saya juga bersama dengan abang saya Yang Berhormat Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas hendak mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Tuan Yang di-Pertua yang saya anggap seperti ayah kandung saya sendiri, yang akan meninggalkan kita dengan beberapa hari lagi yang telah mendidik saya. Sama juga macam Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas.

Dahulu kita datang awal-awal ini, takut-takut hendak cakap. Ini Dewan paling keramat ini, Dewan yang menentukan perjalanan negara ini tetapi dengan melalui didikan Tuan Yang di-Pertua hari ini apa yang saya dan rakan-rakan lain cakap hanyalah untuk kepentingan rakyat yang sebenar. Kita tidak guna perkataan rakyat untuk kepentingan kita dan untuk tembolok dan politik untuk diri kita sendiri dan keluarga kita. Kita bercakap untuk kepentingan rakyat secara keseluruhan.

Terima kasih atas didikan Tuan Yang di-Pertua yang akan meninggalkan kita beberapa hari lagi. Tidak ada kata-kata lain selain mendoakan Tuan Yang di-Pertua sekeluarga akan senantiasa dalam rahmat Allah SWT, di lindunginya, akan diberikan kesihatan yang baik dan terus akan memberikan nasihat kepada kami yang berada di dalam negara ini. Jadi dengan kata-kata itu, saya dengan segala rendah diri menyokong Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian. *Wabillahi taufiq walhidayah assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin. Begitulah bunyinya kalau sekiranya dapat semua boleh berucap begitu bagus. Saya bukan apa kalau boleh semua sekali tanpa melihat, membaca, boleh berhujah dengan begitu fasih dan tajuk-tajuknya dia tidak kira siapa untuk menegakkan kebenaran, untuk kepentingan negara dan bangsa kita. Itu saya menggalakkan. Lebih masa sikit pun tidak mengapa. Kalau, saya menggunakan budi bicara saya.

Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai. Lepas itu, Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh.

**6.48 ptg.**

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Selamat petang Tuan Yang di-Pertua dan semua sahabat saya. Satu pantun saya mahu bawa.

*Bersongkok berjubah segak bergaya,  
Duduk tertetap mendengar bicara,  
Terima kasih Tan Sri memberi peluang kepada saya,  
Berdiri berhujah urusan negara.*

Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera, salam perpaduan dan salam 1Malaysia. Saya mengucapkan jutaan terima kasih kerana diberi peluang berbas atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 7 Mac 2016 yang lalu. Pertama, saya mengucapkan sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua. Semua sahabat saya sudah ucap. Apakah saya ingat mahu ucap? Tetapi saya ucap lain sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Senator Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin bila dia ucap... *[Disampuk]* Akan datanglah Datuk Seri. Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin bila dia ucap dia cakap, dia sama Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas, dia orang bila berucap dia cakap itu Selayang, Pasar Borong Selayang... *[Disampuk]* Kacau, dia belakang duduk.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat teruskan, Yang Berhormat teruskan Yang Berhormat.

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Tuan Yang di-Pertua teruskan tetapi beritahu sama dia Tuan Yang di-Pertua. Teruskan tetapi beritahu sama dia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang lain-lain itu jangan kacau.

**■1650**

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Saya ada telinga, saya boleh dengar dia kacau, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan, teruskan.

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Baik. Apabila dia cakap pasar borong, saya tahu India dan Myanmar itu, mereka lawan. Apabila India ada di sini, seluruh dunia Tuan Yang di-Pertua, India baling beg India. Di Malaysia, nombor dua dalam dunia, India di sini. Apabila mereka ada di sini, mereka tidak ada susah, tidak ada lawan, potong getah pun mereka tidak ada lawan. Dia mengikut orang Melayu sini. Sekarang orang asing datang ke Malaysia, salah siapa? Salah siapa mereka ke mari ke sini, salah siapa? Salah kita. Mereka ke mari mahu kacau kita. Sekarang kedai runcit tempat saya di Segambut itu, pejabat saya ada di sana. Ada banyak kedai. Orang Melayu perempuan, dia jalan sana, orang Bangladesh, mereka mengacau. Macam-macam mereka mengacau. Mereka ingat mereka Shah Rukh Khan.

Ya, betul, mereka ingat mereka Shah Rukh Khan, mereka kacau perempuan kita di Malaysia sini. Ini apa tindakan kita punya kerajaan angkat? Tiada angkat, apa-apa pun dia tidak angkat. Kedai ada, lesen siapa bagi? Siapa, siapakah bagi lesen? Siapa mahu hentam, kita baru dua *million* sini, tahu? Boleh dengar, bukan saya tidak boleh dengar. Tadi saya sudah cakap, ada telinga. Dua *million*. Kita tak boleh buat apa, ini Orang Melayu sini, sudah 20 lebih *million*. Berapa *million*?... Adakah 27, 22? Dia pun tak tahu- 20 lebih *million*. Lebih kurang. Kita India, dua *million*. Orang Cina, tujuh *million*. Sekarang siapa kacau ini dalam Malaysia?

Orang luar yang memberi kacau. Tidak ada, sekarang orang luar kacau, sekarang sudah habis ini *Selayang Market*, baru Tun Mahathir- saya tak mahu cakap Tun Mahathir. Mahathirlah. Mahathir, dia yang turun di Petaling Jaya (PJ), pasar malam. Pasar malam, dia turun, dia pergi angkat, panggil *sign* semua rakyat sana. Apakah dia mahu buat? Dia mahu jadi Perdana Menteri? Pengkhianat negara ini, tahu? Ini Mahathir. Pengkhianat negara dan agama Melayu. Saya tidak takut dengan dia. Apabila saya ada di luar bersama kawan Anwar, dia terus tangkap saya, letak dalam penjara. Saya keluar, saya pergi jumpa sama dia, saya cakap, kita kerja sama-sama. Saya cakap dengan dia. Dia pun suka dengan saya, "Ya, betul sekarang you kerja dengan kita."

Sekarang dia buat kerja ini. Dia pergi ke luar negara, beri rosak negara kita. Dia mahu minta maaf, bukan rakyat pun dia minta maaf tidak mengapa. Minta maaf dengan Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, kita punya Perdana Menteri. Dia mesti mahu minta maaf. Tidak ada rakyat mahu tolak dengan dia. Dia sudah umur berapa? 90 lebih. Lagi dia mahu hidup, berapa lama dia mahu hidup? Dia mahu bawa anak dia, beri jadi Perdana Menteri. Apabila dia duduk pangkat 22 tahun pada waktu itu, dia tak ada mahu buat. Sekarang, dia mahu buat. Dia yang beri tolak Tun Abdullah Ahmad Badawi, lagi siapa? Tun Musa Hitam. Dia sudah tikam belakang empat orang. Anwar Ibrahim. Saya bukan Perdana Menteri lah, dia sudah tangkap letak saya dalam.

Jadi, ini semua apabila dia menjadi Perdana Menteri. Sekarang dia mahu buat apa? Dia sudah tolak, okey, Badawi, dia cakap, kacau. Dia tidak boleh jadi Perdana Menteri, dia selalu tidur. Dia tidur lagi baik, dia buat *government* kita punya kerajaan lagi baik. Jaga baik. Ini orang sudah tua, tidak ada tidur, dia pergi kacau. Kita tengok negara ini maju. RM2.6 bilion. Apa RM2.6 bilion? Semua sudah selesai. Menteri Luar Arab dia sudah cakap. Lagi dia mahu apa? Dia punya harta datang dari mana? Mahathir punya harta, semua datang dari mana? Dia punya bapa bukan jutawan. Mahathir sekarang jutawan, dia punya anak semua jutawan. Itu harta semua datang dari mana? Itu kita mahu tengok.

Ini Tun Mahathir, saya lagi suka Mahathir tetapi saya hormatlah, umur punya pasal, saya hormat. Tuan Yang di-Pertua, / hormat. Tan Sri ini dan juga Tan Sri. Akan tetapi ini Mahathir, mahu kacau kita punya Perdana Menteri, bukan sedikit. Ini DAP, dia itu, Yang Berhormat Kepong, dia pun sudah cakap, ini kawasan tidak boleh kacau. Orang ini dia tidak ada *involve*. Dia tidak ada *involve*, dengan izin. *He's not involved. Why everybody wants to disturb him?* DAP, Yang Berhormat Kepong, dia cakap.

*Paper* ada keluar, *news* ada keluar. Bukan saya cakap. Dia cakap. *People who want to disturb* Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak. *Not people. Only this one man. I had a very high respect for Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin. He really just came out with a statement. I want to disturb all out, I want to disturb* Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak. Apakah *you* mahu *disturb*? *You* sudah keluar, keluarlah. Lagi apa mahu *disturb*?

Dia mahu kacau. Dia cakap, "Saya *will go all out.*" Apakah *all out*? *You* sudah buat salah, *you* sudah buat. Sudah, diamlah. Umur *you* pun sudah lebih. Lagi kenapa dia mahu pergi cakap macam itu? *I respect that man. All the while, I respect him very well*, dengan izin. *I got my man to teach me.* Dengan izin, *I respect him.* Akan tetapi sekarang tengok dia cakap, ini sampai Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak keluar, saya tidak akan lepas. Apakah dia mahu lepas? Ini Tun Mahathir, dia pun sudah *resigned* dari UMNO, sudah *resigned* dari Petronas, Proton, semua sudah *resigned*.

Sekarang apa lagi dia mahu? Duduk diam-diam. Sudah tua. Duduk. Jaga dia punya cucu. Jaga *business* anak dia. Pergi jaga, tak usah kacau Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak. Kalau dia kacau Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak lagi, tadi Yang Berhormat Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin, dia cakap *very patient man*, dengan izin. *Very very patient man*, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak. *I have never seen him get angry. I have never seen him get angry*, Tuan Yang di-Pertua. *I know him when he was a Youth Leader for UMNO until today. Never get angry. Very patient man, but do not test him like that.* Ini mereka mahu kacau sama dia. Dia mahu bangunkan negara kita. Mereka mengacau, hari-hari kacau. Dia tidak boleh.

Mahathir sekarang, saya dengar, dia tidur, dia mimpi. Macam mana dia mimpi? Tengok *fan* atas, muka Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak. Dia mahu ambil air minum, muka Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak. Dia duduk dalam kereta, muka Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak. Dia malam tidur, muka Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak. Jadi, dia panggil isterinya, "Bangun". Apa, dia tanya? "Saya sekarang selalu tengok muka Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak everywhere", dengan izin. Mahu minum air pun dia punya muka di dalam. Duduk dalam kereta, seperti dia duduk di sebelah saya. Mana-mana pun saya tengok dia. Macam mana? "You Mahathir, diamlah. You tutup mulutlah." dia cakap.

Saya dengarlah, orang cakap dengan saya ini. Orang boleh cakap dengan saya. Dia seperti ini. Kita cakap sini lah tetapi itu orang luar yang cakap dengan saya, saya mari cakap dekat sini.

**Seorang Ahli:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Kenapakah tidak boleh? Sekarang *you* pun cakap, itu hal Selayang, *you* dengar sahaja orang cakap, bukan *you* pergi lawan. Bukan *you* pergi lawan Yang Berhormat. Ini kita cakap, dengariah. Tak usah. Ini Mahathir mesti- betul-betul saya cakap, kalau dia mendengar *speech* saya hari ini, esok pagi terus pergi rumah Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, minta maaf. *You* pergi dengan dia. Kalau *you* tidak boleh, *you* telefon saya, saya bawa *you* pergi. Saya boleh bawa dia pergi. Saya baru-baru ini, sudah satu bulan, dahulu saya pergi tengok Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin. Saya duduk dengan dia, minum kopi dekat Bangsar sana. Saya tanya dia, apakah hal, *why*?

Dua jam, *non-stop* dia bercakap. Saya diam, dengar sahaja. Dia cakap 1MDB. Saya cakap. Dia cakap GST, saya pun sudah tidak boleh tahan. Saya tanya dia, "*Tan Sri, bila you ada dalam kerajaan sana, apabila jadi Timbalan Perdana Menteri, apakah you buat? Sekarang you mahu cakap ini GST.*" "*Oh, itu GST, mereka bikin itu ini.*" Lagi apa Kabinet mahu mesti bawa? *You* duduk dengan Perdana Menteri, *you* boleh bincang. Ini semua sekarang sudah keluar macam-macam dia orang cakap. Macam-macam boleh cakap.

#### ■1700

Tuan Yang di-Pertua, sekarang kita sudah tengok RM2.6 bilion, Menteri Luar Negeri Arab sudah cakap ini sudah selesai. Lain kali sesiapa yang bercakap hal ini, kerajaan mesti ambil tindakan. Kalau tidak, nanti mereka akan pergi ke PJ, Petaling Jaya atau di mana-mana tempat nanti dia orang *sign*. Dia *sign*, RM30 juta ada di sini kita rakyat Malaysia.

Tunggulah nanti Pilihanraya Umum Ke-14 nanti *you* boleh undi, *you* boleh tukar kerajaan kah, *you* mahu tukar Najib kah, *you* mahu tukar Speaker Dewan Rakyat atau Speaker Dewan Negara kah, dia orang punya suka. Sekarang *you* pergi bising buat apa? *You* sudah jadi Perdana Menteri 22 tahun, lagi *you* mahu bawa *you* punya anak untuk jadi Perdana Menteri? Orang kerja sekarang ini orang kesian.

Saya tengok muka Najib semalam waktu dia duduk di sini, saya tengok muka dia kesian. Orang baik. Ini macam punya orang pun dia orang mahu kacau? Apabila kita atau siapa-siapa kacau Perdana Menteri 22 tahun ini, Mahathir orang kacau, oh dia tidak boleh tahan, panggil polis. "*Ini siapa ini? Ini Nallakaruppan siapa ini? Apakah yang dia cakap itu? Boleh tolong tengok?*" Polis terus pergi saya punya rumah. Pergi dan tanya, "*Apakah ini Datuk Nallakaruppan mahu? Mari ikut sama kita pergi.*" Terus pergi mana? Bukan pergi minum kopi kah, terus ke Bukit Aman.

*You* kerajaan tidak boleh kawan sama siapa-siapa. Kalau Ali Rustam sewaktu menjadi Ketua Menteri Melaka, kalau saya kawan, kalau saya ikut sama dia, kalau dia bikin salah, tangkap sama saya.

Saya berkawan dengan Anwar, dia tangkap. Sekarang ini Mahathir mahu berjumpa Anwar. Tengok macam mana? Tak ada malu. Sekarang Anwar yang jadi Perdana Menteri kalau dia tidak ada tangkap. Dia tangkap. Dia sekarang di Penjara Sungai Buloh. Baru-baru ini saya ada berjumpa dengan Anwar... [Disampuk] Eh, betul...

**Seorang Ahli:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Ada jumpa. Baru-baru ini saya ada jumpa. Saya ingat semua Ahli-ahli Yang Berhormat di sini tahu, dia *sue* saya dengan izin, RM60 juta. Saya pun ada di sini PAS. RM60 juta tidak cukup, dia saman saya RM500 juta pun saya tidak lari. Ada ingat?

**Seorang Ahli:** Ingat, ingat.

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Ada ingat, baik. ini Yang Berhormat Timbalan Menteri punya suara. Ini suara saya sudah tahu. Daripada suara saya sudah tahu Timbalan Menteri duduk di sana.

Jadi, saya berjumpa Anwar baru-baru ini di mahkamah di Jalan Duta. Peguam saya cakap, "*Dia mahu jumpa sama you. Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu jumpa sama you.*" Saya cakap boleh, tidak ada masalah. Apa salahnya berjumpa. Saya pergi. Masuk ke dalam bilik dia, dia duduk dalam bilik, polis yang menghantar saya, saya berjumpa dengan dia. Dia bangun dan bersalam dengan saya, saya pun salam sama dia, dia panggil saya duduk... [Disampuk] Ada peluk, ada, ada.

*So he said, "Datuk Nalla, we are old friends". Saya beritahu dia, "Baru you tahu kah kita kawan?" Dia cakap, "Forget about everything". "How to forget? You brought me to court, so how to forget?" Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. "So what do you want now?" Dia cakap, "No, we think of our old days, I withdraw the case". "Well enough, good. You want to withdraw, withdraw." As a friend- this is friend always. He can be anybody, he can be somebody or I fight with him, but the friendship is still there. When I come out from the mahkamah after he withdraw the case, the newspaper dia orang bertanya, "Sekarang you sama Anwar apa macam?" Saya cakap kawan. Tetap kawanlah, tidak ada salah. I will like to see him again, I will talk to him.*

Bila saya berjumpa dia di mahkamah, saya cakap dengan dia satu sahaja, *"Anwar, you can do anything but don't ever see Mahathir. This is my advice to you"*. Dia mahu tengok, Mahathir mahu tengok sama dia. Dia mahu tengok dia punya isteri, dia tidak ada tengok. Saya tengok surat khabar, dia tidak mahu tengok. Sekarang dia mahu tengok Anwar. *"Don't ever see him, I told you. This is my advice to you,"* dengan izin.

Saya ingat sekarang Anwar tahu siapa Mahathir. Sekarang dia mahu pergi tengok, lagi apa? Apakah maruah yang dia ada? Mahathir, apakah maruah yang dia ada? Dia yang tangkap dan letak dia di penjara, sekarang dia mahu tengok dia punya anak, dia punya bini, semua dia mahu tengok. Kalau saya macam itu, saya gantunglah. Saya takkan ini macamlah. Ini tidak ada maruah punya orang. Sudah 22 tahun tipu rakyat Malaysia. Dia betul-betul tipu rakyat Malaysia. Dia duduk di atas sana dia tipu.

Kalau sesiapa bikin- ISA, berapa orangkah kena ISA? Dahulu ada seorang kawan yang duduk di sebelah sana, dia pun kena ISA. Kadang-kadang dia cakap ISA. Lim Kit Siang pun kena ISA juga, masuk dalam. Ini Mahathir yang bikin. Sekarang tengok, sekarang dia mahu pergi semua dia tengok. Dia tengok Lim Kit Siang, oh, abang adik. Semua sekarang dia banyak baik. Dahulu dia tidak suka DAP, Lim Kit Siang tetapi sekarang Lim Kit Siang ada selalu, dia cium di sini. Sekarang tengok, macam-macam dia boleh bikin.

Ini orang di dalam negara ini, betul-betul saya cakap, ini seorang pengkhianat negara, agama dan Melayu. Dia betul-betul mahu menjual Melayu di luar negara. Pergi ke luar negara mahu merosakkan negara kita untuk apa? *You bikin you* punya kerja di sini, *you* mahu lawan sama Najib, *you* lawan, kita pun lawan. Pilihanraya Umum Ke-14, *you try, you* boleh lawan di sini, tidak payah rosakkan negara kita di luar negara. Itu tidak patut.

Bila *you* ada 22 tahun jadi Perdana Menteri, ada orang pergi cakap itu macam, dia boleh diam? Oh, Anwar pergi Amerika dahulu dia ada *red carpet*, itu yang ditunjukkan hari-hari di dalam televisyen bila Anwar kena tangkap. Hari-hari ditunjukkan dalam televisyen. Anwar itu *spy for Americans*. Ini siapa yang cakap? Saya ingat semua Ahli Yang Berhormat di Dewan Negara ini dan semua orang tahu, hari-hari ditunjukkan di televisyen, *paper*. Saya ada *cutting*, banyak *cutting* ada. Ini Anwar dia pergi Amerika, lain tidak boleh. Bila dia ada...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada seorang bangun.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Minta laluan. Boleh Yang Berhormat Datuk Seri Nalla?

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Boleh.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Seri Nalla.

Saya bermula di Dewan Negara pada 7 Oktober 2013 dan tahun ini tahun ketiga saya. Pada 7 Oktober 2016, saya akan tamat perkhidmatan kalau tidak disambung. Sepanjang daripada itu, dari tahun 2013 sampai ke saat ini, saya tidak pernah mendengar Datuk Seri Nalla dalam ucapan beliau mengatakan sebaik ini, maknanya dengan Anwar Ibrahim khususnya.

Daripada awal sehingga ke saat ini *dok* hentam sahaja Anwar Ibrahim. Datuk Seri Anwar Ibrahim main itulah, main inilah, macam-macam, tetapi hari ini Datuk Seri Anwar Ibrahim menjadi cantik, baik. Mahathir sudah jadi tidak elok sekarang ini. Anwar Ibrahim sudah jadi baik. Kenapakah boleh jadi macam itu? *Corner* sekejap sahaja. Atau ini jenis gaya yang mudah hendak *corner* semua ini? Jadi minta penjelasan Yang Berhormat lah.

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Yang Berhormat Yahaya bertanya, ini pun baik jugalah, mahu kasi tahu rakyat. Sekarang bila Mahathir kacau Perdana Menteri kita, adakah Anwar sekarang memberikan apa-apa *statement* kah, apa-apa dia cakap? Tak ada. Sekarang dia tak ada cakap Najib apa-apa. Dia tak ada *condemn* negara kita, dia tidak ada *condemn* Perdana Menteri saya.

■1710

So sekarang saya sokong dia. Sekarang saya sokong Anwar. Saya sokong, bila dia cakap kita punya Perdana Menteri daripada kacau sama dia, dia tak dak, saya sudah cakap sama dia. Saya beberapa hari cakap, saya ada kini dia di mahkamah, saya duduk sana. Cerita sama dia, *45 minutes*, 45 minit saya cerita sama dia. *You* ingat Yang Berhormat, saya tidak ada cakap saya punya *family*kah, dia punya *family*. Saya cakap rakyat Malaysia dan saya punya Perdana Menteri punya hal. Itu juga. Saya ini, dia pun dengar.

Saya tadi sudah cakap, saya tengok tarikh. *If you are a real gentleman*, dengan izin, *don't see him. So this is the advice, I gave it to him. Whatever I told him, he also listened to me*, dengan izin. So itulah dia saya cakap, ini dulu saya cakap, itu kes semua dia sudah *withdraw*, saya sudah cakap. Dia sudah tarik balik itu kes. Orang bikin salah, dia sudah mengaku, okey *sorry*, minta maaf. Lagi apa mahu bikin? Lagi angkat pisau bunuh sama dia? Tak bolehlah. Kita kawan, itu tadi saya cakap bila saya keluar...

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Okey, Yang Berhormat, Yang Berhormat meminta...

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Nanti, nanti, nanti, biarkan saya habis dulu.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Sikit sahaja, sikit sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tunggu Yang Berhormat, Yang Berhormat, tunggu sekejap. *Only one person at one time.*

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Itu dia duduk Tuan Yang di-Pertua [*Ketawa*] Kalau macam itu keadaannya Yang Berhormat Senator Datuk Seri Nalla, saya syorkan, dalam Dewan yang mulia ini yang selama ini Datuk Seri Nalla buat kenyataan menuduh Dato' Seri Anwar Ibrahim itu dan ini, tarik baliklah.

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Saya bercakap itu, lain-lain semua saya tak boleh tarik balik. Itu semua betul punya [*Ketawa*] Itu mana saya tarik balik? Sekarang dia mahu ikut kita, dia mahu sokong kita, kita pakai dialah [*Ketawa*] Ini macam boleh pun mahu beritahu sama *you* apa? [*Ketawa*] Ini pun satu Ahli Dewan Negara, saya mahu beritahu susahlah ini. Betulkah tak Yang Berhormat? Kadang-kadang saya mahu cakap Tuan Yang di-Pertua, kacau. Saya sudah lain.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Saya cuma mahu tanya.

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Tanya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, teruskan Yang Berhormat. Saya bagi lagi dalam lima minit Yang Berhormat.

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Lima minit tidak cukup Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua pun sudah 25 sudah mahu balik. Beri saya cakap hari ini satu jamlah Tuan Yang di-Pertua [*Ketawa*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, okey. Yang Berhormat teruskan, teruskan.

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Saya ingat Tuan Yang di-Pertua sudah balik, sudah 25, saya lima minit sahaja orang kasi pun saya cakap duduk. Ini hari Tuan Yang di-Pertua bagi saya satu jam.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, teruskan Yang Berhormat, teruskan.

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Terus? Ha, ini macam, Tuan Yang di-Pertua sudah bagi saya satu jam [*Ketawa*] Saya harap bukan kacaulah. Ini orang kacau, saya pun ikut, *you know...*

Yang di-Pertua, tadi ada orang di Parlimen, dia India ada datang di sini. Saya ada jumpa dia, dua, tiga orang. Mereka panggil saya pergi makan. Saya pergi makan sama mereka. Mereka cakap, dia ada pergi Bali, Singapura, lagi dua buah negara mereka pergi. Dia cakap, baik kita duduk sini Dewan, kita tengok bangsa lain-lain ada. India, Cina, Melayu, dia cakap *very good*. Mereka cakap banyak baik. Saya cakap, kita ini dalam negara ini, kita orang betul serupa abang, adik.

Sekarang dari India, dari Bangladesh, lain-lain negara mari yang kasi rosak kita. India pun ada mari rosaklah? Betullah, dia pun ada mari rosaklah. *You* dari mana? Dia bertanya. Saya dari Malaysia, saya cakap. Dia cakap, saya dari Malaysia. Oh, lagi satu orang lagi? *You* punya papa dari mana? Saya punya papa pun warganegara Malaysia. Saya cakap. *You* punya *grandfather*? *The grandfather* saya tak tahulah [*Ketawa*] Betul-betul saya cakap. Saya *grandfather*, saya tak tahu [*Ketawa*] [*Disampuk*] Ha? Eh, betullah. *You* tak ada. Yang Berhormat...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat...

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Mahu tanya apa-apa, bangun tanyalah. Tak usah duduk tanyalah [*Ketawa*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat teruskan Yang Berhormat. Jangan pedulikan mereka cakap.

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Akan tetapi mahu hormat Tuan Yang di-Pertua. Saya punya sahabat Tuan Yang di-Pertua, sudah *going on the 25th* Tuan Yang di-Pertua, ini orang lagi ada sini. Saya mahu... [*Ketawa*] Saya betul-betul saya hormat DAP naib... [*Disampuk*] Nantilah, saya akan datang. Bukan sekarang saya mahu balik. Boleh balik... [*Disampuk*] Yes.

**Seorang Ahli:** Tak ada bagi nasihat lagi.

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Tak ada, tak ada. Tuan Yang di-Pertua, *he wants me to take about the Indian*, dengan izin. *Can I talk to him?*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, teruskan Yang Berhormat.

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Terus? Okey. Itu India tadi mari duduk sini. Dia orang *expect that I will speak*. Itu jam, mereka ke mari duduk, saya pun tak ada tengok. Saya tanya satu soalan sama Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya. Itu tak ada bukan, datuk sana, itu Kelantan punya cakap. Saya tanya dia soalan, itu Perdana Menteri kita, dia jaga semua rakyat Malaysia, bukan orang UMNO saja. Itu sahaja saya tanya. dia sana punya cakap, Oh, *you* orang cakap ini Melayu, *you* pandai. Akan tetapi saya cakap bukan India tau, saya cakap bahasa saya cakap sama dia. Dia cakap, ya, ya, betul. Dia yang cakap sama saya. Kita sudah pergi semua negara dalam dunia. Dia cakap satu Parlimen, dia cakap dalam dunia, di Malaysia yang paling lebih India di sini, dua juta. Di lain-lain tempat, ada tetapi bukan dua juta.

Sekarang ini dua juta sini pun, kita betul-betul ikut Perdana Menteri kita. Saya kasi tahu sama itu Ahli Parlimen dari India. Kita betul-betul sokong ini Perdana Menteri. Dia fikir untuk India, Cina, Melayu. Akan tetapi kita India betul-betul sokonglah. Melayu, mereka ada rosak sikit. Macam mana dia bertanya- 22 tahun ada satu Perdana Menteri, ada dengar Mahathir? Ya, ada. Saya ada dengar. Dia punya bapa dari Indiakah? Dia bertanya. Dia bertanya, saya jawab, itu saya tak tahu dia punya bapa dari mana tetapi saya tengok kadang-kadang blog mereka letak, itu Mahathir Kutty. Itu mereka sudah cakap. Akan tetapi betul-betul dia punya bapa dari mana tak tahu. Mereka cakap, ini orang, dia punya *grandfather*kah, bapakah, dia dari India juga turun sini. Dia punya bapakah, *grandfather*, dia cakap- bukan jutawan.

Ini Mahathir, saya cakap tak boleh cakap itu macam, Mahathir jutawan. Dia punya anak pun jutawan. Akan tetapi dia *father* saya tak tahulah. Akan tetapi siapa-siapa tahu kalau, Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua kalau tahu, *you* boleh beritahu sama saya, dia jutawankah, dia punya bapa jutawankah. Tak tahulah, dia punya ayah siapa-siapa. Saya tak tahu. Mereka ingat ini Mahathir banyak baik. Saya cakap baru-baru ini dia sudah *resigned* dari Petronas, Proton, 22 tahun dia duduk satu rumah. Dia mahu keluar, dia mahu bakar itu rumah, saya cakap. Eh, apakah itu rumah dia bakar? UMNOlah dia duduk 22 tahun. Sekarang mahu kasi hancur itu parti. Hancur Melayu. Dia cakap *why*. Pasal apa dia ini macam? Ini India punya orang cakap sama saya tahu. Saya kasi tahu semua orang.

Saya tahu India tetapi saya boleh dengar, saya diam. Tak boleh, ini kita punya negara. Kita punya Perdana Menteri. Kita mahu jaga, itu sudah saya cakap. Saya cakap, okey, ini Perdana Menteri kalau ini macam, pasal apa *you* orang tak ada ambil tindakan.

Kalau India, kalau lain-lain negara, mereka mesti ambil tindakan. Dia sudah tua. Sekarang kalau kita tangkap, taruh sama dia, nanti apa-apa sudah jadi dalam penjara, nanti susahlah. Nanti kita mahu pergi angkat sama dia ke mari, dia punya badan semua mahu hantar sana sini, semua susah. Itu sebab kita punya Perdana Menteri sekarang diam. Tengok apa dia bikin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, cukup cerita itu sudah. Ada poin lagi? Teruskan.

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Ada, ada, ada Tuan Yang di-Pertua. Ini DAP tadi, saya cakap DAP punya Naib Pengerusi DAP, Ahli Yang Berhormat Kepong. Dia yang cakap. Ini Perdana Menteri kita tak boleh cakap dia sudah bikin salah. Orang tak ada bikin salah, kita tak boleh cakap dia bikin salah. Dia orang cakap. Ini saya betul-betul hormat sama dia. Dia DAP pun saya hormat. Orang rupa ada baik, orang tahu. Kalau orang tak tahu, mereka tak ada cakap. Yang Berhormat, apa tengok Yang Berhormat?

**Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah:** Tengok, tengok sahaja.

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Tengok, tengok boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak apa Yang Berhormat, dia...

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Kalau Yang Berhormat mahu tanya apa-apa, saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Terus, teruskan.

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Pasal apa saya cakap DAP...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, teruskan.

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Baik.

**Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah:** India pun mahu gaduh?

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Bukan gaduh... *[Bercakap dalam bahasa Tamil] [Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu cakap apa Yang Berhormat?

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Tak ada, tak ada, dengan izin.

**Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah:** Ini / tolong *translate*lah.

■1720

**Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah:** Dia cuma cakap dia tidak gaduh dengan saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, terima kasih, terima kasih.

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Saya cakap saya tidak ada gaduh sama dia. Saya cakap betul, betul atau tidak? Saya tanya itu sebab kadang-kadang dia orang tidak tahu, dia orang kacau. Nanti saya mahu cari *special class* untuk saya punya Ahli-ahli semua lah. Kasi dia orang belajar Tamil.

Tuan Yang di-Pertua, ini 1MDB. RM2.6 bilion, April 2016 yang lalu PAC sudah cakap ini semua sudah selesai, tidak ada apa-apa. Dia orang mahu cakap lagi tentang RM2.6 bilion ini. Mana boleh cakap lagi tentang RM2.6 bilion. Tindakan mesti mahu diambil. Perdana Menteri kita tahu dia *very patient man*, dengan izin, tetapi dia mahu angkat tindakan. *You* tidak boleh diam-diam duduk. Dia orang mahu ketuk *you* punya kepala. Selalu ketuk kepala *you*. Kalau tengok Perdana Menteri 22 tahun, apa dia bikin? Sekarang *you* pun bikin sedikit kerja, sedikit kacau. Tidak boleh duduk macam ini. Kalau duduk macam ini nanti kita susah. Ini *my advice to the Prime Minister*, dengan izin, *you please look into this matter. Mahathir or anybody, if they want to disturb the country and the rakyat, please take action. This is my advice to the Prime Minister today...*

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey.

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Apa yang okey Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** *You* sudah... *[Ketawa]*

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Tuan Yang di-Pertua, saya belum habis. Saya baru bercakap.

**Tuan Yang di-Pertua:** *You have said it*, dengan izin...

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Tuan Yang di-Pertua, *where is my...*

**Tuan Yang di-Pertua:** Dengan izin, sudah cakap begitu saya ingat sudah mahu habis.

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Tidak ada Tuan Yang di-Pertua. Saya cakap dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, bila *you* cakap, sekarang hati saya banyak susah Tuan Yang di-Pertua. *You are going on the 25<sup>th</sup>*, dengan izin. Saya kadang-kadang rasa hendak nangis Tuan Yang di-Pertua. Tidak boleh tahan. Saya sudah tengok muka Tuan Yang di-Pertua, empat tahun duduk sini. Sekarang 25 hari bulan Tuan Yang di-Pertua sudah pergi, 26 hari bulan saya tengok siapa punya muka, tidak tahu...

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya bagi lima minit Yang Berhormat. Cukup.

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Tuan Yang di-Pertua punya cakap saya tahu, Tuan Yang di-Pertua cakap lima minit- saya tahu Tuan Yang di-Pertua punya hati banyak baik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan, teruskan, teruskan.

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Ya Tuan Yang di-Pertua.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** *Adviser*, sama siapa?

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** *No*. Saya cakap betul Ahli-ahli Dewan Negara ini. Perdana Menteri *must be a little bit firm*, dengan izin. Dia mesti mahu *firm* lah. Kalau tidak orang kacau, sana kacau, sini kacau, Mahathir kacau, lagi semua kacau. Pilihan raya sudah hampir, lagi dua tahun. Masa itu dia orang boleh bertanding. Kalau menang, angkat. Tidak ada, sampai waktu itu kita kasi Perdana Menteri bangunkan negara kita, tidak usah kacau. Itu sahaja saya minta. Akan tetapi dia orang kacau-kacau pun, Perdana Menteri tidak boleh diam-diam duduk.

*You* mesti mahu ambil tindakan. Kalau tidak ada, Mahathir *you* cakap sama dia, panggil polis pergi tangkap, letak dia tiga hari di Bukit Aman. Kasi dia duduk sana. Mana bilik saya duduk itu, bilik itu kasi dia. Saya pun duduk sana di Bukit Aman. Lagi dia hantar saya pergi ke Sungai Buloh. Hati saya sangat susah masa itu, saya sudah hilang beberapa *company*. Itu Mahathir punya pasal.

**Seorang Ahli:** Ini balas dendam lah?

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Dia punya pasal saya hilang semua. Kerja hilang, semua hilang.

**Seorang Ahli:** Tidak baik, dendam.

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Dia tidak ada baik. Kalau dia baik punya orang saya tidak ada cakap. Dia jahat.

**Seorang Ahli:** Dia jahat sama Anwar.

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Anwar lainlah. Anwar lain, Anwar fikir lain, saya fikir lain. Pasal apa kita mahu ikut Anwar punya cakap. Tadi saya sudah *explain* sama *you*- Anwar macam mana, kita macam mana. Sekarang Anwar, kalau jaga kita. Kita jaga sama dia lah, kalau dia jaga kita, kita punya negara, semua rakyat...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sudah faham dah Yang Berhormat. Boleh gulung sekarang.

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Serius kah Tuan Yang di-Pertua? Dengan izin.

**Tuan Yang di-Pertua:** *I am serious now.*

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** *Yes, I am also seriously going to* gulung, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, sebelum gulung saya kasi tahu Tuan Yang di-Pertua satu hal. Saya betul-betul sudah empat tahun duduk sini, saya tengok Tuan Yang di-Pertua tetapi sekarang Tuan Yang di-Pertua sudah mahu pergi. Dia orang semua suka tetapi hati saya susah. Tengok dia orang suruh saya nangis...

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** Jangan tuduh. Tuan Yang di-Pertua, saya minta tarik balik. Jangan tuduh kita.

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Pasal apa *you* panggil saya nangis? Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup.

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Banyak terima Tuan Yang di-Pertua. Dengan izin, *you have done a lot for the Dewan Negara. This will be in the history and we would not forget it* Tuan Yang di-Pertua, dengan izin. *Wherever we go, we won't forget you.* Bila Tuan Yang di-Pertua senang, kita sudah cakap boleh telefon panggil kita, kita boleh pergi main golf, boleh minum. Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, dengan ini saya menyokong. Saya ucapkan berbilang-bbilang terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, terima kasih. Datuk Seri Nallakaruppan dan semua Ahli Yang Berhormat adalah kawan saya. Bila berada dalam Dewan saya dengar. Mana yang baik saya biarkan tetapi masa sebagai Tuan Yang di-Pertua saya terpaksa tegas kepada semua. Bukan saya tidak sukakan Yang Berhormat. Mesti ada keadilan bagi saya duduk di sini. Kalau kita hendak sambung lagi di luar itu *anytime*, dengan izin. Sekarang tanpa membuang masa lagi saya mempersilakan Dato' Jaspal Singh.

## 5.25 ptg.

**Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh:** Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya berbahas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

*Indah sungguh ciptaan Tuhan,  
Mentari merah di waktu senja,  
Salam sejahtera, salam 1Malaysia saya ucapkan,  
Sebagai tanda membuka bicara.*

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa begitu bangga sekali kerana sekali lagi berada di Dewan yang mulia ini, membahs Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Semasa saya berfikir dan menyediakan perbahasan saya, saya menoleh ke belakang dan berasa terperanjat bahawa begitu cepatnya masa telah berlalu. Kali ini kali yang kelima saya berbahas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Dewan yang mulia ini. Walau bagaimanapun, saya tetap berasa bertuah dan syukur kepada Tuhan kerana diberi peluang menjadi seorang Ahli Dewan Negara, membawa perkara-perkara dan isu-isu ke Dewan yang mulia ini demi kebaikan rakyat Malaysia.

Baru-baru ini saya telah menghadiri dua program di mana fikiran saya sebagai seorang ahli politik yang memperjuangkan demi bangsa dan negara, fikiran saya telah membawa saya mengkaji suasana negara kita semasa kita mencapai merdeka.

Saya pernah dijemput untuk menghadiri taklimat TPPA di mana Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Luar Negeri MITI II iaitu Datuk Seri Ong Ka Chuan telah memberi satu ucapan. Dalam ucapan beliau, beliau telah menyatakan bagaimana sebelum merdeka Parti Perikatan, UMNO MCA dan MIC telah bekerjasama dalam satu agenda yang *common*, dengan izin. UMNO, MCA dan MIC telah bergabung bersama-sama untuk memperjuangkan hak setiap kaum untuk meneruskan sekolah-sekolah dalam bahasa ibunda sebab masa itu Kerajaan British telah berpendapat hendak berhentikan menukar semua sekolah ke satu aliran iaitu aliran bahasa Inggeris.

Agenda untuk memperjuangkan hak belajar dalam bahasa ibunda telah menjadi satu agenda *common and basic agenda*, dengan izin, bagi parti politik yang mewakili ketiga-tiga kaum di Malaysia dan mereka berjuang mempertahankan hak orang Malaysia untuk mempunyai pilihan belajar dalam bahasa ibunda. Saya juga telah menghadiri sebuah jamuan di mana parti MIC telah memberi penghargaan kepada tokoh-tokoh politik veteran. Kebanyakan mereka yang telah hadir dalam jamuan ini ahli-ahli politik yang telah berjuang bersama-sama dengan UMNO dan MCA untuk kemerdekaan Malaysia...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kerana jam sudah tepat menunjukkan 5.30, maka saya tangguhkan Mesyuarat ini sehingga jam 10 pagi, hari Rabu 20 hari bulan, esok.

Kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi nama Yang Berhormat bersedia, esok akan diberi prioriti. Saya harap juga semua Ahli Yang Berhormat tolong bagi nama supaya senang. Kita ada dua hari lagi, esok dan lusa. Sila bagi nama bila hendak berucap atau berbahas, senang saya hendak menentukan. Sekian, terima kasih.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.]***